PENYELEWENGAN AJARAN AHLU S-SUNNAH WA L-JAMA'AH

La fatan Illa 'Ali Wa la saifa illa dhu l-Fiqar

默桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁桁ω

1996

MUKADIMAH

Bismillahir Rahmanir rahim.

Penentangan terhadap pengikut-pengikut Ahlu l-Bait a.s makin meningkat di masa ini berikutan penguasaan kaum Wahabi di dalam urusan pemerintah. Justeru itu mereka mengguna pemerintah bagi menentang pengikut mazhab Syiah di atas alasan penyelewengan, kesesatan malah kekafiran. Lantaran itu, mereka mengadakan undang-undang khusus bagi membenteras Syiah dari semua peringkat. Mereka menghidupkan sunnah orang-orang yang terdahulu bagi menentang ajaran kebenaran Ahlu –Bait a.s.

Hukuman kesesatan dan kekafiran itu dikeluarkan oleh penguasa agama sehingga mereka menulis buku khas berjodol: Penyelewengan Ajaran Syiah. Ianya diedar diseluruh negara di dalam berbagai bahasa. Kemudian mereka melaku tindakan susulan dengan bermacam-macam tekanan ke atas pencinta keluarga Rasulullah s.a.w.

Justeru itu, buku ini adalah sebahagian jawapan kepada buku tersebut terutamanya mengenai sahabat. Syiah tidak mengafirkan sahabat, tetapi yang mengafirkan sebahagian sahabat adalah Rasulullah s.a.w sendiri. Ini adalah disebabkan oleh perbuatan mereka sendiri yang mengubah hukum Allah, dan sunnah Rasul-Nya, serta melakukan kezaliman kepada keluarga Rasulullah s.a.w.

Para Imam a.s amat tegas di dalam ketetapan mereka terhadap pelaku kezaliman tanpa mengira keadaan walaupun ia amat menyedihkan sekali. Islam asal (*Din Muhammadi Asil*) tidak dapat dinilai kembali atau diubah oleh sesiapapun sama ada dia bernama sahabat besar atau sahabat kecil, tabi‘i besar atau tabi‘i kecil dengan alasan *Masalih al-Mursalah*, kepentingan semasa, dan sebagainya jika penilain tersebut bertentangan dengan perintah Allah dan sunnah Rasul-Nya.

Definisi kesesatan dan penyelewengan mestilah berdasarkan kepada al-Qur’an dan sunnah Nabi-Nya, bukan berdasarkan kepada kehendak pemerintah. Justeru itu, ia mestilah bersifat menyeluruh dan taat kepada keseluruhan ayat-ayat al-Quran. Buku ini khusus untuk penganut mazhab Ahlu l-Bait a.s, atau syiah Ja‘fari sahaja dan bacalah dengan hati yang tawaduk. Sekian.

21 Disember, 1996.

KANDUNGAN

BAHAGIAN PERTAMA

A. Penyelewengan dari sudut Akidah:

BAHAGIAN KEDUA

Akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah Yang Bertentangan Dengan al-Qur‘an:

BAHAGIAN KETIGA

BAHAGIAN PERTAMA :

Pengenalan

Perkataan "penyelewengan" bererti perbuatan menyeleweng, penyimpangan dari dasar, memisahkan seseorang dari hakikat pengajaran agama. (*Kamus Dewan*, hlm. 1145) Sementara perkataan " kesesatan" bererti perihal sesat. Dan "sesat" adalah tidak mengikuti jalan yang betul, tersalah jalan, terkeliru, menyimpan dari jalan yang benar (*Ibid*, hlm. 1191).

Perkataan *Dhalal* (kesesatan) di dalam al-Qur'an dikaitkan kepada penderhakaan terhadap Allah (swt) dan Rasul-Nya, kerana menyalahi, menolak, mengubah, dan menangguhkan hukum-Nya. Firman-Nya " *Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah (hak) memilih di dalam urusan mereka apabila Allah dan Rasul-Nya memutuskan urusan itu.Barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya (wa man ya 'si Llaha wa Rasula-hu), maka ianya telah sesat (Dhalla) dengan kesesatan yang nyata (Dhalalan)*" (Al-Ahzab (33):35) dan ikutan (*Taqlid)* kepada orang yang mulia dan pembesar-pembesar yang melakukan perkara yang menyalahi al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) Firman-Nya " *Mereka berkata: Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mentaati orang yang mulia kami dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan Engkau (fa-adhallu-na s-Sabila)"* (Al-Ahzab(33): 67)

Ini bererti sesiapa yang menyalahi, membelakangi, mengganti, membatalkan hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya sama ada secara sukarela atau ikutan (*taqlid)* kepada orang yang mulia dan pembesar-pembesar mereka yang melakukan perkara tersebut dahulu dan sekarang (*salaf* dan *khalaf*) adalah termasuk golongan yang sesat atau menyeleweng dari Islam yang sebenar. Dan maksud "Islam yang sebenar" adalah Islam yang bertepatan dengan hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Dan bukan sebaliknya.

A. Penyelewengan dari sudut Akidah

Dikemukakan dibawah ini sebahagian dari penyelewengan Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah dari segi Akidah Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) seperti berikut.

1. Imam tidak maksum. Siapa sahaja boleh menjadi Imam sama ada orang yang zalim, fasiq, si jahil, pembohong, penipu, perampas, pembunuh, penzina, peliwat dan lain-lain. Ianya menyeleweng daripada firman Tuhan "

Sesungguhnya aku menjadikan engkau Imam bagi manusia. Dia (Ibrahim) berkata: Semua zuriyatku? Dia berfirman: Janjiku tidak termasuk orang-orang yang zalim” (al-Baqarah(2):124). Lantaran itu orang yang zalim tidak boleh menjadi Imam. Tetapi Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah menyokong orang-orang yang zalim menjadi pemimpin dan kemaksuman mereka tidak perlu. Kemudian mereka mewajibkan orang ramai supaya mentaati pemimpin-pemimpin tersebut. Justeru itu mereka telah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar:al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.). Lantaran itu mereka telah memisahkan agama dengan politik. Mereka percaya bahawa Rasulullah (Saw.) kurang tahu urusan dunia kerana beliau bersabda “*Kalian lebih mengetahui urusan duniamu*” (*antum a‘lamu bi-umuri dunya-kum*) (Muslim, *Sahih* , ii, hlm. 875).

2. Menolak ayat al-Qur’an mengenai pengumpulan semula setiap umat satu kumpulan (*Raj‘ah*). Firman-Nya “*Pada hari itu kami kumpulkan daripada setiap umat satu kumpulan (faujan) di kalangan mereka yang mendustakan ayat ayat kami, mereka akan dikumpulkan*” (Al-Naml (27:83) Ayat ini jelas menunjukkan kebangkitan semula satu kumpulan pada setiap umat di kalangan mereka yang mendustakan ayat-ayat Allah (swt), tetapi Ahlu s-Sunnah wa l-Jama’ah menolaknya. Justeru itu mereka yang menolak ayat inilah yang sesat atau menyeleweng dan bukan sebaliknya.

3. Berterus terang menyokong pemimpin-pemimpin yang zalim, tanpa berpura-pura. Dan menentang *Mustadh‘afin*, tanpa berpura-pura. Lantaran itu akidah mereka menyeleweng dari Firman-Nya “*Janganlah kamu cenderung kepada orang yang melakukan kezaliman, lantas kamu akan disambar oleh api neraka. Dan tidak ada bagimu wali selain daripada Allah ,kemudian kamu tiada mendapat pertolongan*” (Hud (11):113).

4. Melebihkan taraf Abu Bakr dan Umar daripada Allah(swt) dari segi pelaksanaan hukum. Mereka mempraktikkan sunnah Abu Bakr dan Umar yang berlawanan dengan hukum Allah. Dan barangsiapa yang menyalahi sunnah mereka berdua dikira menyeleweng atau sesat dari Islam sebenar. Mereka maksudkan dengan Islam yang sebenar itu adalah Islam yang mematuhi sunnah Abu Bakr dan sunnah Umar sekalipun ianya bertentangan dengan al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.).

Ini bererti orang yang percaya dan mengamal keseluruhan hukum al-Qur’an adalah dikira sesat, dan menyeleweng dari Islam sebenar, kerana menolak sunnah Abu Bakr dan sunnah Umar. Kemudian mereka mengadakan program pemulihan atau kemurnian akidah bagi memaksa orang ramai mentaati sunnah mereka berdua. Mereka jadikan *Masa’il al-Mursalah, Maslahah, Ihsan Sadd dh-Dhara‘i‘, ijmak, ijtihad, dan Qiyas* bagi membatal atau menukar atau mengubah hukum Allah (swt).

Kemudian mereka memberitahu orang-ramai perlakuan sedemikian adalah kerana menjaga *maqasid asy-Syari‘ah,* bukan menentang hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Orang ramai adalah jahil, lalu menerima fatwa mereka yang menyalahi al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.). Mereka menyakinkan orang ramai bahawa perbuatan mereka tidak terkeluar dari roh Syari‘ah, pada hakikatnya terkeluar dari Syari‘ah Allah. Orang ramai menerimanya. Perkataan Syari‘ah yang digunakan oleh mereka pula bukan bererti al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) sahaja.

Malah menggunakan istilah-istilah lain untuk mengkaburkan hukum Allah dan Sunnah Rasulullah (Saw.) dari diamalkan. Umpamanya mereka mengatakan khalifah Umar tidak memberi saham Muallaf adalah untuk menjaga *Maqasid asy Syari‘ah*. Sepatutnya *Maqasid asy-Syari‘ah* adalah penerusan pemberian zakat kepada Muallaf, tetapi khalifah Umar telah menahan pemberian tersebut dengan alasan Muallaf tidak memerlukanya lagi. Mereka menyokong tindakan khalifah Umar yamg menyalahi al-Qur’an itu sebagai tindakan yang bijak dan memujinya pula. Sepatutnya mereka menjaga *Maqasidu l-Qur’an* yang meneruskan pemberian zakat kepada Muallaf, tetapi disebabkan mereka lebih meredhai sunnah Umar daripada hukum Allah, maka mereka mencari jalan bagi menutup kesalahannya.Dan kesalahannya pula menjadi sunnah atau hukum yang menangguh atau membatalkan hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Sehingga sekarang mereka mempertahankan perbuatan atau sunnah Abu Bakr dan Umar meskipun ia bertentangan dengan al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.). Malah mereka memaksa orang ramai mengamalkan sunnah tersebut di dalam peribadatan mereka.

Justeru itu sesiapa yang percaya dan mengamalkan hukum al-Qur’an 100% akan dikira sesat atau menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar kerana mereka menolak sunnah khalifah Abu Bakr dan Umar yang menyalahi al-Qur’an. Jika sesiapa yang tidak menerima sunnah tersebut mereka menganggapnya terkeluar daripada agama Islam sebenar; menyeleweng atau sesat, dan perlu kepada pemulihan atau pemurnian akidah kerana ia mengancam keselamatan negara. Sepatutnya mereka yang mengamalkan sunnah Abu Bakr dan Umar yang bertentangan dengan al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) lebih perlu dipulihkan akidah mereka kepada akidah al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) dengan meninggalkan sunnah mereka berdua. Tetapi percayalah bahawa mereka akan meneruskan sunnah Abu Bakr dan Umar yang menyalahi al-Qur’an.

Mereka tidak akan menyerah kepada hukum Allah sepenuhnya sebagaimana firman-Nya “*Hai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah,dan taatlah kepada Rasul dan Uli l-Amri min-kum.Jika kamu bertelagah di dalam sesuatu perkara,maka kembalilah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Demikian itu lebih baik dan sebaik-baik jalan*” (al-Nisa’ (4):59). Dan firman-Nya “*Tidakkah kamu mengetahui bahawa mereka yang mendakwa bahawa mereka beriman*

kepada (al-Qur'an) yang diturunkan kepada engkau dan (kitab-kitab) yang diturunkan sebelum engkau; mereka hendak meminta hukum kepada Thaghut (berhala),sedangkan mereka diperintahkan supaya menentang thaghut.Syaitan menghendaki supaya ia menyesatkan mereka dengan kesesatan yang jauh" (al-Nisa' (4): 60). Justeru itu ajaran Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah adalah menyeleweng dari ajaran al-Qur'an.

5. Melebihkan taraf Abu Bakr dan Umar daripada Rasulullah (Saw.) dari segi pelaksanaan hukum. Mereka lebih mentaati sunnah Abu Bakr dan sunnah Umar daripada sunnah Rasulullah (Saw.) Sebaliknya mereka menyesatkan orang yang tidak mentaati sunnah mereka berdua sekalipun bertentangan dengan sunnah Rasulullah (Saw.). Jika sesiapa mengamalkan Sunnah Rasulullah 100% adalah dikira sesat, dan menyeleweng dari Islam yang sebenar, oleh Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah kerana menolak sunnah Abu Bakr dan sunnah Umar yang menyalahi sunnah Rasulullah (Saw.). Mereka percaya bahawa khalifah Abu Bakr dan Umar lebih mengetahui daripada Rasulullah (Saw.).

Lantaran itu mereka menggunakan istilah-istilah *Masalih Mursalah, Maslahah, Ihsan, Maqasidu sy-Syari‘ah, ijtihad* dan lain-lain bagi membatalkan atau menangguh atau menggantikan sebahagian Sunnah Rasulullah (Saw.). Justeru itu mereka menyalahi Firman-Nya*" Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah(hak) memilih di dalam urusan mereka apabila Allah dan Rasul-Nya memutuskan urusan itu.Barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya, maka ianya telah sesat dengan kesesatan yang nyata*" (Al-Ahzab (33):35)

Firman-Nya *"Tidak, demi Tuhan, mereka tidak juga beriman sehingga mereka mengangkat engkau menjadi hakim untuk mengurus perselisihan di kalangan mereka,kemudian mereka tiada keberatan di dalam hati mereka menerima keputusan engkau, dan mereka menerima dengan sebenar-benarnya*" (Al-Nisa'(4):65) Firman-Nya "*Barang siapa yang tidak menghukum menurut hukum yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang kafir*" (al-Ma ‘idah (5):44)

Dan firman-Nya "*Barang siapa yang menentang Rasul,sesudah nyata petunjuk baginya dan mengikut bukan jalan orang-orang Mukmin, maka kami biarkan dia memimpin dan kami memasukkan dia ke dalam nereka Jahannam. Itulah sejahat-jahat tempat kembali*" (Al-Nisa ‘(4);115)

6. Mengharamkan nikah Mut‘ah yang dihalalkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Kerana Umar mengharamkannya. Dengan pengharaman tersebut banyak gejala masyarakat timbul dan tidak dapat di atasi. Lantaran itu kita dapati di dalam masyarakat Ahlu s-Sunnah wa l–Jama‘ah perzinayan, perogolan banyak berlaku. Terdapat bapa berzina dengan anak perempuannya, iparnya, ibu saudaranya, adik perempuannya, datuk pula merogol cucu

perempuannya serta cicitnya dan lain-lain. Bayi luar nikah dibuang begitu sahaja. Oleh itu tidak hairanlah jika Imam Ali a.s berkata: “perzinayan yang berlaku, adalah ekoran pengharaman nikah Mut‘ah”. Mereka mentaati Umar lebih dari mentaati Allah (swt) dan Rasul-Nya dari segi pelaksanaan hukum. Al-Suyuti berkata: Umarlah orang pertama yang mengharamkan nikah Mut‘ah (*Tarikh al-Khulafa’*, hlm.137) Kenyataan al-Suyuti bererti:

a) Nikah mut'ah adalah halal menurut Islam.

b) Khalifah Umarlah yang mengharamkan nikah mut'ah yang telah dihalalkan pada masa Rasulullah (Saw.), khalifah Abu Bakar dan pada masa permulaan zaman khalifah Umar.

c) Umar mempunyai kuasa veto yang boleh memansuhkan atau membatalkan hukum nikah mut'ah sekalipun ianya halal di sisi Allah dan Rasul-Nya. Al-Suyuti seorang Mujaddid Ahlil Sunnah abad ke-6 Hijrah mempercayai bahawa nikah mut'ah adalah halal, kerana pengharamannya adalah dilakukan oleh Umar dan bukan oleh Allah dan RasulNya.Kenyataan al-Suyuti adalah berdasarkan kepada al-Qur'an dan kata-kata Umar sendiri.

Sebenarnya para ulama Ahlu s-Sunnah sendiri telah mencatat bahawa Umarlah yang telah mengharamkan nikah mut'ah sepertiberikut:

a) Al-Baihaqi di dalam *al-Sunan*, V, hlm. 206, meriwayatkan kata-kata Umar, "Dua mut'ah yang dilakukan pada masa Rasulullah (Saw.) tetapi aku melarang kedua-duanya dan aku akan mengenakan hukuman ke atasnya, iaitu mut'ahperempuan dan mut'ah haji.

b) Al-Raghib di dalam *al-Mahadarat*, II, hlm. 94 meriwayatkan bahwa Yahya bin Aktam berkata kepada seorang syaikh di Basrah: "Siapakah orang yang anda ikuti tentang harusnya nikah mut'ah. "Dia menjawab: "Umar al-Khatab. "Dia bertanya lagi, "Bagaimana sedangkan Umarlah orang yang melarangnya. "Dia menjawab: "Mengikut riwayat yang sahih bahawa dia menaiki mimbar masjid dan berkata: Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah menghalalkan untuk kalian dua mut'ah tetapi aku aku mengharamkan kedua-duanya (mut'ah perempuan dan mut'ah haji). Maka kami menerima kesaksiannya tetapi kami tidak menerima pengharamannya."

c) Daripada Jabir bin Abdullah, dia berkata:"Kami telah melakukan nikah mut'ah dengan segenggam kurma dan gandum selama beberapa hari pada masa Rasulullah dan Abu Bakar sehingga Umar melarang dan mengharamkannya dalam kes Umru bin Harith.[Muslim, Sahih, I, hlm. 395; Ibn Hajar, *Fatih al-Bari*, IX, hlm.41; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-Ummal*, VIII, hlm.294]

d) Daripada Urwah bin al-Zubair, "Sesungguhnya Khaulah bt. Hakim berjumpa Umar al-Khattab dan berkata: "Sesungguhnya Rabiah bin Umaiyyah telah melakukan nikah mut'ah dengan seorang perempuan, kemudian perempuan itu mengandung, maka Umar keluar dengan marah dan berkata: "Sekiranya aku telah memberitahukan kalian mengenainya awal-awal lagi nescaya aku merejamnya. Isnad hadith ini adalah *thiqah*,

dikeluarkan oleh Malik di dalam *al-Muwatta'*, II, hlm. 30; al-Syafi'i, *al-Umm*, VII, hlm. 219; al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra,* VII, hlm. 206]
e) Kata-kata Ali (a.s), "Sekiranya Umar tidak melarang nikah mut'ah nescaya tidak seorang pun berzina melainkan orang yang celaka. "[al-Tabari, *Tafsir,* V, hlm. 9; Fakhruddin al-Razi, *Mafatih al-Ghaib,* III, hlm.200; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm.140]

Kata-kata Ali (a.s) ini menolak dakwaan orang yang mengatakan bahawa Ali telah melarang nikah mut'ah kerana beliau tidak boleh memansuhkan ayat di dalam Surah al-Nisa' (4):24.
f) Daripada Ibn Juraij, daripada 'Ata' dia berkata: "Aku mendengar Ibn Abbas berkata: Semoga Allah merahmati Umar, mut'ah adalah rahmat Tuhan kepada umat Muhammad dan jika ia tidak dilarang (oleh Umar) nescaya seorang itu tidak perlu berzina melainkan orang yang celaka."[al-Jassas, *al-Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 179; al-Zamakhshari, *al-Fa'iq*, I, hlm. 331; al-Qurtubi, *Tafsir*, V, hlm. 130]

Riwayat Ibn Abbas tersebut menafikan dakwaan orang yang mengatakan Ibn Abbas telah menarik balik kata-katanya mengenai mut'ah. Walau bagaimanapun halalnya mut'ah tidak berpandu kepada pendapat Ibn Abbas tetapi berpandu kepada Surah al-Nisa (4): 24 yang tidak dimansuhkan.

Di sini disebutkan nama-nama sahabat dan tabi'in yang telah mengamalkan nikah mut'ah atau mempercayai ia halal sepertiberikut:
1. Umran b. al-Hasin.
2. Jabir b. Abdullah.
3. Abdullah b. Mas'ud.
4. Abdullah b. Umar.
5. Muawiyah b. Abi Sufyan.
6. Abu Said al-Khudri.
7. Salman b. Umaiyyah b, Khalf
8. Ma'bad b. Umaiyyah.
9. al-Zubair bin al-Awwam yang mengahwini Asma' bt khalifah Abu Bakar secara mut'ah selama tiga tahun dan melahirkan duaorang anak lelaki bernama Abdullah da Urwah.
10. Khalid b. Muhajir.
11. Umru b. Harith.
12. Ubayy b. Ka'ab.
13. Rabi'ah b. Umaiyyah.
14. Said b. Jubair.
15. Tawwus al-Yamani.
16. 'Ata' Abu Muhammad al-Madani.
17. al-Sudi.

18. Mujahid.
19. Zufar b. Aus al-Madani.
20. Ibn Juraij.
21. Ali bin Abi Talib.
22. Umar b. al-Khattab sebelum dia mengharamkannya dan diakui oleh anaknya Abdullah bin Umar.

Nama-nama tersebut adalah diambil dari buku-buku Hadith Ahlul s-Sunnah dan lain-lain di mana saya tidak memberi rujukan lengkap kerana kesempitan ruang, lihatlah umpamanya buku-buku sahih bab nikah mut'ah dan lain-lain.

Di sini diperturunkan pendapat-pendapat Ahlu s-Sunnah yang mengatakan nikah mut'ah telah dimansuhkan, kemudian, diharuskan, kemudian dimansuhkan, kemudian diharuskan kembali. Ia mempunyai 15 pendapat yang berbeza-beza sepertiberikut:
1. Nikah mut'ah diharuskan pada permulaan Islam, kemudian Rasulullah (Saw.) menegahnya di dalam Peperangan Khaibar.
2. Ia boleh dilakukan ketika darurat di masa-masa tertentu kemudian diharamkan pada akhir tahun Haji Wida'.
3. Ia diharuskan selama 3 hari sahaja.
4. Diharuskan pada tahun al-Autas kemudian diharamkan.
5. Diharuskan pada Haji Wida' kemudian ditegah semula.
6. Diharuskan, kemudian diharamkan pada masa pembukaan Mekah.
7. Ia harus, kemudiannya ditegah dalam Perang Tabuk.
8. Diharuskan pada pembukaan Mekah dan diharamkan pada hari itu juga.
9. Ia dihalalkan pada Umrah al-Qadha'.
10. Ia tidak pernah diharuskan di dalam Islam. Pendapat ini bertentangan dengan al-Qur'an, Sunnah Nabi (Saw.), Ahlul Baytnya dan sahabat-sahabat.
11. Ia diharuskan kemudian dilarang pada Perang Khaibar kemudian diizin kembali pada masa pembukaan Mekah kemudian diharamkannya selepas tiga hari.
12. Diharuskan pada permulaan Islam kemudian diharuskan pada Perang Khaibar kemudian diharuskan pada Perang Autas, kemudian diharamkan.
13. Diharuskan pada permulaan Islam pada tahun Autas, pembukaan Mekah dan Umrah al-Qadha' dan diharamkan pada Peperangan Khaibar dan Tabuk.
14. Ia telah diharuskan, kemudian dimansuhkan, kemudian diharuskan, kemudian dimansuhkan, kemudian diharuskan kemudian dimansuhkan.
15. Diharuskan 7 kali, dimansuhkan 7 kali, dimansuhkan pada Peperangan Khaibar, Hunain, 'Umra al-Qadha', tahun pembukaan Mekah, tahun Autas, Peperangan Tabuk dan semasa Haji *Wida'*. [al-Jassas, *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 183; Muslim, *Sahih*, I, hlm. 394;Ibn Hajr, *Fath al-Bari*, IX, hlm. 138; al-Zurqani, *Syarh al-Muwatta'*, hlm. 24]

Lihatlah bagaimana perselisihan pendapat telah berlaku tentang nikah mut'ah di mana mereka sendiri tidak yakin bilakah ia dimansuhkan atau sebaliknya. Walau bagaimanapun pendapat-pendapat tersebut memberi erti bahawa hukum nikah mut'ah boleh dipermainkan-mainkan kerana ia mengandungi beberapa proses pengharusan dan pengharaman, oleh itu ianya tidak mungkin dilakukan oleh Allah dan Rasul-Nya. Ianya telah dilakukan oleh al-Zubair bin al-Awwam dengan Asma' bt. khalifah Abu Bakar selama tiga tahun dan melahirkan duaorang anak mut'ah.

Sebenarnya pengharusan nikah mut'ah itu berasal daripada al-Qur'an, firman-Nya (Surah al-Nisa (4):24:"*Maka isteri-isteri kamu yang kamu nikmati (mut'ah) di atas mereka, berikanlah kepada mereka maharnya sebagai suatu kewajipan.*" Menurut al-Zamakhsyari, ayat ini adalah *Muhkamah,* iaitu tidak dimansuhkan [*al-Kasysyaf*, I hlm. 190] iaitu nikah mut'ah adalah halal.

Al-Qurtubi menyatakan, penduduk Mekah banyak melakukan nikah mut'ah [*Tafsir*,V, hlm. 132]. Fakhruddin al-Razi berkata: "Mereka berselisih pendapat tentang ayat ini, sama ada ia dimansuhkan ataupun tidak, tetapi sebahagian besar berpendapat ayat ini tidak dimansuhkan dan nikah mut'ah adalah harus. [*Mafatih al-Ghaib,* III, hlm. 200] Abu Hayyan berkata: "Selepas menukilkan hadith yang mengharuskan nikah mut'ah, sekumpulan daripada Ahlul Bayt dan Tabi'in berpendapat nikah mut'ah adalah halal."Ibn Juraij (w.150H) pula berpendapat bahawa nikah mut'ah adalah harus. Imam Syafi'I menegaskan bahawa Ibn Juraij telah bernikah mut'ah dengan 72 orang perempuan, sementara al-Dhahabi pula menyatakan Ibn Juraij telah bermut'ah dengan 90 orang perempuan.[*Tadhib al-Tahdhib*, VI, hlm. 408]

Perhatikanlah bahawa Ibn Juraij adalah seorang daripada Tabi'in dan imam masjid Mekah, telah berkahwin secara mut'ah dengan 90 orang perempuan dan dia juga telah meriwayatkan hadith yang banyak di dalam sahih-sahih Ahlu s- Sunnah seperti Bukhari, Muslim dan lain-lain. Ini bererti kitab-kitab sahih tersebut telah dikotori (mengikut bahawa lawan) dan ia tidak menjadisahih lagi sekiranya orang yang melakukan nikah mut'ah itu dianggap penzina.

Ayat tersebut tidak dimansuhkan oleh Surah al-Mukminun ayat 6 dan Surah al-Ma'arij ayat 30, kerana kedua-dua ayat tersebut adalah *Makkiyyah* dan ayat *Makkiyyah* tidak boleh memansuhkan ayat Madaniyyah, begitu juga ia tidak boleh dimansuhkan dengan ayat *al-Mirath* (pusaka) kerana dalam nikah biasa sekalipun mirath tidak boleh berlaku jika si isteri melakukan nusyuz terhadap suaminya atau isterinya seorang kitabiyah. Sebagaimana juga ia tidak boleh dimansuhkan dengan ayat Talaq, kerana nikah mut'ah dapat ditalak (dapat dibatalkan) dengan berakhirnya

masa. Ia juga tidak boleh dimansuhkan dengan hadith mengiku jumhur ulama.

Imam Zulfar berpendapat walaupun ditetapkan, tetapi ia tidak membatalkan akad nikah. Imam Malik pula mengatakan nikah mut'ah adalah harus hingga terdapatnya dalil yang memansuhkannya. Imam Muhammad al-Syaibani mengatakan nikah mut'ah adalah makruh. [al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, V, hlm. 160] Demikianlah beberapa pendapat yang menunjukkan nikah mut'ah adalahharus tetapi ia diharamkan oleh khalifah Umar al-Khattab. Adapun syarat-syarat nikah mut'ah menurut Islam adalah sepertiberikut:
i. Mahar.
ii. Ajal (tempoh)
iii. Akad yang mengandungi ijab dan kabul dan ianya sah dilakukan secara wakil
iv. Perceraian selepas tamatnya tempoh
v. Iddah
vi. Sabitnya nasab (keturunan)
vii. Tidak sabitnya pusaka di antara suami dan isteri jika ia tidak syaratkan.

Inilah syarat-syarat nikah mut'ah mengikut Ahlu s-Sunnah dan Syiah dan inilah yang telah dilakukan oleh para sahabat dan tabi'in. Adapun kata-kata bahawa 'nikah mut'ah boleh dilakukan dengan isteri orang' adalah satu pembohongan yang besar dan ianya menyalahi nas. Oleh itu para Imam Ahlul Bait (a.s) dan para ulama Syiah mengharamkannya. Disebabkan ijab sebarang nikah, sama ada nikah mut'ah ataupun da'im (biasa) adalah dipihak perempuan atau wakilnya, maka perempuan tersebut atau wakilnya mestilah mengetahui bahawa 'dia' bukanlah isteri orang, jika tidak, ia tidak boleh melafazkan ijab, "aku nikahkan diriku akan dikau dengan mas kahwinnya sebanyak satu ribu ringgit selama tiga tahun."Umpamanya lelaki menjawab: "Aku terimalah nikah.

Imam Baqir dan Imam Ja'far al-Sadiq (a.s) berkata bahawa pihak lelaki tidak wajib bertanya adakah si perempuan itu isteri orang atau tidak, kerana sudah pasti mengikut hukum syarak perempuan yang akan berkahwin mestilah bukan isteri orang. Jika didapati ia isteri orang maka nikah mut'ah atau nikah biasa itu adalah tidak sah. Walau bagaimanapun adalah disunatkan seorang itu bertanya keadaan perempuan itu sama ada masih isteri orang atau sebagainya.

Mengenai wali Ahlu s-Sunnah tidak sependapat sama ada wali adalah wajib bagi perempuan yang ingin berkahwin. Abu Hanifah umpamanya menyatakan wali adalah tidak wajib bagi janda dan anak dara yang sudah akil baligh dengan syarat ia berkahwin dengan seorang yang sekufu dengannya. [Malik, *al-Muwatta',* I, hlm. 183] Abu Yusuf dan al-

Syaibani pula berpendapat wali adalah perlu tetapi bapa tidak ada hak untuk memaksa anak perempuannya melainkan ia di bawah umur.[Ibn Hazm, *al-Muhalla,* hlm. 145]

Imam Ja'far al-Sadiq (a.s) berpendapat wali tidak wajib dalam nikah kecuali bagi anak dara. Tetapi ia adalah digalakkan di dalam semua keadaan bagi penentuan harta dan keturunan.[al-Tusi, *Tahdbib al-Ahkam,* VII, hlm. 262]

Sebenarnya idea wali nikah menurut Imam Malik adalah dikaitkan dengan khalifah Umar al-Khattab yang diriwayatkan oleh
Sa'id bin al-Musayyab, bahawa seorang tidak dibenarkan berkahwin tanpa kebenaran walinya atau keluarganya yang baik atau pemerintah [Sahnun, *al-Mudawwannah al-Kubra*, IV, hlm. 16]

Mengenai saksi di dalam nikah, Imam Ja'far al-Sadiq (a.s) tidak mewajibkan saksi di dalam nikah mut'ah atau nikah biasa, tetapi ia disunatkan berbuat demikian bagi pengurusan harta dan penentuan nasab keturunan.[al-Tusi, *al-Istibsar*, III, hlm. 148]
Tidak terdapat di dalam al-Qur'an ayat yang mewajibkan wali dan saksi di dalam nikah, umpamanya firman Allah dalam Surah al-Nisa (4):3….."*maka kahwinilah wanita-wanita yang kamu senangi dua, tiga dan empat.*" Ini bererti Allah tidak mewajibkan saksi dan wali di dalam perkahwinan kerana untuk memberi kemudahan kepada umat manusia tetapi Dia mewajibkan saksi di dalam perceraian, firmanNya dalam Surah al-Talaq (65):2…."*Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kamu.*"

Imam Ja'far al-Sadiq (a.s) mengatakan bahawa dua saksi di dalam talak adalah wajib. Walau bagaimanapun beliau tidak menafikan bahawa saksi adalah digalakkan, lantaran itu hadith "Tidak ada nikah melainkan dengan wali dan dua orang saksi" adalah hadith yang lemah. Itulah nikah mut'ah yang dipercayai oleh mazhab Ja'fari dan ia adalah sama seperti yang dilakukan pada zaman Nabi (Saw.) dan zaman sahabatnya, dengan penjelasan ini, semoga ianya dapat dibezakan di antara pelacuran dan nikah mut'ah.

Kesimpulannya, nikah mut'ah adalah halal sehingga Hari Kiamat berdasarkan Surah al-Nisa (4):24. Ia adalah ayat *muhkamah* yang tidak dimansuhkan, hanya khalifah Umar sahaja yang memansuhkan nikah mut'ah pada masa pemerintahannya. Oleh ituijtihadnya adalah menyalahi nas, dengan itu kata-kata al-Suyuti bahawa khalifah Umar adalah orang yang pertama mengharamkan nikah mut'ah adalah wajar dan menepati nas. Walau bagaimanapun saya sekali-kali tidak menggalakkan sesiapa pun untuk melakukannya walau di mana sekalipun.

7. Khalifah tidak diwasiatkan oleh Rasulullah saw,tetapi khalifah Abu Bakr telah berwasiat kepada Umar, dan Umar telah berwasiat kepada Uthman secara tersusun. Lantaran itu Abu Bakr tidak mentaati Rasulullah saw kerana meninggalkan wasiat, begitu juga Umar. Sebenarnya Rasulullah saw telah berwasiat kepada Ali a.s. *"Siapa yang telah menjadikan aku maulanya , maka Ali adalah maulanya*" Lantaran itu Ali dan sebelas para imam Ahlu l-Bait Rasulullah saw menuntutnya.

Lantaran itu, jika mereka mendakwa Rasulullah tidak meninggalkan wasiat, tetapi mereka berdua telah berwasiat, bererti mereka telah menyalahi Sunnah Rasulullah saw yang tidak berwasiat menurut pendapat mereka.Justeru itu mereka bukanlah Ahlu s-Sunnah Rasulullah saw.Dan jika Rasulullah saw telah berwasiat-tentu beliau berwasiat-Mereka juga telah menyalahi Sunnah Rasulullah saw, kerana beliau telah berwasiatkan kepada Ali, Hasan, Husain sehinggalah kepada Imam al-Mahdi a.s. dan bukan kepada mereka berdua. (al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm.124-5) Justeru itu Ahlu s-Sunnah yang menolak hadis Imam Dua Belas sepatutnya menyeleweng, bukan Syi'ah yang mempercayainya.

8. Tidak memahami konsep ilmu Allah tentang al-*Bada'* di dalam konteks "*Dia menghapuskan apa yang dikehendaki dan menetapkan(yamhu Llahu ma yasya' wa yuthbit) dan di sisi-Nya Ummu l-Kitab'* (al-Ra'd (13):39) Dan firman-Nya " *Kami tidak mengubah mana mana ayat (ma nansakhu min ayatin) atau kami lupakan(kepada kamu) kami datangkan (gantiannya) dengan lebih baik daripadanya (na'ti bi-kharin min-ha) atau yang seumpamanya (au mithli-ha)"* (Al-Baqarah(2):106) Oleh itu, Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah tidak memahami konsep *al- Bada'*, *nasikh dan mansukh* sehingga mereka mempercayai bahawa Abu Bakr dan Umar boleh membatalkan atau mengubah hukum Allah dan Sunnah Rasulullah (Saw.) dengan alasan *maslahah*, lalu memtaati mereka berdua.

9. Tidak mempercayai Muhammad bin Hasan al-Askari sebagai imam al-Mahdi al-Muntazar. Sikap penentangan ini semata-mata penentangan mereka terhadap hadis Dua Belas Imam (al-Qunduzi l-Hanafi, *Yanabi ' al-Mawaddah*, hlm.148-9)

10. Memartabatkan majoriti para sahabat Nabi (Saw.) yang telah menjadi kafir-murtad dengan sendiri. Sedangkan Rasulullah (Saw.) mengatakan bahawa majoriti mereka telah menjadi kafir murtad selepas kewafatannya, kerana mereka telah mengubah atau membatalkan hukum Allah dan Sunnah Rasulullah (Saw.). Hanya sedikit sahaja bilangan mereka terselamat. Syi'ah tidak mengkafirkan mereka tetapi al-Bukhari dan Muslim telah mencatat di dalam *Sahih Sahih* mereka mengenai perkara tersebut.

I

Definisi kekafiran

Perkataan “kekafiran” adalah pecahan daripada perkataan “kafir”. Menurut *Kamus Dewan*, perkataan “kekafiran” memberi pengertian sifat-sifat kafir.Dan kafir adalah orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya Sementara perkataan “mengkafir atau mengafir” bererti menganggap kafir atau mengatakan kafir (*Kamus Dewan*, hlm. 514). Perkataan “murtad” bererti seorang keluar daripada agamanya, tidak setia kepada agamanya (*Kamus Dewan*, hlm. 846) Justeru itu orang Islam yang menjadi kafir atau murtad adalah orang yang keluar agama Islam.

Kajian mengenai para sahabat yang telah menjadi kafir-murtad selepas kewafatan Nabi (Saw.) amat mencemaskan, tetapi ianya suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapapun kerana ia telah dicatat oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam *Sahih-Sahih* mereka di mana kedua dua kitab tersebut dinilai sebagai kitab yang paling *Sahih* selepas al-Qur’an oleh Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah sendiri. Di samping itu ia juga telah dicatat oleh pengumpul-pengumpul Hadis daripada mazhab Ahlu l-Bait(a.s) di dalam buku-buku mereka.

Amatlah dikesali bahawa kaum Wahabi yang menyamar sebagai Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah sentiasa menyamarakkan sentimen anti Syi‘ah dengan slogan “Syi‘ah mengkafirkan para sahabat” bagi mendapatkan sokongan orang ramai kepada gerakan mereka.Walau bagaimanapun rencana ringkas ini sekadar mendedahkan hakikat sebenar bagi menjawab tuduhan tersebut, dan tidak sekali-kali bertujuan meresahkan kaum Muslimin di rantau ini.

Sekiranya al-Bukhari dan Muslim telah mencatat kekafiran majoriti para sahabat selepas kewafatan Nabi (Saw.) di dalam *Sahih-Sahih* mereka, kenapa kita menolaknya dan melemparkan kemarahan kepada orang lain pula? Dan jika mereka berdua berbohong, merekalah yang berdosa dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah (swt) Dan jika kita Ahlu s-Sunnah Nabi (Saw.), nescaya kita menerimanya. Jika tidak, kitalah Ahli anti Sunnah atau Hadis Nabi (Saw.)

Definisi sahabat

Berbagai pendapat mengenai definisi sahabat telah dikemukakan. Ada pendapat yang mengatakan: "Sesiapa yang bersahabat dengan Nabi (Saw.) atau melihatnya daripada orang-orang Islam, maka ia adalah daripada para sahabatnya."

Definisi inilah yang dipegang oleh al-Bukhari di dalam *Sahih*nya (al-Bukhari, *Sahih*, v, hlm.1). Sementara gurunya Ali bin al-Madini berpendapat: Sesiapa yang bersahabat dengan Nabi (Saw.) atau melihatnya, sekalipun satu jam di siang hari, adalah sahabatnya (Ibid). Manakala al-Zain al-Iraqi

berkata: "Sahabat adalah sesiapa yang berjumpa dengan Nabi sebagai seorang Muslim, kemudian mati di dalam Islam." Said bin Musayyab berpendapat: "Sesiapa yang tinggal bersama Nabi selama satu tahun atau berperang bersamanya satu peperangan."

Pendapat ini tidak boleh dilaksanakan kerana ianya mengeluarkan sahabat-sahabat yang tinggal kurang daripada satu tahun bersama Nabi (Saw.) dan sahabat-sahabat yang tidak ikut berperang bersamanya.Ibn Hajar berkata: "Definisi tersebut tidak boleh diterima (Ibn Hajr, *Fath al-Bari*, viii, hlm.1)

Ibn al-Hajib menceritakan pendapat 'Umru bin Yahya yang mensyaratkan seorang itu tinggal bersama Nabi (Saw.) dalam masa yang lama dan "mengambil (hadith) daripadanya (*Syarh al-Fiqh al-*‘Iraqi, hlm.4-3) Ada juga pendapat yang mengatakan: "Sahabat adalah orang Muslim yang melihat Nabi (Saw.) dalam masa yang pendek(Ibid).

Kedudukan para sahabat

Kedudukan para sahabat di bahagikan kepada tiga:

1. Sahabat semuanya adil dan mereka adalah para mujtahid. Ini adalah pendapat Ahlu s- Sunnah wa l-Jama‘ah.

2. Sahabat seperti orang lain, ada yang adil dan ada yang *fasiq* kerana mereka dinilai berdasarkan perbuatan mereka. Justeru itu yang baik diberi ganjaran kerana kebaikannya. Sebaliknya yang jahat dibalas dengan kejahatannya. Ini adalah pendapat mazhab Ahlu l-Bait Rasulullah (Saw.) atau Syi‘ah atau Imam Dua belas.

3. Semua sahabat adalah kafir-semoga dijauhi Allah-Ini adalah pendapat Khawarij yang terkeluar daripada Islam.

II

Dikemukan dibawah ini lima hadis daripada *Sahih al-Bukhari* (Al-Bukhari, *Sahih*, (Arabic-English), by Dr.Muhammad Muhammad Muhsin Khan, Islamic University, Medina al-Munawwara, Kazi Publications, Chicago, USA1987, jilid viii, hlm.378-384 (*Kitab ar-Riqaq,bab fi l-Haudh*)dan enam hadis dari *Sahih Muslim* Muslim, *Sahih*, edisi Muhammad Fuad ‘Abdu l-Baqi, Cairo, 1339H,

Terjemahan hadis-hadis dari *Sahih al-Bukhari*

1. Hadis no. 578. Daripada Abdullah bahawa Nabi(Saw.) bersabda: *Aku akan mendahului kamu di Haudh dan sebahagian daripada kamu* akan *dibawa di hadapanku.Kemudian mereka akan dipisahkan jauh daripadaku.Aku akan bersabda: wahai Tuhanku! Mereka itu adalah para sahabatku (ashabi). Maka dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la tadri ma ahdathu ba‘da-ka)*

2. Hadis no. 584. Daripada Anas daripada Nabi (Saw.) bersabda: *Sebahagian daripada sahabatku akan datang kepadaku di Haudh (Sungai atau Kolam Susu) sehingga aku mengenali mereka, lantas mereka dibawa jauh daripadaku. Kemudian aku akan bersabda:Para sahabatku (ashabi)! Maka dia (Malaikat) berkata: Anda tidak mengetahui apa yang lakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la adri ma ahdathu ba‘da-ka)*

3. Hadis no. 585. Abu Hazim daripada Sahl bin Sa‘d daripada Nabi (Saw.) Nabi (Saw.) bersabda: *Aku akan mendahului kamu di Haudh. Dan siapa yang akan melaluinya akan miminumnya. Dan siapa yang meminumnya tidak akan dahaga selama-lamanya.Akan datang kepadaku beberapa orang yang aku kenali,dan mereka juga mengenaliku.Kemudian dihalang di antaraku dan mereka*. Abu Hazim berkata : Nu‘man bin Abi ‘Iyasy berkata selepas mendengarku: Adakah anda telah mendengar sedemikian daripada Sahl? Aku menjawab: Aku naik saksi bahawa aku telah mendengar Abu Sa‘id al-Khudri berkata perkara yang sama, malah dia menambah: Nabi (Saw.) bersabda*: Aku akan bersabda: mereka itu adalah daripadaku (ashabi). Maka dijawab: "Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka Aku akan bersabda:Jauh!Jauh! (daripada rahmat Allah) atau ke Neraka mereka yang telah mengubah atau menukarkan (hukum Allah dan Sunnahku) selepasku (suhqan suhqan li-man ghayyara ba‘di)"*

Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah (Saw.) bersabda: *Sekumpulan daripada para sahabatku akan datang kepadaku di Hari Kiamat. Kemudian mereka akan diusir jauh dari Haudh.Maka aku akan bersabda: Wahai Tuhanku!mereka itu adalah para sahabatku (ashabi). Dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang mereka lakukan selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la ‘ilma la-ka bima ahdathu ba‘da-ka) Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir-murtad kebelakang (irtaddu ‘ala a‘qabi-bi-himu l-Qahqariyy)*

4. Hadis no. 586. Daripada Ibn Musayyab bahawa Nabi (Saw.) bersabda: *Sebahagian daripada para sahabatku akan mendatangiku*
di Haudh, dan mereka akan dipisahkan dari Haudh.Maka aku berkata:Wahai Tuhanku! Mereka adalah para sahabatku (ashabi), maka akan dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka.Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir-murtad ke belakang selepas anda meninggalkan mereka (inna-hum irtaddu ba ‘da-ka ‘ala Adbari-ka l-Qahqariyy)

5.Hadis no.587. Daripada Abu Hurairah bahawa Nabi (Saw.)bersabda: *Manakala aku sedang tidur, tiba-tiba sekumpulan (para sahabatku) datang kepadaku. Apabila aku mengenali mereka,tiba-tiba seorang lelaki (Malaikat) keluar di antara aku dan mereka. Dia berkata kepada mereka : Datang kemari.Aku bertanya kepadanya: Ke mana? Dia menjawab: Ke Neraka,demi Allah. Aku pun bertanya lagi: Apakah kesalahan mereka? Dia menjawab: Mereka telah menjadi kafir-murtad selepas kamu meninggalkan mereka(inna-hum irtaddu ba‘da-ka ‘ala Adbari-himi l-Qahqariyy). Justeru itu aku tidak melihat mereka terselamat melainkan (beberapa orang sahaja) sepertilah unta yang tersesat atau terbiar daripada pengembalanya (fala ara-hu yakhlusu min-hum illa mithlu hamali n-Na‘ am).*

Terjemahan hadis-hadis dari *Sahih Muslim*

1. Hadis no.26. (2290) Daripada Abi Hazim berkata: Aku telah mendengar Sahlan berkata:Aku telah mendengar Nabi (Saw.) bersabda: *Aku akan mendahului kamu di Haudh.Siapa yang melaluinya, dia akan meminumnya. Dan siapa yang meminumnya, dia tidak akan dahaga selama-lamanya.Akan datang kepadaku beberapa orang yang aku mengenali mereka dan mereka mengenaliku (para sahabatku). Kemudian dipisahkan di antaraku dan mereka.*Abu Hazim berkata: Nu‘man bin Abi ‘Iyasy telah mendengarnya dan aku telah memberitahu mereka tentang Hadis ini. Maka dia berkata:Adakah anda telah mendengar Sahlan berkata sedemikian? Dia berkata: Ya.

(2291) Dia berkata: Aku naik saksi bahawa aku telah mendengar Abu Sa‘id al-Khudri menambah: Dia berkata: *Sesungguhnya mereka itu adalah daripadaku (inna-hum min-ni). Dan dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la tadri ma ahdathu ba‘da-ka). Maka aku (Nabi (Saw.) bersabda: Jauh !Jauh! (daripada rahmat Allah)/ke Neraka mereka yang telah mengubah atau menukarkan (hukum Tuhanku dan Sunnahku) selepasku (Suhqan suhqan li-man baddala ba‘di)*

2. Hadis no.27 (2293) Dia berkata:Asma‘ binti Abu Bakr berkata: Rasulullah (Saw.) bersabda: *Sesungguhnya aku akan berada di Haudh sehingga aku melihat mereka yang datang kepadaku dikalangan kamu (man yaridu ‘alayya min-kum). Dan mereka akan ditarik dengan pantas (daripadaku), maka aku akan bersabda: Wahai Tuhanku! Mereka itu daripada (para sahabat)ku dan daripada umatku. Dijawab: Tidakkah anda merasai atau menyedari apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (amma sya‘arta ma ‘amilu ba‘da-ka)? Demi Allah, mereka sentiasa mengundur ke belakang (kembali kepada kekafiran) selepas anda meninggalkan mereka (Wa Llahi!Ma barihu ba‘da-ka yarji‘un ‘ala a‘qabi-him*)Dia berkata:Ibn Abi Mulaikah berkata: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kami memohon perlindungan daripadaMu supaya kami tidak mengundur ke belakang (kembali kepada kekafiran) atau kami difitnahkan tentang agama kami"

3. Hadis no. 28. (2294) Daripada ‘Aisyah berkata: Aku telah mendengar Nabi (Saw.) bersabda ketika beliau berada di kalangan para sahabatnya (*ashabi-hi): Aku akan menunggu mereka di kalangan kamu yang akan datang kepadaku. Demi Allah! Mereka akan ditarik dengan pantas dariku. Maka aku akan bersabda: Wahai Tuhanku! Mereka adalah daripada (para sahabat) ku dan daripada umatku. Dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la tadri ma ‘amilu ba‘da-ka). Mereka sentiasa mengundur ke belakang(kembali kepada kekafiran) (Ma zalu yarji‘un ‘ala a‘qabi-him)*

4. Hadis no.29 (2295) Daripada Abdullah bin Rafi‘; Maula Ummi Salmah; isteri Nabi (Saw.)Rasulullah (Saw.) bersabda: *Sesungguhnya aku akan mendahului kamu di Haudh. Tidak seorang daripada kamu(para sahabatku) akan datang kepadaku sehingga dia akan dihalau/diusir daripadaku(fa-yudhabbu ‘anni) sebagaimana dihalau/diusir unta yang tersesat (ka-ma yudhabbu l-Ba‘iru dh-Dhallu). Aku akan bersabda: Apakah salahnya? Dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la tadri ma ahdathu ba‘da-ka)Maka aku bersabda:Jauh! (daripada rahmat Allah) (suhqan).*

5. Hadis no.32 (2297) Daripada Abdillah, Rasulullah (Saw.) bersabda: *Aku akan mendahului kamu di Haudh. Dan aku akan bertelagah dengan mereka (aqwaman). Kemudian aku akan menguasai mereka.Maka aku bersabda: Wahai Tuhanku! Mereka itu adalah para sahabatku.Mereka itu adalah para sahabatku (Ya Rabb! Ashabi, ashabi). Lantas dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la tadri ma ahdathu ba‘da-ka)*

6. Hadis no.40. (2304) Daripada Anas bin Malik bahawa Nabi (Saw.) bersabda: *Akan datang kepadaku di Haudh beberapa lelaki (rijalun) daripada mereka yang telah bersahabat denganku (mimman sahabani) sehingga aku melihat mereka diangkat kepadaku.Kemudian mereka dipisahkan daripadaku. Maka aku akan bersabda: Wahai Tuhanku! Mereka adalah para sahabatku. Mereka adalah para sahabatku (Usaihabi) Akan dijawab kepadaku: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la tadri ma ahdathu ba'da-ka).*

Perkataan-perkataan yang penting di dalam hadis-hadis tersebut.

Daripada hadis-hadis di atas kita dapati al-Bukhari telah menyebut perkataan:
a. *Ashabi* (para sahabatku) secara literal sebanyak empat kali
b. *Inna-ka la tadri atau la 'ilma la-ka ma ahdathu ba'da-ka* (Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan(*ahdathu)* oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka) sebanyak tiga kali. Perkataan ahdathu bererti mereka telah melakukan bid'ah-bid'ah atau inovasi yang menyalahi al-Qur'an dan Sunnah nabi (Saw.).
c. *Inna-hum Irtaddu* (Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir-murtad) sebanyak empat kali.
d. *Suhqan suhqan li-man gyayara ba'di* (Jauh! Jauh! (daripada rahmat Allah) atau ke Nerakalah mereka yang telah mengubah atau menukarkan-hukum Tuhanku dan Sunnahku- selepasku) satu kali. Perkataan *"Ghayyara*" bererti mengubah atau menukarkan hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya.
e. *Fala arahu yakhlusu minhum mithlu hamali n-Na'am* (Aku tidak fikir mereka terselamat melainkan (beberapa orang sahaja) sepertilah unta yang tersesat atau terbiar daripada pengembalanya) satu kali.

Sementara Muslim telah menyebut perkataan:

a. *Ashabi* (para sahabatku) secara literal satu kali.
b. *Ashabi-hi* (para sahabatnya) satu kali,
c. *Sahaba-ni* (bersahabat denganku) satu kali
d. *Usaihabi* (para sahabatku) dua kali.
e. *Innaka la tadri ma ahdathu ba'da-ka* (sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan(*ahdathu*) oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka) tiga kali.
f. *Inna-ka la tadri atau sya'arta ma 'amilu ba'da-ka* (Sesungguhnya anda tidak mengetahui atau menyedari apa yang dilakukan (*ma 'amilu*) oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka) tiga kali . Perkataan "Ma *'amilu*" (Apa

yang dilakukan oleh mereka) adalah amalan-amalan yang menyalahi hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya.

g. *Ma barihu atau Ma zalu Yarji‘un ‘ala a‘qabi-him* (mereka sentiasa kembali kepada kekafiran) dua kali

h. *Suhqan suhqan li-man baddala ba‘di* (Jauh! Jauh! (daripada rahmat Allah) atau ke Nerakalah mereka yang telah mengganti atau mengubah atau menukar-hukum Tuhanku dan Sunnahku- selepasku) satu kali. Perkataan *“Baddala”* bererti mengganti atau mengubah atau menukar hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya.

Justeru itu sebab-sebab mereka menjadi kafir-murtad menurut al-Bukhari dan Muslim adalah kerana mereka:

(1) *Ahdathu=Irtaddu atau yarji‘un ‘ala a‘qabi-him*
(2) ‘Amilu =Irtaddu atau yarji‘un ‘ala a‘qabi-him
(3) Ghayyaru=Irtaddu atau yarji‘un ‘ala a‘qabi-him
(4) Baddalu=Irtaddu atau yarji‘un ‘ala a‘qabi-him

III

Ini bererti mereka yang telah mengubah hukum-Nya dan Sunnah Nabi-Nya dilaknati(*mal‘unin*). Lantaran itu sebarang justifikasi (*tabrirat*) seperti *Maslahah*, *Masalihu l-Mursalah*, *Saddu dh-Dhara’i‘, Maqasidu sy-Syari‘ah*‘, dan sebagainya bagi mengubah atau menukar atau menangguh atau membatalkan sebahagian hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya adalah bertentangan dengan al-Qur’an dan Sunnah Nabi (Saw.). Jika mereka terus melakukan sedemikian, maka mereka bukanlah Ahlu s-Sunnah Nabi (Saw.), malah mereka adalah Ahli anti Sunnah nabi (Saw.)

Sebab utama yang membawa mereka menjadi kafir-murtad (*Irtaddu atau La yazalun yarji‘un ‘ala a‘qabi-him)* di dalan hadis-hadis tersebut adalah kerana mereka telah mengubah sebahagian hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya (*baddalu wa ghayyaru*) dengan melakukan berbagai bid‘ah (*ahdathu*) dan amalan-amalan *(‘amilu*) yang menyalahi al-Qur’an dan Sunnah Nabi (Saw.). Perkara yang sama akan berlaku kepada kita di abad ini jika kita melakukan perkara yang sama. Menurut al-Bukhari dan Muslim,hanya sebilangan kecil daripada mereka terselamat seperti bilangan unta yang tersesat atau terbiar (*mithlu hamali n-Na‘am*). Justeru itu konsep keadilan semua para sahabat yang diciptakan oleh Abu l-Hasan al-Asy‘ari (al-Asy‘ari, *al-Ibanah*, cairo, 1958, hlm.12) dan dijadikan akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah adalah bertentangan dengan hadis-hadis tersebut.

Walau bagaimanapun hadis-hadis tersebut adalah bertepatan dengan firma-Nya di dalam Surah al-Saba’ (34):131 “*Dan sedikit daripada hamba-hambaKu yang bersyukur”*, firman-Nya di dalam Surah Yusuf (12):103 *“Dan kebanyakan manusia bukanlah orang-orang yang beriman, meskipun engkau*

harapkan", dan firman-Nya di dalam Surah Sad (38):24 "*Melainkan orang-orang yang beriman,dan beramal salih, tetapi sedikit (bilangan) mereka*" Dia berfirman kepada Nuh di dalam Surah hud (11):40 "*Dan tiadalah beriman bersamanya melainkan sedikit sahaja.*" Mukminun adalah sedikit.Justeru itu tidak hairanlah jika di kalangan Para sahabat ada yang telah mengubah Sunnah Nabi (Saw.), tidak meredhai keputusan yang dibuat oleh Nabi (Saw.) Malah mereka menuduh beliau melakukannya kerana kepentingan diri sendiri dan bukan kerana Allah (swt).

Al-Bukhari di dalam *Sahih*nya, Jilid IV, hlm. 47 *bab al-Sabr 'Ala al-Adha* meriwayatkan bahawa al-A'masy telah memberitahu kami bahawa dia berkata: "Aku mendengar Syaqiq berkata: "Abdullah berkata: Suatu hari Nabi (Saw.) telah membahagikan-bahagikan sesuatu kepada para sahabatnya sebagaimana biasa dilakukannya. Tiba-tiba seorang Ansar mengkritiknya seraya berkata: "Sesungguhnya pembahagian ini bukanlah kerana Allah (swt).Akupun berkata kepadanya bahawa aku akan memberitahu Nabi (Saw.) mengenai kata-katanya. Akupun mendatangi beliau ketika itu beliau berada bersama para sahabatnya. Lalu aku memberitahukan beliau apa yang berlaku. Tiba-tiba mukanya berubah dan menjadi marah sehingga aku menyesal memberitahukannya. Kemudian beliau bersabda:"*Musa disakiti lebih dari itu tetapi beliau bersabar.*"

Perhatikanlah bagaimana perlakuan (*ma 'amilu*) sahabat terhadap Nabi (Saw.)! Tidakkah apa yang diucapkan oleh Nabi (Saw.) itu adalah wahyu? Tidakkah keputusan Nabi (Saw.) itu harus ditaati? Tetapi mereka tidak mentaatinya kerana mereka tidak mempercayai kemaksuman Nabi (Saw.).

Al-Bukhari di dalam *Sahihnya*, Jilid IV, *Kitab al-Adab bab Man lam yuwajih al-Nas bi l-'Itab* berkata: "Aisyah berkata: Nabi (Saw.) pernah melakukan sesuatu kemudian membenarkan para sahabat untuk melakukannya. Tetapi sebahagian para sahabat tidak melakukannya. Kemudian berita ini sampai kepada Nabi (Saw.), maka beliau memberi khutbah memuji Allah kemudian bersabda: "Kenapa mereka menjauhi dari melakukannya perkara yang aku melakukannnya. Demi Allah, sesungguhnya aku lebih mengetahui dari mereka tentang Allah dan lebih takut kepadaNya dari mereka."

Al-Bukhari juga di dalam *Sahihnya* Jilid IV, hlm. 49 *bab al-Tabassum wa al-Dhahak* (senyum dan ketawa) meriwayatkan bahawa Anas bin Malik telah memberitahukan kami bahawa dia berkata: "Aku berjalan bersama Rasulullah (Saw.) di waktu itu beliau memakai burdah (pakaian) Najrani yang tebal. Tiba-tiba datang seorang Badwi lalu menarik pakaian Nabi (Saw.) dengan kuat." Anas berkata: "Aku melihat kulit leher Nabi (Saw.) menjadi lebam akibat tarikan kuat yang dilakukan oleh Badwi tersebut. Kemudian dia (Badwi) berkata: Wahai Muhammad! Berikan kepadaku sebahagian dari harta

Allah yang berada di sisi anda. Maka Nabi (Saw.) berpaling kepadanya dan ketawa lalu menyuruh sahabatnya supaya memberikan kepadanya."

Di kalangan mereka ada yang telah menghina Nabi (Saw.)dan mempersendakan Nabi (Saw.) dengan mengatakan bahawa Nabi (Saw.) “Sedang meracau” di hadapan Nabi (Saw.) “ Kitab Allah adalah cukup dan kami tidak perlu kepada Sunnah Nabi (Saw.)” .(al-Bukhari, *Sahih,* I, hlm. 36; Muslim, *Sahih,* III, hlm. 69) “Sunnah Nabi (Saw.) mendatangkan perselisihan dan pertengkaran kepada Umat [Al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*, I , hlm.3]” “ Mereka telah mengepung dan membakar rumah anak perempuan Nabi (Saw.) Fatimah (a.s) dan berkata: "Aku akan membakar kalian sehingga kalian keluar untuk memberi bai'ah kepada Abu Bakar. "[Al-Tabari, *Tarikh*, III, hlm. 198; Abu-l-Fida”, *Tarikh*, I, hlm. 156] merampas Fadak daripada Fatimah (a.s) yang telah diberikan kepadanya oleh Nabi (Saw.) semasa hidupnya (Lihat Ahmad bin Tahir al-Baghdadi, *Balaghah al-Nisa’*, II, hlm.14; Umar Ridha Kahalah*, A'lam al-Nisa'*, III, hlm.208; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, IV, hlm.79, 92), menyakiti hati Fatimah, Ali, al-Hasan dan al-Husain, kerana Rasulullah (Saw.) bersabda “*Siapa menyakiti Fatimah, dia menyakitiku, dan siapa menyakitiku , dia menyakiti Allah”* “Siapa menyakiti Ali, sesungguhnya dia menyakitiku, dan siapa yang menyakitiku, dia menyakiti Allah” “*al-Hasan dan al-Husain kedua-dua mereka adalah pemuda Syurga*” (al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi’ al-Mawaddah*, hlm. 129-131 dan lain-lain).

Mereka telah membakar Sunnah Nabi (Saw.) (Ibn Sa'd, *Tabaqat,* V , hlm. 140), “ menghalang orang ramai dari meriwayatkan Sunnah Nabi (Saw.) " [al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*, I, hlm. 7], mengesyaki Nabi (Saw.) sama ada berada di atas kebenaran atau kebatilan [Muslim*, Sahih*, IV, hlm.12,14; al-Bukhari, *Sahih*, II, hlm. 111], mengubah sebahagian hukum Allah dan sunnah Nabi (Saw.) (al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa’* hlm.136)

Al-Bukhari meriwayatkan bahawa al-Musayyab berkata: Aku berjumpa al-Barra’ bin ‘Azib (r.a), lalu aku berkata: Alangkah beruntungnya anda kerana anda telah bersahabat (Sahabta) dengan Nabi (Saw.) dan membaiahnya di bawah pokok. Lantas dia menjawab: Wahai anak saudaraku! Sebenarnya anda tidak mengetahui apa yang kami lakukan (*Ahdathna-hu*) selepasnya (al-Bukari, *Sahih*, v, hlm.343 (Hadis no.488)

Kesemua hadis-hadis tersebut adalah menepati ayat al-Inqilab firman-Nya di dalam Surah Ali Imran (3): 144: "*Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa orang Rasul apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (murtad)? Barang siapa yang berbalik ke belakang (murtad), maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun dan Allah akan memberi*

balasan kepada mereka yang bersyukur." Dan bilangan yang sedikit sahaja yang "terselamat" adalah menepati firman-Nya di dalam Surah Saba' (34): 13: "*Dan sedikit sekali dari hamba-hambaku yang berterima kasih.*"

Kesimpulan

Kekafiran majoriti para sahabat selepas kewafatan Nabi (Saw.) sebagaimana dicatat oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam *Sahih-Sahih* mereka amat menakutkan sekali. Dan ianya menyalahi akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah yang menegaskan bahawa semua para sahabat adalah adil (kebal). Lantaran itu mana-mana Muslim sama ada dia seorang yang bergelar sahabat, tabi‘i, mufti, kadi dan kita sendiri, tidak boleh mengubah atau menangguhkan atau melanggar atau membatalkan mana-mana hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya dengan alasan *Maqasidu sy-Syari‘ah, Maslahah*, dan sebagainya. Kerana Allah dan Rasul-Nya tidak akan meridhai perbuatan tersebut. Firman-Nya*" Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah (hak) memilih di dalam urusan mereka apabila Allah dan Rasul-Nya memutuskan urusan itu.Barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya, maka ianya telah sesat dengan kesesatan yang nyata*" (Al-Ahzab(33):35)

Firman-Nya *"Tidak ,demi Tuhan, mereka tidak juga beriman sehingga mereka mengangkat engkau menjadi hakim untuk mengurus perselisihan di kalangan mereka, kemudian mereka tiada keberatan di dalam hati mereka menerima keputusan engkau,dan mereka menerima dengan sebenar-benarnya*" (Al-Nisa'(4): 65) Firman-Nya "*Barang siapa yang tidak menghukum menurut hukum yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang kafir*" (al-Ma ‘idah(5):44)

Firman-Nya "*Barang siapa yang tidak menghukum menurut hukum yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim*"(al-Ma ‘idah(5):45) Firman-Nya "*Barang siapa yang tidak menghukum menurut hukum yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq*"(al-Ma‘idah(5):47)

Dan firman-Nya *"Barang siapa yang menentang Rasul,sesudah nyata petunjuk baginya dan mengikut bukan jalan orang-orang Mukmin,maka kami biarkan dia memimpin dan kami memasukkan dia ke dalam nereka Jahannam.Itulah sejahat-jahat tempat kembali" (*Al-Nisa ‘(4);115)

Semoga semua orang Islam sama ada sahabat atau tidak, dahulu dan sekarang, akan diampun dosa mereka dan dimasukkan ke dalam Syurga-Nya. Amin.

11. Membuang perkataan "*Hayya 'ala khairi l 'amal* " di dalam azan dan *iqamah*, dan menambah "*al-Salatu kharun mina-n-Naum*" di dalam azan subuh. (al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, hlm.137 dll.). Mereka melakukan Dua Syahadat bukan di dalam ertikata yang sebenar, kerana mereka menjadikan sunnah Abu Bakr dan sunnah Umar lebih tinggi dari hukum Allah dan Sunnah Muhammah (Saw.). Sementara Syi'ah Ja'fariyyah atau Imam Dua Belas atau Mazhab Ahlu l-Bait (a.s) Dua Syahadat di dalam ertikata yang sebenar. Mereka tidak menjadikan sunnah Abu Bakr dan Umar lebih tinggi dari hukum Allah dan Rasul-Nya dari segi pelaksanaan.

Sementara ungkapan "penyaksian mereka bahawa Ali adalah wali Allah" disebutkan di dalam azan dan *iqamah* oleh sebahagian Syi'ah, tetapi mereka tidak menjadikannya sebahagian dari azan dan *iqamah*. Mereka menyebutnya kerana mengisytiharkan bahawa Ali adalah wali Allah". Umpamanya Ayatullah al-Khoei tidak menyebutnya di dalam azan dan *iqamah*. Sementara Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah mempercayai azan dan *iqamah* yang mereka lakukan sekarang adalah azan dan *iqamah* Rasulullah (Saw.). Mereka tidak mengetahui bahawa azan *atau iqamah* tersebut telah dibuang perkataan "*Hayya 'ala khairi l 'amal*" dan ditambah perkataan "*As-Salatu kharun mina n-Naum*" oleh khalifah Umar. Sebenarnya syahadah boleh dilakukan diluar azan dan *iqamat* lebih daripada tiga kali, umpamanya, aku naik saksi (*asyhadu*) bahawa hari Kiamat itu adalah benar (*haqqun*), aku naik saksi bahawa *al-Sirat* itu adalah benar, aku naik saksi bahawa syurga dan neraka itu adalah benar dan lain-lain. Meskipun begitu syahadat yang dilakukan oleh Syi'ah adalah dua syahadat di dalam sembahyang mereka. Hanya Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah yang tidak mengetahuinya.

12. Membuang atau memperkecilkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para Imam Ahlu l-Bait sekalipun Mutawatir dan bertepatan dengan al-Qur'an. Dan menerima atau memperbesarkan hadis hadis yang diriwayatkan oleh Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah sekalipun menyalahi al-Qur'an.

13. Menolak hukum-hukum al-Qur'an yang menyalahi sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu'awiyah.

14. Menolak Sunnah Rasulullah yang menyalahi sunnah Abu Bakr , Umar, Uthman, dan Mu'awiyah.

15. Menjadikan sunnah Abu Bakr, sunnah Umar, sunnah Uthman, dan sunnah Mu'awiyah lebih tinggi dari al-Qur'an dari segi pelaksanaan .

16. Menjadikan sunnah Abu Bakr, sunnah Umar, sunnah Uthman,dan sunnah Mu'awiyah lebih tinggi dari Sunnah Rasulullah (Saw.) dari segi pelaksanaan.

17. Memulih atau memurnikan akidah mereka yang menolak sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman dan Mu'awiyah yang berlawanan dengan al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) sehingga mereka menolak hukum atau ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) dengan alasan *maslahah*, keselamatan negara,perpaduan dan sebagainya. Sepatutnya mereka yang menolak sebahagian hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya patut dipulih atau dimurnikan akidah mereka sehingga mereka menolak sunnah Abu Bakr , Umar, Uthman, dan Mu'awiyah yang bertentangan dengan hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya.

18. Menjadikan berbagai-bagai istilah seperti *Maslahah, Istihsan, masalihu l-Mursalah, Maqasidu sy-Syari'ah, Saddu dh-Dhari'ah, Ijtihad, Ijmak, Qiyas*, dan lain-lain biasanya bagi membatal atau menangguh atau mengilak atau mengubah atau mengeliru atau menyalahi hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Orang ramai menerimanya,kerana kejahilan mereka. Sepatutnya istilah-istilah tersebut digunakan 100% bagi mentaati hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

19. Mereka memusuhi orang yang menolak sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu'awiyah yang menyalahi hukum al-Qur'an dan Sunnah Rasul-Nya. Sebaliknya mencintai orang yang menolak hukum al-Qur'an dan Sunnah Rasul-Nya, tetapi menerima sunnah-sunnah mereka tersebut.

20. Mereka menjadikan sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu'awiyah yang menyalahi al-Qur'an dan Sunnah Rasul-Nya sebagai amal ibadat harian, bulanan, dan tahunan mereka bagi bertaqarrub kepada Allah (swt). Mereka meninggi diri dan berkata : Inilah akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah; kumpulan yang berjaya (*firqah Najiyah*). Sementara kumpulan yang menolak sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu'awiyah yang menyalahi al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) ke Neraka.

21. Mereka menggunakan perkataan al-Sunnah atau Sunnah bagi menggambarkakan Sunnah Rasulullah (Saw.) sahaja, tetapi pada hakikatnya ia meliputi sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu'awiyah. Begitu juga mereka mengguna perkataan "Ahlu s-Sunnah" bagi mempamirkan kepada orang ramai bahawa apa yang mereka maksudkan dengan perkataan tersebut adalah "Ahlu s-Sunnah Rasulullah (Saw.) sahaja"; merekalah yang menjaga, dan pengamal Sunnah Rasulullah (Saw.) yang sebenarnya, tetapi pada hakikatmya ia meliputi sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu'awiyah yang menyalahi hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya, dan

merekalah pengamalnya. Orang ramai disebabkan kejahilan dan kefanatikan mereka, tidak dapat membezakan di antara Sunnah Rasulullah (Saw.) dan sunnah-sunnah mereka berempat. Lalu mereka mentaati sunnah-sunnah tersebut, dan menjadikanya ibadat bagi menghampiri diri kepada Allah (swt).

22. Mereka membenci atau memulau atau memisahkan orang yang yang ingin membezakan di antara Sunnah Rasulullah (Saw.) dan sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman dan Mu'awiyah. Kerana mereka khuatir orang ramai akan mengetahuinya, dan mungkin akan mentaati hukum Allah (swt) dan Sunnah Rasulullah (Saw.). Justeru itu mereka akan menolak sunnah-sunnah mereka. Lantaran itu mereka popularkan hadis "*Ikutlah Sunnahku dan sunnah khulafa' Rasyidin selepasku*" Mereka menjadi kesamaran,lalu mereka mengikuti sunnah-sunnah khalifah yang menyalahi hukum Allah (swt) dan Sunnah Rasul-Nya. Kemudian mereka meredhainya dan beramal ibadat dengannya dan menjadikannya sebagai penilai kebenaran yang mengatasi al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.). Orang ramai menerimanya, kerana kejahilan dan kefanatikan mereka. Mereka berkata:Inilah akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah. Dan siapa yang menyalahi Akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah adalah sesat dan menyeleweng. Dengan mengguna pola pemikiran tersebut bahawa mereka yang mengamalkan 100% hukum Allah dan sunnah Rasul-Nya dikira sesat dan menyeleweng oleh Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah.

23. Mereka membenci terhadap orang yang berselawat secara terus kepada Rasulullah (Saw.) dan keluarganya dengan lafaz "*Allahumma Salli 'ala Muhammad wa ali Muhammad"*. Kerana selawat mereka terputus setakat Muhammad sahaja. Mereka berselawat: "*SallaLlahu 'ala Muhammad"* tanpa " *ali-hi* " keluarganya. Mereka tidak menyebut "*ali-hi*" tanpa " *wa sahbi-hi* ". Mereka khuatir orang ramai akan mencintai keluarga Rasulullah lebih daripada sahabatnya. Mereka mengadakan upacara keagamaan mereka hanya dengan lafaz " *SallaLlahu "ala Muhammad"* secara beramai-ramai. Siapa yang mengaitkan lafaz "*wa ali-hi*" kepada Muhammad dianggap seorang Syi'ah. Sedangkan Rasulullah (Saw.) ketika ditanya bagaimana berselawat ke atas beliau? Beliau bersabda: "*Janganlah kalian berselawat ke atasku dengan selawat yang terputus*". Lalu mereka bertanya: Apakah selawat yang terputus? Beliau menjawab: *Kalian berkata: Allahuma salli 'ala Muhammad, kemudian kalian berhenti.Justeru iti katalah : Allahumma salli 'ala muhammad wa ali Muhammad* (Ibn Hajr, *al-Sawa'iqu l-Muhriqah*, hlm.144). Justeru itu mereka bukanlah Ahlu s-Sunnah Nabi (Saw.), malah mereka adalah Ahlu s-Sunnah ciptaan mereka sendiri.

24. Mereka memuji dan memuja orang yang melebih-lebihkan sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu'awiah ke atas hukum Allah (swt) dan Sunnah Rasul-Nya. Mereka melantik mereka kejawatan yang tinggi bagi menangguh

atau mengkabur atau membatalkan sebahagian hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya.

Penyelewengan Dari Sudut Syari‘at (al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.).

1. Menerima ijmak ulama Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah sahaja walau pun menyalahi al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.). Umpamanya mereka berijmak menyalahi firman-Nya *“ Talak (yang dapat dirujukkan) dua kali”* dengan menghukum bahawa talak tiga sekali gus jatuh tiga. Sedangkan di dalam al-Qur’an ia jatuh satu. Di dalam hadis juga ia jatuh satu.Khalifah Umar telah bertanya Rasulullah (Saw.) tentang talak tiga sekali gus:Jika ia menceraikan isterinya tiga kali sekali gus? Beliau bersabda: *Anda telah mendurhakai Tuhan anda*” (*A‘lamu l-Muwaqqa‘in*, iv, hlm. 349) Justeru itu mereka telah menggunakan Ijmak (ulama Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah) bagi membatalkan hukum al-Qur’an dan Sunnah Rasul- Dan bukan untuk mentaati hukum Allah dan Sunnah Rasulullah (Saw.) sepenuhnya.Orang ramai menerimanya kerana kejahilan dan kefanatikan mereka.

2. Menerima *Qiyas* sekalipun menyalahi al-Qur’an dan Sunnah Rasul-Nya. Bagaimana dikiaskan saksi kepada “pembunuhan” yang memerlukan dua saksi sementara saksi kepada “perzinayan” memerlukan kepada empat saksi. Manakah yang lebih berat pembunuhan atau perzinayan? Justeru itu *Qiyas* tidak boleh dijadikan sumber hukum. Dan sumber hukum pula tidak boleh menyalahi al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) Kerana Allah dan Rasul-Nya tidak meredhainya. Firman-Nya*“ Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah (hak) memilih di dalam urusan mereka apabila Allah dan Rasul-Nya memutuskan urusan itu. Barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya, maka ianya telah sesat dengan kesesatan yang nyata*” (Al-Ahzab (33): 35)

Firman-Nya *“Tidak, demi Tuhan, mereka tidak juga beriman sehingga mereka mengangkat engkau menjadi hakim untuk mengurus perselisihan di kalangan mereka, kemudian mereka tiada keberatan di dalam hati mereka menerima keputusan engkau,dan mereka menerima dengan sebenar-benarnya*”(Al-Nisa’(4): 65)

3. Membiarkan perzinayan berlaku dengan memperketatkan syarat nikah yang tidak disyaratkan oleh Rasulullah (Saw.) firman-Nya “ *Maka kahwinilah olehmu perempuan-perempuan yang baik hati, berdua, bertiga atau berempat orang*” (Al-Nisa’(4):3). Kemudian mepermudahkan pencerian tanpa saksi sedangkan ia adalah syarat di dalam al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) . Firman-Nya “ *Dan persaksikanlah dengan dua saksi yang adil di antara kamu*” ((al-Talaq (65):2), dan mengharamkan nikah Mut‘ah yang

dihalalkan dan pernah dilakukan oleh Rasulullah (Saw.), Umar, Umran bin Hasin, Ibn Juraij dan lain-lain. Ali (a.s) berkata: Jika Umar tidak melarangnya, nescaya tidak akan berzina melainkan orang yang celaka". "Mereka memaafkan penzina-penzina mereka, tetapi mereka membunuh orang yang melakukan nikah mut‘ah".

4. Menerima '*Aul* yang tidak dilakukan oleh Rasulullah (Saw.) Umarlah orang yang pertama mengenakan '*Aul* di dalam pesaka (al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, 137). Lantaran itu, mereka bukanlah Ahlu s-Sunnah Rasulullah saw, malah mereka adalah Ahlu s-Sunnah Umar. Kerana mereka menghukum sesat atau menyeleweng orang yang menolak *'Aul* yang tidak dilakukan oleh Rasulullah (Saw.).

5. Menjadikan pendapat Abu Bakr, Umar, Uthman dan Mu‘awiyah lebih tinggi daripada hukum Allah (swt) dan mentaati mereka pula sekalipun mereka menyalahi hukum Allah.Justeru itu, tidak hairanlah jika Imam Ali mengatakan "mereka" adalah berhala Quraisy. Kerana Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah mentaati sunnah mereka lebih dari mentaati hukum Allah. (al-Majlisi, *Biharu l-Anwar*, Bairut 1991, xxx , hlm.393).

6. Menjadikan pendapat Abu Bakr Umar, Uthman dan Mu‘awiyah lebih tinggi daripada Sunnah Rasulullah (Saw.). Bererti mereka adalah seperti berhala Quraisy yang disembah. Kerana mereka mentaati mereka berempat lebih daripada Allah (swt) di dalam pelaksanaan hukum.Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah sanggup menolak hukum Allah daripada hukum "mereka" . Ini bererti orang yang menolak hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya adalah musuh Allah dan Rasul-Nya. (al-Majlisi, *Biharu l-Anwar*, Bairut 1991, xxx, hlm. 393). Firman-Nya*" Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah (hak) memilih di dalam urusan mereka apabila Allah dan Rasul-Nya memutuskan urusan itu.Barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya,maka ianya telah sesat dengan kesesatan yang nyata*" (Al-Ahzab(33):35)

Firman-Nya "*Tidak, demi Tuhan, mereka tidak juga beriman sehingga mereka mengangkat engkau menjadi hakim untuk mengurus perselisihan di kalangan mereka, kemudian mereka tiada keberatan di dalam hati mereka menerima keputusan engkau,dan mereka menerima dengan sebenar-benarnya"* (Al-Nisa'(4):65)

7. Mereka mendakwa bahawa Rasulullah (Saw.) tidak mengumpul al-Qur'an. Hanya Abu Bakr, Umar dan Uthman yang mengumpul al-Qur'an yang ada sekarang. Uthman telah mnegambil mushaf Umar dan Umar mengambilnya daripada Abu Bakr. Penafian tersebut memberi implikasi bahawa Rasulullah (Saw.) adalah seorang yang cuai,tidak mementingkan umatnya sedangkan tiga khalifah selepas beliau telah mengumpulkan al-Qur'an. Apakah peranan Rasulullah (Saw.) sendiri tentang al-Qur'an? Mereka menganggap taraf tiga

khalifah tersebut melebihi Rasulullah (Saw.) di dalam pengumpulan al-Qur’an sekalipun mereka telah menghalang penyibaran Sunnah Rasulullah (Saw.) dan membakarnya. (al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*,I, hlm.3 dll.) Lalu mereka mengamalkan sunnah-sunnah mereka serndiri. Kemudian mereka berkata : Rasulullah (Saw.) tidak meninggalkan wasiat.Lantarn itu,apa yang beliau tinggal? Justeru itu mereka menganggap tiga khalifah lebih tinggi daripada Rasulullah (Saw.) dari segi pelaksanaan hukum. Lalu mereka mengamalkan sunnah-sunnah mereka yang berlawanan dengan hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya .

C. Pelbagai Penyelewengan Umum.

1. Menziarah kubur Rasulullah (Saw.) bukan sahaja tidak dapat pahala, malah ia adalah perbuatan syirik. Ianya bertentangan dengan Sunnah Rasulullah (Saw.) yang mengharuskannya (al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-‘Ummal*, iii, hlm.78). Dan ia juga bertentangan dengan naluri manusia yang mencintai seseorang berterusan hingga ke kuburnya.

2. Bergembira atau berpesta kerana keshahidan Husain bin Ali di Karbala’, malah menghina orang yang memperingati kesyahidannya. Kerana Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ahlah yang telah membunuhnya. Justeru itu mereka turut membenci mereka yang bersimpati dengannya. Sedangkan Rasulullah (Saw.) bersabda “ *Husain adalah daripadaku dan aku adalah daripada Husain*” (Muslim, *Sahih*, iv, hlm 1800)Ini bererti pembunuh Husain bin Ali (a.s) adalah pembunuh Rasulullah (Saw.) Pembeci kepada Husain bin Ali (a.s) adalah pembenci kepada Rasulullah (Saw.). Jika mereka berkata bahawa mereka mencintai Husain bin Ali (a.s), kenapa mereka berada bersama musuhnya, membantu musuhnya dan mementang Syi‘ah Husain bin Ali (a.s)?

3. Menghormati Abu Bakr, Umar, ‘Aisyah dan Hafsah sekalipun mereka menghina atau mempersenda atau menyalahi hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya dengan mengatakan bahawa Nabi (Saw.) “Sedang meracau” di hadapan Nabi (Saw.) sendiri“ Kitab Allah adalah cukup dan kami tidak perlu kepada Sunnah Nabi (Saw.)” . (al-Bukhari, *Sahih*, I, hlm. 36; Muslim, *Sahih*, III, hlm. 69) “Sunnah nabi (Saw.) mendatangkan perselisihan dan pertengkaran kepada Umat [Al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*, I , hlm.3]” “ mereka telah mengepung dan membakar rumah anak perempuan Nabi (Saw.) Fatimah (a.s) dan berkata: "Aku akan membakar kalian sehingga kalian keluar untuk memberi bai'ah kepada Abu Bakar."[Al-Tabari, *Tarikh*, III, hlm. 198; Abu-l-Fida” ,*Tarikh*, I, hlm. 156] merampas Fadak daripada Fatimah (a.s) yang telah diberikan kepadanya oleh Nabi (Saw.) semasa hidupnya(Lihat

Ahmad bin Tahir al-Baghdadi, *Balaghah al-Nisa'*, II , hlm.14; Umar Ridha Kahalah, *A'lam al-Nisa'*, III, hlm.208; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, IV, hlm.79, 92), menyakiti hati Fatimah, Ali, al-Hasan dan al-Husain,kerana Rasulullah (Saw.) bersabda *"Siapa menyakiti Fatimah, dia menyakitiku, dan siapa menyakitiku ,dia menyakiti Allah"* "*Siapa menyakiti Ali, sesungguhnya dia menyakitiku,dan siapa yang menyakitiku, dia menyakiti Allah"* "al-Hasan dan al-Husain kedua-dua mereka adalah pemuda Syurga" (al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm.129-131 dll).

4. Tidak mengharuskan jamak sembahyang di dalam semua keadaan Sekalipun al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) membenarkannya. Firman-Nya "*Dirilah sembahyang dari gelincir matahari sehingga gelap malam"* (al-Isra'(17):78) Ibn Abbas berkata: Rasulullah (Saw.) telah menjamak sembahyang Zuhr dan 'Asr, maghrib dan 'Isya' secara berjama‘ah tanpa sakit atau musafir" (Muslim, *Sahih*, iii, hlm.254). Mereka memusuhi orang yang menjamak sembahyang, tetapi mereka memaafkan orang yang meninggalkan sembahyang dikalangan mereka.

5. Melakukan sembahyang *Dhuha* yang telah diharamkan oleh Rasulullah (Saw.). 'Aisyah berkata: Sesungguhnya Nabi (Saw.) tidak pernah sembahyang *Dhuha.*Abdullah bin Umar berkata:Sembahyang Dhuha adalah bid‘ah dari segala bid‘ah (Ahmad bin Hanbal,*al-Musnad*, ii, hlm. 129, *al-Musnad*, vi, hlm.30, Malik, *al-Muwatta'*, I,hlm. 167) . Justeru itu,mereka yang menyeleweng atau sesat adalah mereka melakukan sembahyang Dhuha dan bukan sebaliknya.

6. Membuang atau membatalkan prinsip *Khums* untuk Ahlu l-Bait Rasulullah (Saw.) yang diwajibkan di dalam al-Qur'an, tetapi Khalifah Abu Bakar telah menghentikan pemberian *khums* kepada keluarga Rasulullah (Saw.). Kemudian sunnahnya diikuti oleh Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah . Sunnahnya itu adalah bertentangan dengan Surah al-Anfal (8):41 " *Ketahuilah, apa yang kamu perolehi seperlima adalah untuk Allah, Rasul*-Nya, *Kerabat, anak-anak yatim,orang miskin, dan orang musafir"* dan berlawanan dengan Sunnah Rasulullah (Saw.) yang memberi *khums* kepada keluarganya menurut ayat tersebut. [Lihat umpamanya al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, II , hlm.127]. Lantaran itu mengamal ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.) yang bertentangan dengan sunnnah Abu Bakr dan Umar dikira sesat dan menyeleweng oleh Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah dari Islam yang sebenar. Sepatutnya mereka yang yang membuang atau membatalkan hukum *Khums* yang menyeleweng atau sesat, bukan mereka yang mengamalkannya. Inilah ajaran Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah yang menyesatkan mereka yang menolak sunnah Abu Bakr dengan mematuhi al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah (Saw.).

7. Menjadikan *Imamah* dan *khilafah* soal yang kecil,dan tidak penting. Tetapi dari segi kenyataan mereka telah menjadikan jawatan khalifah seperti barangan yang perlu direbut. Siapa yang cepat, maka dialah yang dapat sekalipun dengan menggunakan kekerasan penipuan dan kezaliman. Mereka sanggup membunuh, berbohong kerana merebut jawatan tersebut. Hukum Allah dan Sunnah Rasulullah (Saw.) bukan menjadi pengukuranya.Justeru itu ianya menyalahi firman-Nya "*Janganlah kamu cenderung kepada orang yang melakukan kezaliman, lantas kamu akan disambar oleh api neraka.Dan tidak ada bagimu wali selain daripada Allah,kemudian kamu tiada mendapat pertolongan*" (Hud(11):113).

8. Menafikan taklif sembahyang ke atas orang kafir. Ini bererti mereka menolak firman-Nya "*Apakah yang membuat kalian memasuki Saqar? Mereka menjawab: Kami tidak termasuk mereka yang mengerjakan sembahyang"* Itulah ucapan orang-orang kafir kepada Tuhan. Mereka tidak berkata:Kami kafir, kenapa bertanya kepada kami?. Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah mengingkari orang kafir ditaklifkan sembahyang, begitu juga dengan Haji. Justeru itu mereka bukan Ahlu s-Sunnah Rasulullah (Saw.), malah mereka adalah Ahlu s-Sunnah Abu Bakr atau Umar atau Uthman atau Ahlu s-Sunnah ciptaan mereka sendiri.

9. Wajib membasuhi dua kaki dan tidak memadai menyapu kedua –dua kaki tersebut. Justeru itu mereka kurang mengetahui firman-Nya "…dan sapulah kepala kamu dan kaki kamu (*Wa msa-hu bi-Ru'usi-kum wa arjula-kum/arjuli-kum*)…" (al-Ma'idah(5):6) Huruf "*al-Wau*" dikaitkan dengan perkataan yang paling hampir kepadanya.Imam Ali Ridha berkata: Bukti dua basuh dan dua sapu adalah jelas di dalam Tayammum. Kerana Tayammum dilakukan ditempat basuh.Dan tidak dilakukan di tempat sapu(*Wasa'il al-Syi‘ah* ii, hlm.127dll).

BAHAGIAN KEDUA:

AKIDAH AHLU S-SUNNAH WA L-JAMA'AH YANG BERTENTANGAN DENGAN AL-QUR'AN

AI-Asy'ari sebagai pelopor mazhab al-Asya'irah kemudian dikenali dengan mazhab Ahlu Sunnah Wa I-Jama'ah, adalah seorang yang pernah hidup di abad ketiga Hijrah. Beliau dikatakan meninggal dalam tahun 330H? Ini bererti tiga abad seiepas kewafatan Nabi (*Saw*) orang-orang Islam tidak berpegang kepada mazhab al-Asya'irah atau mazhab Ahlu s-Sunnah Wa I-Jama'ah.

Menurut al-Syahrastani (w. 548H), bermulanya mazhab Ahlu Sunnah Wa I-Jama'ah apabila ai-Asy'ari berkecimpung dengan golongan *al-Sifatiyyah* (menetapkan sifat-sifat *azaliyyah* bagi Allah S.W.T) dan menyokong pendapat-pendapat mereka dengan hujah-hujah *Ilmu I-Kalam*. Dan semenjak itulah nama *al-Sifatiyyah* bertukar kepada al-Asy'a'iyyah. *(al-MiIal Wa n-NiIial,* Cairo, 1968, I, him. 93)

Al-Asy'ari dalam *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilafal-Musalliyyin*, Cairo, 1950, I, hIm. 320, apabila membicarakan tentang pendapat-pendapatnya atau akidah-akidahnya, dia menyebutkan "ini adalah sebahagian daripada pendapat *(Qaul)* Ashab al-Hadith dan Ahl al-Sunnah." Sementara di dalam *al-lbanah an Usul al-Diyanah,* Cairo, *1385* H, him. 8, dia menyebutkan "ini adaIah pendapat *(Qau[)* Ahl al-Haq dan al-Sunnah."

Di dalam kedua-dua kenyataan tersebut, dia tidak menyebut perkataan *aI-Jama‘ah.* Kemungkinan aI-Baghdadi (w.429H) adalah orang pertama di kalangan al-Asya'irah yang mengguna perkataan *al-*

Jama'ah selepas perkataan Ahlu s-Sunnah (Ai-Baghdadi, *Al-Farq bain al-Firaq,* Beirut, 1973, hIm. 304), kemudian diikuti oleh Al-Syahrastani *(Al-Milal Wa n-Nihal,* I, him. Ii). *Al-Jama'ah* yang hakiki, menurut Imam Ali A.S ialah bersama Ahli kebenaran sekalipun mereka itu sedikit. *Al-Furqah* (perpecahan) ialah mengikut AhI al-Batil sekaiipun mereka itu ramai (Qadhi Abd al-Jabbar, *Fadhl al-I 'tizal,* Cairo, *1955,* him. *185).* Sementara al-Asy'ari al-Qummi (w.301H) berkata: *al-Jama'ah* ialah golongan ramai, menyokong mana-mana pemerintahan tanpa mengira sama ada pemerintahan itu adil atau pun zalim. Mereka bersepakat (berjema'ah) bukan kerana keugamaan. Malah pengertian *al-Jama'ah* yang sebenar bagi mereka adalah penpecahan *(al-Furqah)* kerana dendam mendendam berlaku sesama mereka terutamanya mengenai Tauhid, hukum-hukum, fatwa-fatwa dan lain-lain. Mereka bertengkar dan mengkafir sesama mereka *(Kitab al-maqalat wa l-Firaq,* Tehran, 1963, hlm. *15)*

Oleh itu tidak hairanlah jika al-Asy'ari sendiri bertelagah dengan Ahmad bin Hanbal mengenai perbincangan di dalam '*ilmu l-Kalam,* dia menulis buku *al-Istihsan* bagi menentang musuhnya Ahmad b. Hanbal, walaupun pada muIanya al-Asy'ari mengakuinya sebagai imam.Begitu juga pengikut ai-Hanbali mengkafirkan pengikut aI-Asy'ari kerana menyangka bahawa dia telah membohongi Rasul (*Saw)* .Al-Asy'ari pula mengkafirkan Mu'tazilah dengan alasan mereka membohongi Rasul (*Saw*) di dalam *pengithbatan* (Sifat) ilmu, *qudrat* dan lain-lain (ai-Ghazali, *Fisal al-Tafriqah baina- I-Islam wa Zandaqah,* Cairo, 1970, hIm. 126). A1-Asy'ari pula mengkafirkan Murji'ah (*al-Maqalat*, I, him. 202). Tindakan al-Asy'ari melahirkan perasaan tidak puas hati di kaiangan pengikut-pengikut Abu Hanifah. Lantaran itu mereka kemudian mengatakan Abu Hanifah seorang Murji'ah tetapi ianya adalah Murji'ah Ahlu s-Sunnah. Justeru itu tidak hairaniah jika al-Zamakhsyari (w.537H) memandang begitu negatif terhadap Ahlu s-Sunnah wa I-Jama'ah, malah dia menanamkan mereka al-Mujbirah *(al-Kasysvaf,* Cairo, 1 307H. I, him. 421). OIeh itu *al-Jama'ah* menurut pengertian yang kedua adalah simbol Perpaduan lahiriyah sesama mereka di bawah satu pemerintahan tanpa kaitan dengan keugamaan (Perpaduan Politik). Pada hakikatnya ia adalah perpecahan dan perselisihan dari segi hukum, fatwa dan lain-lain.

Walau bagaimanpun di sini dikemukakan sebahagian daripada akidah al-Asy'ari dan ai-Asya'irah atau akidah-akidah Ahlu s-Sunnah

wa l- Jama'ah yang bertentangan dengan al-Qur'an sepenti berikut:

1. **Ja'fari:** Allah tidak menghendaki orang-orang kafir menjadi kafir.

Al-Asy'ari: Allah (swt) menghendaki orang-orang kafir menjadi kafir dan mengunci hati mereka (al-Asy'ari, al-Ibanah, hlm. 10; al-Asy'ari, *al-Maqalat*, hlm. 321).

Lantaran itu pendapat ini adalah bertentangan dengan firman Allah (swt) dalam Surah al-Muddathir (74): 43-46, terjemahannya, *"Apakah yang memasukkan kamu ke dalam neraka Saqar?" Mereka menjawab:"Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan sembahyang, dan kami tidak (pula) memberi makan orang miskin, dan adalah kami membicarakan yang batil, bersama dengan orang-orang yang membicarakannya, dan kami mendustakan hari pembalasan."* Sekiranya Allah telah menghendaki mereka menjadi kafir - memasuki neraka, kenapa Dia pula bertanya,"*Apakah yang memasukkan kamu ke neraka Saqar?"* Dan orang-orang kafir pula akan menjawab: Kami memasuki neraka Saqar kerana kamu (Tuhan) telah menghendaki kami menjadi kafir? Dan Allah (swt) tidak bertanya di dalam firman-Nya dalam Surah al-Baqarah (2):28, terjemahannya,"*Mengapa kamu* (*jadi) kafir (kepadaku*)?." Justeru itu jikalau apa yang dikatakan oleh al-Asy'ari itu betul, nescaya Tuhan tidak akan bertanya lagi kepada mereka kerana mereka telah dijadikan kafir oleh-Nya. Sedangkan Dia juga berfirman: Surah al-Zumar (39), terjemahannya,"*Dan Dia tidak meredhai kekafiran bagi hamba-hamba-Nya."*

2. **Ja'fari:** Allah (swt) tidak akan menyiksa seseorang hamba kerana perbuatan-Nya padanya dan tidak akan mencelainya.

Al-Asyar'irah: Allah (swt) akan menyiksa seorang hamba di atas perbuatanNya, malah Dia menjadikan padanya kekafiran, kemudian menyiksanya (*al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 96).

Oleh itu pendapat al-Asya'irah adalah bertentangan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-An'am (6):164, terjemahannya*,"Dan tidaklah seseorang membuat dosa melainkan kemudharatannya kembali kepada dirinya sendiri, dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain*." Dan firman-Nya dalam Surah al-Fussilat (41):46, terjemahannya,*"Dan sekali-kali tidaklah Tuhanmu menzalimi hamba-hamba-Nya.* "Ayat-ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah SWT tidak akan menyiksa seseorang kerana perbuatan orang lain.

3. **Ja'fari:** *Taklif* adalah mendahului perbuatan.

Al-Asya'irah: *Taklif* semasa melakukan perbuatan dan bukan sebelumnya (*al-Milal Wa n-Nihal*, I, hlm. 96).

Ini bererti seorang itu tidak menjadi penderhaka (*'asi)* kerana penderhakaan adalah menyalahi perintah. Dan jikalau penderhakaan tidak boleh berlaku melainkan semasa melakukan sesuatu, oleh itu masa penderhakaan ialah masa tidak melakukan sesuatu. Justeru itu ia (seseorang) tidak ditaklifkan (dibebankan) pada masa itu. Jika tidak, taklif mestilah mendahului perbuatan dan ini adalah bertentangan dengan mazhab mereka. Walau bagaimanapun al-'Isyan (penderhakaan) telah berlaku menurut al-Qur'an, firmanNya dalam Surah Taha (20):93, terjemahannya, *"Maka apakah kamu (sengaja) menderhakai perintahku?,"* firman-Nya dalam Surah al-Kahf (18):69, terjemahannya,"*Dan aku tidak akan menderhaka (menentang)mu dalam sesuatu urusan,*" dan firman-Nya dalam Surah Yunus (10):91, terjemahannya, "Apakah sekarang (baru kamu percaya) pada hal sesungguhnya kamu telah derhaka sejak dahulu." Ayat-ayat tersebut menunjukkan bahawa taklif adalah mendahului perbuatan. Justeru itu pendapat al-Asya'irah adalah bertentangan dengan nas.

4. **Ja'fari:** Allah tidak menjadikan kejahatan hamba-hamba-Nya tetapi mereka sendiri yang melakukannya.

Al-Asy'ari: Kejahatan hamba-hamba-Nya (*Sayi'at al-'Ibad*) dijadikan oleh Allah SWT, dan mereka tidak ada pilihan (*al-Maqalat*, I, hlm. 32; *al-Ibanah*, hlm. 10).

Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firman Allah dalam Surah al-Fussilat (41):46, terjemahannya,"*Barang siapa yang mengerjakan amal soleh maka (pahalanya) untuk dirinya sendiri dan barang siapa yang berbuat jahat maka (dosanya) atas dirinya sendiri; dan sekali-kali tidaklah Tuhanmu menzalimi hamba-hamba(Nya).*" Ayat tersebut menerangkan bahawa kejahatan tidak dijadikan oleh Tuhan malah manusia yang melakukannya di atas pilihan mereka sendiri. Justeru itu pendapat al-Asy'ari tersebut menyalahi nas.

5. **Ja'fari:** *Qudrat* (kuasa) mendahului perbuatan.

Al-Asy'ari dan al-Asya'irah: *Qudrat* tidak mendahului perbuatan malah ia bersama perbuatan (al-Ibanah, hlm. 10*; al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 96).

Ini bererti taklif di luar kemampuan, kerana orang kafir dibebankan

(ditaklifkan) di luar kemampuannya dengan keimanan. Dan sekiranya ia mampu beriman semasa kafirnya, ini adalah bertentangan dengan mazhab mereka iaitu *Qudrat* bersama perbuatan, dan tidak mendahului perbuatan sebaliknya jika ia tidak mampu beriman, bererti taklif di luar kemampuan. Sedangkan Allah (swt) tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya." Justeru itu *Qudrat* semasa melakukan sesuatu adalah bertentangan dengan akal dan nas.

6. **Ja'fari:** Allah SWT melakukan sesuatu kerana tujuan tertentu (*gharad*) menurut hikmah dan kemuslihatan orang-orang yang ditaklifkan.

Al-Asya'irah: Tidak harus bagi Allah (swt) melakukan sesuatu kerana tujuan dan kemuslihatan tertentu, kembali kepada hamba-hamba-Nya (Fakhruddin al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, Cairo, 1962, XVII, hlm. 11).

Ini memberi implikasi bahawa terdapat perbuatanNya yang sia-sia. Lantaran itu pendapat al-Asya'irah bertentangan dengan firman Allah (swt) dalam Surah al-Anbiya' (21):16, terjemahannya,"*Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya dengan bermain-main.*" Dan firmanNya dalam Surah Ali Imran (3):191,terjemahan,"*Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia.*" Oleh itu pendapat al-Asya'irah tersebut adalah menyalahi nas.

7. **Ja'fari:** Allah (swt) tidak membebankan (*taklif*) seseorang apa-apa yang ia tidak mampu, kerana membebankan seorang apa yang ia tidak mampu adalah terkeluar daripada Hikmah (kebijaksanaan) Allah (swt). Oleh itu adalah tidak harus bagiNya membebankan seorang yang lumpuh terbang ke udara, menghimpunkan dua perkara yang berlawanan supaya berhimpun, mengembalikan hari kelmarin, menurunkan bulan dan matahari dan lain-lain.

Al-Asya'irah: Allah (swt) membebankan seseorang apa yang ia tidak mampu (*al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 96). Justeru itu pendapat al-Asya'irah adalah bertentangan dengan firman Allah (swt) dalam Surah al-Baqarah (2):286, terjemahannya,"*Sesungguhnya Allah tidak membebankan seseorang melainkan apa yang ia mampu*," dan iannya juga bertentangan dengan firman-Nya dalam Surah al-Kahf (18):49, terjemahannya,"*Tuhan kamu tidak akan menzalimi seorang pun daripada kamu.*"Justeru itu pendapat al-Asya'irah adalah bertentangan dengan nas.

8. **Ja'fari:** Nabi (Saw.) menghendaki apa yang dikehendaki oleh Allah (swt). Dia membenci apa yang dibencikan oleh Allah (swt) dan ia tidak menyalahi-Nya di dalam masalah Iradah dan Karahah (kebencian).

Al-Asya'irah: Nabi (Saw.) menghendaki apa yang dibencikan oleh Allah (swt). Dan ia membenci apa yang dikehendaki oleh Allah (swt). Kerana Allah (swt) menghendaki kekafiran daripada orang kafir, kemaksiatan daripada orang yang melakukan maksiat, kejahatan daripada penjahat, kefasikan daripada orang yang fasik (*al-Ibanah*, hlm. 10; *al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 96). Sedangkan Nabi (Saw.) menghendaki ketaatan daripada mereka. Justeru itu al-Asya'irah adalah diantara apa yang dikehendaki oleh Allah (swt) dan apa yang dikehendaki oleh Nabi (Saw.). Oleh itu Allah (swt) membenci ketaatan daripada orang fasik, iman daripada orang kafir, tetapi Nabi (Saw.) sebaliknya menghendaki kedua-duanya.

Al-Asya'irah juga menyalahi di antara apa yang dibencikan oleh Allah (swt) dan apa yang dibencikan oleh Nabi (Saw.). Lantaran itu mengikut al-Asya'irah, Allah (swt) tidak menghendaki taat daripada orang yang melakukan maksiat, sebagaimana dikehendaki oleh Nabi (Saw.). Oleh itu pendapat al-Asya'irah adalah menyalahi firman Allah (swt) dalam Surah al-Isra'(17): 38, terjemahannya, *Semua itu kejahatannya amat dibenci di sisi Tuhanmu,"* dan firman-Nya dalam Surah al-Zumar (39):7, terjemahannya,"*dan Dia tidak meredhai kekafiran bagi hamba-hamba-Nya.*"

9. **Ja'fari:** *Imamah* dan *Khilafah* adalah sebahagian daripada rukun Islam, dan ianya berlaku melalui nas.

Al-Asy'ari: Ianya bukanlah sebahagian daripada agama (*al-Din*). Dan ianya berlaku melalui *al-ittifaq* (persetujuan) atau al-ikhtiyar (pemilihan) (*al-Milal Wa n-Nihal*, I, hlm. 103). Oleh itu persoalannya siapakah yang lebih berhak Khalifah tidaklah penting. Tetapi apa yang lebih penting baginya ialah siapakah yang telah memegang jawatan khalifah dengan cara tersebut. Dan ianya tidak ada kaitan dengan nas. Justeru itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan beberapa ayat al-Qur'an yang tidak memisahkan (*Imamah)* politik dengan agama, firman-Nya dalam Surah al-Baqarah (2):124, terjemahannya, *"Sesungguhnya Aku akan menjadikan kamu imam bagi seluruh manusia."Ibrahim berkata,"Saya memohon juga dari keturunanku."Allah berfirman:"JanjiKu ini tidak meliputi orang yang zalim.*" Dan firman-Nya dalam Surah al-Nisa'(4) :59, terjemahannya, "*Hai orang yang beriman, taatilah Allah, dan taatilah Rasul-Nya dan Uli l-Amr daripada kamu,*" kedua-dua ayat tersebut menunjukkan bahawa politik (*Imamah)* tidak

terpisah daripada agama, kerana Dia mewajibkan ketaatan kepada *Uli l-Amr* sebagaimana Dia mewajibkannya kepada rasul-Nya ke atas umatnya. Justeru itu pendapat al-Asy'ari yang memisahkan politik (*Imamah*) dan agama adalah bertentangan dengan nas.

10. **Ja'fari:** Tidak mengakui kepimpinan orang yang tidak ada *istiqamah* dengan berpandukan al-Qur'an.

Al-Asy'ari: Mengakui kepimpinan mereka sekalipun tidak ada i*stiqamah* (zalim) dan sekali-kali tidak boleh menentang mereka secara kekerasan, malah memadailah dengan berdoa untuk kebaikan mereka (al-Ibanah, hlm. 12; *al-Maqalat*, I, hlm. 324). Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firman Tuhan Surah Hud (11): 113, terjemahan,"*Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang zalim maka kamu akan disentuh api neraka*." Dan firman-Nya dalam Surah al-Nisa' (4):59, terjemahannya,"*Hai orang yang beriman, taatilah Allah, dan taatilah Rasul-Nya dan Uli l-Amr daripada kamu*." *Uli l-Amr* yang wajib ditaati selepas rasul-Nya ialah orang yang ada istiqamah, bukannya pelaku kezaliman. Lantaran itu tidak hairanlah jika pendapat al-Asy'ari diterima oleh pemerintah dan dijadikan akidah negara sepanjang abad.

11. **Ja'fari:** Penentangan kepada segala bentuk kezaliman sekalipun melibatkan peperangan adalah berterusan dengan apa cara sekalipun kerana ianya tuntutan Allah dan Rasul-Nya.

Al-Asy'ari: Peperangan (penentangan) di dalam keadaan fitnah hendaklah dihentikan (*Tark al-Qital Fi l-Fitnah*), (*al-Ibanah*, hlm. 12). Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firman Tuhan Surah al-Baqarah (2): 193, terjemahannya,"*Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi....*"Dan firmanNya Surah al-Hujurat (49): 9, terjemahannya,"*Perangilah golongannya yang melakukan kezaliman itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah*." Justeru itu pendapat beliau itu adalah menyalahi nas.

12. **Ja'fari:** Tidak sah sembahyang di belakang *Fajir* (orang yang derhaka kepada Allah).

Al-Asy'ari: Sah sembahyang di belakang *fajir*. Beliau berpegang kepada perbuatan Abdullah bin Umar yang telah mengerjakan sembahyang di belakang al-Hajjaj(*al-Maqalat*, I, hlm. 324; *al-Ibanah*, hlm.12). Bagi al-Asy'ari al-Hajjaj adalah seorang *fajir* dan Abdullah bin Umar adalah seorang *birr* (yang baik). Walau bagaimanapun apa yang dilakukan oleh Abdullah bin Umar tidak boleh dijadikan dalil atau bukti sahnya

sembahyang di belakang *fajir*. Kerana ianya bertentangan dengan firman-Nya Surah al-Infitar (82): 14, terjemahannya,"*Sesungguhnya Fujjar (orang-orang yang derhaka) benar-benar berada di dalam neraka*," dan firman-Nya dalam Surah Hud (11): 113, terjemahannya,"*Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim (fajr), maka kamu akan disentuh api neraka."* Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah menyalahi nas.

13. **Ja'fari:** Sahabat ada yang baik, ada yang jahat dan ada yang munafiq berdasarkan nas. Oleh itu mereka mestilah dinilai dengan al-Qur'an dan Sunnah Nabi (Saw.) yang tidak bertentangan dengan al-Qur'an secara keseluruhan. Segala pujian atau celaan Tuhan kepada mereka adalah daripada Sifat *fi'l* (sementara), bukan daripada Sifat *Dhat* (kekal). Lantaran itu ianya tergantung di atas kelakuan mereka sama ada menyalahi nas atau pun tidak.

Al-Asy'ari: Kepatuhan kepada semua Sahabat (*Sa'ira Ashab al-Nabi*) (*al-Ibanah*, hlm. 12) kenyataan al-Asy'ari memberikan implikasi:

a) Sahabat semuanya menjadi ikutan. Tidak ada perbezaan di antara Sahabat yang mematuhi nas, dan Sahabat yang menyalahi nas.
b) Mentaqdiskan (mensucikan) Sahabat tanpa menggunakan penilaian al-Qur'an, sedangkan banyak terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang mencela perbuatan mereka, kerana mereka menyalahi nas (lihat umpamanya dalam Surah al-Juma'at (62): 11).
c) Mengutamakan pendapat sahabat daripada hukum Allah (swt) seperti hukum seorang yang menceraikan isterinya tiga kali dengan satu lafaz, jatuh satu menurut al-Qur'an dalam Surah al-Baqarah (2): 229, terjemahannya,"*Talak (yang dapat dirujuk) dua kali.*" Tetapi apabila Khalifah Umar mengatakan ianya jatuh tiga (al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 137), al-Asya'irah menerimanya dan dijadikannya "hukum" yang sah sekalipun ianya menyalahi nas (*al-Farq baina l-Firaq*, hlm. 301).
d) Mengutamakan Sunnah Sahabat daripada Sunnah Nabi (Saw.) seperti membuang perkataan *Haiyy 'Ala Khairil l-'Amal* di dalam azan dan *iqamah* oleh khalifah Umar, sedangkan pada masa Nabi ianya sebahagian daripada azan dan *iqamah*. Begitu juga Khalifah Umar telah menambahkan perkataan *al-Salah Khairun mina l-Naum* (al-Halabi, *al-Sirah*, Cairo, 1960, II, hlm. 110).
e) Kehormatan Sahabat tidak boleh disentuhi oleh al-Qur'an, kerana mereka berkata: Semua sahabat adalah adil walaupun menyalahi al-Qur’an dan Sunnah Nabi (Saw.).
f) Menilai kebenaran Islam menurut pendapat atau kelakuan Sahabat, dan bukan al-Qur'an dan Sunnah Nabi (Saw.) yang sebenar. Mereka

berkata kebenaran berada di lidah Umar. Lantaran itu mereka berpegang kepada pendapat Khalifah Umar yang mengatakan dua orang saksi lelaki di dalam talak tidak dijadikan syarat jatuhnya talak. Sedangkan Allah (swt) berfirman dalam Surah al-Talaq (65): 3, terjemahannya," *dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil.*" Mereka juga berkata," Iman Abu Bakr jika ditimbang adalah lebih berat daripada iman umat ini." Sekiranya iman khalifah Abu Bakr itu lebih berat daripada iman keseluruhan umat ini termasuk iman Umar dan Uthman, kenapa tidak dijadikan kebenaran itu pada lidah Abu Bakr? Di tempat yang lain mereka berkata," Nabi (Saw.) tidak segan silu kepada Abu Bakr dan Umar tetapi beliau malu kepada Uthman."

Persoalannya, kenapa Nabi (Saw.) tidak malu kepada orang yang paling berat imannya di dalam umat ini? Dan kenapa Nabi (Saw.) tidak malu kepada orang yang mempunyai lidah kebenaran? Pendapat-pendapat tersebut telah disandarkan kepada Nabi (Saw.) dan ianya menyalahi nas dan hakikat sebenar, kerana kebenaran adalah berada di lidah Nabi (Saw.) dan al-Qur'an.

g) Meletakkan Islam ke atas Sahabat bukan Rasulullah (Saw.), mereka berkata: Jika Sahabat itu runtuh, maka runtuhlah Islam keseluruhannya lalu mereka jadikannya "akidah" sedangkan Sahabat sendiri bergaduh, caci-mencaci dan berperang sesama mereka.

h) Mengamalkan hukum-hukum Sahabat (*Ahkamu-hum*) dan Sirah-sirah mereka adalah menjadi Sunnah Ahli Sunnah (al-Baghdadi, *al-Farq baina l-Firaq*, hlm. 309), sekalipun ianya bertentangan dengan nas, kerana "bersetuju" dengan Sahabat adalah menjadi lambang kemegahan mereka. Mereka berkata lagi:"Kami tidak dapati hari ini golongan umat ini yang bersetuju atau menyokong semua Sahabat selain daripada Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah (Ibid, hlm.304). Lantaran itu Ahlu l-Sunnah adalah mazhab yang mementingkan "persetujuan" dengan Sahabat sekalipun Sahabat menyalahi nas.

i) Mempertahankan Sahabat sekalipun Sahabat menyalahi al-Qur'an dan Sunnah Nabi Saw. dengan berbagai cara sekalipun. Jika seorang pengkaji ingin mengetahui kedudukan sebenar sahabat itu sebagaimana dicatat di dalam buku-buku muktabar, mereka berkata:" Ini adalah suatu cacian kepada Sahabat sekalipun ianya telah ditulis oleh orang-orang yang terdahulu."

Mereka berkata lagi: "Kajian tersebut adalah merbahaya dan ianya merupakan barah kepada "*akidah*" mereka, jangan dibiarkan ianya menular di dalam masyarakat." Nampaknya mereka sendiri tidak dapat menilai bahan-bahan ilmiah sekalipun mereka berada di institusi-institusi pengajian tinggi. Sebaliknya apabila bahan-bahan ilmiah yang mencatatkan sahabat tertentu yang melakukan perkara-perkara yang

menyalahi al-Qur'an, mereka menganggapnya pula sebagai cerita dongeng atau 1001 malam. Lihatlah bagaimana mereka menjadikan sahabat sebagai akidah mereka wal hal ianya bukanlah dari rukun Islam dan rukun Iman! Akhir sekali mereka menyuruh "pihak berkuasa" supaya mengambil tindakan, kerana khuatir mereka tidak begitu mampu lagi untuk mempertahankan *"akidah*" mereka yang bertentangan dengan al-Qur'an.

Oleh itu pihak berkuasa terus menerima cadangan tersebut, dan diletakkan pengkaji tersebut di kandang orang salah. Sebenarnya mereka tidak mahu tunduk kepada kebenaran al-Qur'an dan keadaan sebenar "umat manusia." Mereka menganggapnya sebagai barah pada hakikatnya itulah penawar. Tetapi ianya tidak dapat diketahui dan dinilai oleh orang yang tidak mempunyai fikiran yang luas dan mendalam. Wahai Tuhanku! Di manakah keadilan di dunia ini!

14. **Ja'fari:** Memihak kepada Sahabat yang benar di dalam semua perkara.

Al-Asy'ari: Berkecuali, tidak memihak kepada mana-mana sahabat sekiranya berlaku pertelingkahan atau peperangan di kalangan mereka (al-Ibanah, hlm. 12; *al-Maqalat*, II, hlm. 324). Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firman Allah (swt) dalam Surah al-Hujurat (49):9, terjemahannya,"*Dan jika ada dua golongan dari orang-orang Mukmin berperang, maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah,"* dan ianya juga bertentangan dengan firmanNya dalam Surah Hud (11): 113, terjemahannya," *Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, maka kamu akan disentuh api neraka.*" Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah menyalahi nas kerana tidak ada pengecualian di dalam menyokong kebenaran.

15. **Ja'fari:** Allah (swt) tidak dapat dilihat di dunia dan di akhirat kerana Dia bukan jism dan setiap yang bukan jism tidak dapat dilihat.

Al-Asy'ari: Allah SWT dapat dilihat di akhirat firmanNya dalam Surah al-Qiyamah (75): 22-23, terjemahannya," *Wajah-wajah pada hari itu berseri-seri kepada Tuhannyalah ia (Wajah-wajah) melihat.*" Al-Asy'ari mengatakan Allah dapat dilihat di akhirat seperti dilihatnya bulan penuh purnama (*al-Ibanah*, hlm. 10; *al-Maqalat*, I, hlm. 321).

Sebenarnya apa yang dipegang oleh al-Asy'ari itu adalah ayat *Mutasyabihah.* Oleh itu ianya hendaklah dirujuk kepada ayat

Muhkamah iaitu firman-Nya dalam Surah al-An'am (6): 103, terjemahannya,"*Dia tidak dapat dicapai penglihatan, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui.*" Dan juga ianya hendakklah dirujuk kepada firman-Nya dalam Surah al-A'raf (7): 143, terjemahannya, "*Dan tatkala Musa datang pada waktu yang telah Kami tentukan dan Tuhan telah berfirman (langsung) kepadanya, berkatalah Musa,"Ya Tuhanku, nampaklah (diri* Engkau) *kepadaku agar aku dapat melihat Engkau.*" Tuhan berfirman, "*Kamu sekali-kali tidak dapat melihatku (Lan tara-ni), tetapi lihatlah ke bukit, maka jika ia tetapi di tempatnya nescaya kamu dapat melihatku." Tatkala Tuhannya nampak bagi bukit itu, maka bukit itu hancur lebur dan Musa pun jatuh pengsan."*

Ayat tersebut menunjukkan:
a) Allah tidak dapat dilihat kerana Tuhan berfirman,"*Sekal-kali* (*Lan tara-ni*) *kamu tidak akan melihatKu.*"
b) Allah mengaitkan "penglihatan" kepada perkara yang mustahil iaitu sekiranya bukit itu tetap. Tetapi terbukti ianya hancur lebur.
c) Permintaan Musa untuk melihat Tuhan adalah di atas desakan kaumnya, sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Nisa' (4): 153,"*Ahli Kitab meminta kepadamu agar menurunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit. Maka sesungguhnya mereka telah meminta kepada Musa yang lebih besar dari itu. Mereka berkata: perlihatkanlah Allah kepada kami dengan nyata."* Maka mereka disambar petir kerana kezaliman. Lantaran itu Allah tidak dapat dilihat di dunia dan di akhirat.

16. **Ja'fari:** Amalan baik (ta'at) seorang mukmin berhak diberi pahala jikalau tidak, ianya menjadi sia-sia dan kezaliman dikaitkan kepada Allah (swt) .

Al-Asy'ari: Amalan baik yang dilakukan oleh seorang mukmin belum tentu mendapat pahala daripada Allah (swt) .

Sebaliknya ia boleh dimasukkan ke neraka tanpa mengira kebaikannya. Dan Tuhan pula tidak boleh dikatakan zalim jika Dia berbuat demikian (al-*Maqalat*, I, hlm. 322; *al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 101). Ini bererti orang yang paling tinggi takwanya seperti Nabi (Saw.) belum pasti ianya ke syurga atau orang yang paling jahat seperti Fir'aun belum tentu dia dimasukkan ke neraka. Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firmanNya dalam Surah al-Qasas (28): 84, terjemahanya,*"Barang siapa yang datang dengan (membawa) kebaikan, maka baginya (pahala) yang lebih baik daripada kebaikannya."* Dan firmanNya dalam Surah al-An'am (6): 160,

terjemahannya,"*Barang siapa membawa amal yang baik baginya (pahala) sepuluh kali ganda, dan barang siapa yang membawa perbuatan yang jahat maka Dia tidak memberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya."*

Oleh itu pendapat al-Asy'ari tidak memberangsangkan seseorang mukmin supaya melakukan amalan yang lebih baik kerana belum pasti, dia akan mendapat pahala. Sebaliknya ia merangsangkan orang fasiq untuk meningkatkan kefasikannya kerana belum pasti, dia akan dimasukkan ke neraka.

17. **Ja'fari:** Perbuatan manusia bukan al-Jabr (terpaksa menurut apa yang telah "ditetapkan" oleh Allah (swt) dan bukan *al-Tafwid* (diberi kebebasan mutlak) tetapi ianya di antara kedua-duanya.

Al-Asy'ari: Perbuatan manusia dijadikan oleh Allah (swt) (*makhluqah*) (*al-Ibanah*, hlm. 9; *al-Maqalat*, I, hlm. 321)

Al-Asy'ari berpegang kepada Surah al-Saffat (37): 96, terjemahannya, "*Dan Allah telah menjadikan kamu dan apa yang kamu buat.*" Sebenarnya ayat tersebut adalah menunjukkan keingkaran Allah (swt) terhadap perbuatan penyembah-penyembah berhala kerana mereka mengukir berhala-berhala mereka dari batu dan kayu kemudian menyembahnya pula. Sedangkan kayu-kayu dan batu-batu tersebut adalah kejadian Allah (swt) .

Dan jikalaulah ianya sebagaimana yang dikatakan oleh al-Asy'ari ini bererti Tuhan tidak akan menyiksa hamba-hamba-Nya kerana perbuatanNya. Jika tidak, Dia tidak menepati janji-Nya dan Dia dikatakan zalim. Justeru itu ianya bertentangan dengan firman-Nya dalam Surah Taha (20): 15, terjemahannya,"*Tiap-tiap diri itu dibalas dengan apa yang ia usahakan.*"Dan firmanNya dalam Surah al-An'am (6): 160, terjemahannya,"*Barang siapa membawa amal yang baik, maka baginya (pahala) sepuluh kali ganda amalannya dan barang siapa yang membawa amal yang jahat, maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya. Sedangkan mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan)."* Oleh itu jika seorang itu dipaksa (majbur) di dalam perbuatannya, nescaya ia mempunyai hujah yang kuat di hadapan Allah (swt) apabila Dia mahu menyiksanya di atas perbuatan maksiatnya yang telah dikehendaki oleh Allah SWT, kerana dia tidak diberi pilihan untuk tidak melakukannya.

Kerumitan yang dihadapi oleh al-Asy'ari mengenai "perbuatan manusia adalah perbuatan Allah (swt)" agak ketara dan beliau cuba

mencipta teori al-kasb atau al-iktisab (usaha), tetapi ia bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah, malah ianya bertentangan dengan formulanya sendiri; kekafiran dan kejahatan dikehendaki Allah. Beliau memberi definisi *al-iktisab* sebagai perbuatan yang dilakukan oleh seseorang dengan kuasa baru (*qudrah muhdathah*) selepas Allah SWT menjadikan perbuatan tersebut (al-Maqalat, hlm. 199; al-Asy'ari, *al-Luma'*, Cairo, 1955, hlm. 97). Atau Allah menjadikan perbuatan dan seseorang itu (*al-Abd*) berusaha *(muktasib*) untuknya." *(al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 96).

Persoalannya bagaimana seorang itu dapat melakukan *al-kasb* atau al-iktisab (usaha) menurut pilihannya sedangkan usahanya *(al-kasb*) itu sendiri adalah penerusan daripada perbuatan Allah (swt) yang telah menetapkan kekafiran, kefasikan dan kejahatan hamba-hambaNya? Oleh itu, teori al-kasb atau al-iktisab yang diciptakan oleh al-Asy'ari kemudian diikuti pula oleh al-Asya'irah (al-Baghdadi, *al-Farq baina al-Firaq*, hlm. 328), nampaknya tidak dapat melepaskan mereka daripada fahaman Jabariyyah (al-Allamah, Ja'far Subhani, *Ma'alim al-Tauhid*, Tehran, 1980, hlm. 308) kerana mereka percaya bahawa tidak ada mu'aththir (pelaku) yang sebenar selain daripada Allah SWT.

Justeru itu perbuatan manusia bukanlah al-Jabr (terpaksa menurut apa yang telah ditetapkan Allah (swt) , dan bukan juga *al-Tafwid* (diberikan kebebasan mutlak), tetapi ianya di antara kedua-duanya. Lantaran itu Imam Ridha AS berkata:"Sesiapa yang menyangka bahawa Allah membuat perbuatan kita, kemudian Dia menyiksa kita kerana perbuatanNya, maka dia telah berkata (Fahaman) Jabariyyah dan sesiapa yang berkata bahawa Allah telah menyerahkan perbuatan dan rezeki kepada manusia, maka dia berkata dengan (Fahaman) *al-Tafwid* (Mu'tazilah) (*Akhbar 'Uyun al-Ridha*, Tehran, 1980, hlm. 325). Oleh itu manusia mestilah melakukan amalan yang baik untuk mendapat ganjaran sebagaimana dijanjikan oleh-Nya. Sebaliknya manusia mestilah mejauhkan amalan maksiat kerana dengannya ia disiksa. Imam Musa al-Kazim AS berkata:"Maksiat sama ada datang daripada Allah, justeru itu hamba tiada kaitan dengannya, dan Dia tidak akan menyiksa hambaNya. Atau ianya daripada hambaNya. Atau ianya bersyarikat dengan Allah (swt) . Oleh itu sekutu yang lebih kuat (Allah (swt)) tidak akan menyiksa sekutu yang lebih lemah (manusia) dengan dosa yang mereka berdua lakukan bersama (Yusuf al-Najafi, *al-Aqa'id al-Imamiah*, Najaf, 1982, hlm. 64).

BAHAGIAN KETIGA

Di sini diperturunkan sebahagian daripada ayat-ayat al-Qur'an yang bertentangan dengan akidah-akidah al-Asy'ari dan al-Asya'irah atau akidah-akidah Ahlu s-Sunnah Wa l-Jama'ah secara langsung seperti berikut:

Pertama: Ayat-ayat yang menunjukkan celaan kepada hamba-hamba-Nya kerana kekafiran dan kemaksiatan

1. Firman-Nya dalam Surah al-Baqarah (2): 20, terjemahannya, *"Mengapa kamu (jadi) kafir (kepadaKu?) "*Keingkaran dan celaan kepada orang yang lemah atau tidak mampu beriman kepada-Nya adalah mustahil.

2. Firman-Nya dalam Surah al-Kahf (18); 55, terjemahannya,"*Dan tidak ada sesuatupun yang menghalangi manusia dari beriman, ketika penunjuk telah datang kepada mereka."* Bagaimana Dia mencela orang kafir jika mereka tidak mampu beriman.

3. Firman-Nya dalam Surah al-Nisa' (4): 39, terjemahannya,*"Apakah kemudharatannya bagi mereka kalau mereka beriman kepada Allah.*"

4. Firman-Nya dalam Surah Sad (38): 75, terjemahannya,"*Apakah yang menghalang kamu sujud."*

5. Firman-Nya dalam Surah Taha (20): 92, terjemahannya,"*Apa yang menghalang kamu ketika kamu melihat mereka telah sesat."*

6. Firman-Nya dalam Surah al-Muddathir (74): 49, terjemahannya, *"Maka mengapa mereka (orang-orang kafir) berpaling dari peringatan (Allah)?"*

7. Firman-Nya dalam Surah al-Insyiqaq (84): 20, terjemahannya, "Mengapa mereka tidak mahu beriman." Firman-Nya dalam Surah al-Taubah (9): 43, terjemahannya,"*Semoga Allah memaafkan kamu. Mengapa kamu memberi izin kepada mereka (untuk tidak pergi berperang)."*

8. Firman-Nya dalam Surah al-Tahrim (66); 1, terjemahannya, "*Mengapa kamu mengharamkan apa yang Allah menghalalkannya bagimu."* Bagaimana harus Dia berkata: Mengapa kamu lakukan? Sedangkan dia tidak melakukannya.

9. Firman-Nya dalam Surah Ali Imran (3): 71, terjemahannya, "*Mengapa kamu mencampuradukan yang haq dengan yang batil."*

10. Firman-Nya dalam Surah Ali Imran (3): 99, terjemahannya, *"Mengapa kamu menghalang-halangi dari jalan Allah...?"*

Lantaran itu tidak hairanlah jika al-Sahib bin 'Abbad (w. 995M), Perdana Menteri di bawah Muayyid al-Daulah berkata: Bagaimana Dia menyuruh seorang supaya beriman tetapi Dia tidak menghendakinya? Dia melarang kemungkaran dan Dia menghendakinya? Dia menyiksa orang yang melakukan kebatilan sedangkan Dia telah menetapkannya? Bagaimana Dia memalingkannya daripada keimanan? Sedangkan Dia berfirman dalam Surah Yunus (10): 32, terjemahannya, "*Maka bagaimanakah kamu dipalingkan (dari kebenaran)?* Dia menjadikan pada mereka kekafiran kemudian Dia berfirman dalam Surah al-Baqarah (2): 28, terjemahannya,"*Mengapa kamu (jadi) kafir (kepadaku?)."* Dia mencampuradukkan kebatilan pada mereka, kemudian Dia berfirman dalam Surah Ali Imran (3): 71, terjemahannya,"*Mengapa kamu mencampuradukkan yang haq dengan yang batil?"*

Dia telah menghalangi mereka dari jalan benar, kemudian Dia berfirman dalam Surah Ali Imran (3): 99, terjemahannya,"*Mengapa kamu menghalang-halangi dari jalan Allah?"*

Dia telah mendindingkan mereka daripada keimanan kemudian Dia berfirman dalam Surah al-Nisa'(4): 39, terjemahannya,"*Apakah kemudharatannya bagi mereka, kalau mereka beriman kepada Allah?"*

Dia menghilangkan kewarasan mereka, kemudian berfirman dalam Surah al-Takwir (81): 26, terjemahannya,"*Maka kemanakah kamu akan pergi*?"

Dia menyesatkan mereka daripada ugama sehingga mereka berpaling kemudian Dia berfirman dalam Surah al-Muddathir (74): 49, terjemahannya,"*Maka mengapa mereka (orang-orang kafir) berpaling dari peringatan (Allah)?"*

Kedua: Ayat-ayat yang menunjukkan pilihan hamba-hamba pada perbuatan-perbuatan mereka dengan kehendak mereka sendiri

1. Firman-Nya dalam Surah al-Kahf (18): 29, terjemahannya, "*Maka barangsiapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman dan barangsiapa yang ingin (kafir) biarlah ia kafir."*

2. Firman-Nya dalam Surah al-Fussilat (41): 40, terjemahannya,

"*Perbuatan apa yang kamu kehendaki."*

3. Firman-Nya dalam al-Taubah (9): 105, terjemahannya*, "Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu."*

4. Firman-Nya dalam al-Muddathir (74): 37, terjemahannya,"*Bagi siapa yang di antaramu yang berkehendak akan maju atau mundur."*

5. Firman-Nya dalam Abasa (80): 12, terjemahannya, "*Maka barangsiapa yang menghendaki, tentulah ia memperhatikannya."*

6. Firman-Nya dalam al-Muzzammil (73): 19, terjemahannya, "*Maka barangsiapa yang menghendaki nescaya ia menempuh jalan (yang menyampaikannya) kepada Tuhannya."*

7. Firman-Nya dalam Surah al-Naba' (78): 39, terjemahannya, "*Maka barangsiapa yang menghendaki, nescaya ia menempuh jalan kembali kepada Tuhannya.*"

Dan sesungguhnya Allah SWT mengingkari orang yang menafikan kemahuan (*al-masyi'ah*) daripada diri mereka dan mengaitkannya kepada Allah Ta'ala:

8. Firman-Nya dalam Surah al-An'am (6): 148, terjemahannya,"*Orang-orang yang mempersekutukan Tuhan, akan mengatakan: Jika Allah menghendaki, nescaya kami tidak mempersekutukannya."*

9. Firman-Nya dalam dalam Surah al-Zukhruf (43): 20, terjemahannya, "*Dan mereka berkata: Jika Allah Yang Maha Pemurah menghendaki tentulah kami tidak menyalah mereka (mala'ikat)."*

Ketiga: Ayat-ayat yang menyuruh hamba-hamba yang melakukan amalan-amalan dan bersegera melakukannya

1. FirmanNya dalam dalam Surah Ali Imran (3): 133, terjemahannya, "*Dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu."*

2. Firman-Nya dalam Surah al-Ahqaf (48): 31, terjemahannya, "*Sahutilah dan berimanlah kepadaNya."*

3. Firman-Nya dalam Surah al-Anfal (8): 24, terjemahannya, "*Sahutilah seruan Allah dan Rasul."*

4. Firman-Nya dalam Surah al-Hajj (22): 77, terjemahannya, "*Hai*

orang-orang yang beriman, rukuklah dan sujudlah kamu."

5. Firman-Nya dalam Surah al-Baqarah (2): 21, terjemahannya, "*Sembahlah Tuhanmu."*

6. Firman-Nya dalam Surah al-Isra' (17): 107, terjemahannya, "*Berimanlah kamu kepada-Nya."*

7. Firman-Nya dalam al-Zumar (39): 55, terjemahannya, "*Dan ikutilah sebaik-baik apa yang telah diturunkan kepadamu."*

8. Firman-Nya dalam Surah al-Zumar (39): 54, terjemahannya,"*Dan kembalilah kamu kepada Tuhanmu."*

Bagaimana Dia menyuruh melakukan ketaatan dan bersegera kepadanya sedangkan orang yang disuruh itu ditegah, tidak mampu untuk melakukannya?

Keempat: Ayat-ayat yang memberangsangkan supaya memohon pertolongan denganNya

1. Firman-Nya dalam Surah al-Fatihah (1): 5, terjemahannya,"*Hanya Engkaulah yang kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan."*

2. Firman-Nya dalam Surah al-Nahl (16): 98, terjemahannya,"*Mintalah kamu perlindungan kepada Allah dari Syaitan yang terkutuk."*

3. Firman-Nya dalam Surah al-A'raf (7): 128, terjemahannya,"*Mohonlah pertolongan kepada Allah."*

Sekiranya Dia telah menjadikan kekufuran dan kemaksiatan sebagaimana didakwa oleh al-Asya'irah atau Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah, bagaimana pertolongan dan perlindungan diminta daripadaNya?

Kelima: Ayat-ayat yang menunjukkan sandaran perbuatan kepada hamba

1. Firman-Nya dalam Surah Maryam (19): 37, terjemahannya*,"Maka kecelakaanlah bagi orang-orang kafir."*

2. Firman-Nya dalam Surah al-Baqarah (2): 79, terjemahannya,"*Maka kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis al-Kitab dengan tangan mereka."*

3. Firman-Nya dalam Surah al-An'am (6): 148, terjemahannya,"*Kami tidak mengikuti kecuali persangkaan belaka."*

4. Firman-Nya dalam Surah al-Anfal (8): 53, terjemahannya,"*Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya Allah sekali-kali tidak akan merubah sesuatu nikmat yang telah dianugerahkannya kepada sesuatu kaum, hingga kaum itu merubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."*

5. Firman-Nya dalam Surah Yusuf (12): 18, terjemahannya, "*Sebenarnya diri kamulah yang memandang baik perbuatan (buruk) itu, maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku)."*

6. Firman-Nya dalam Surah al-Ma'idah (5): 30, terjemahannya,"*Maka hawa nafsu Qabil menjadikannya menganggap mudah membunuh saudaranya, sebab itu dibunuhnyalah."*

7. Firman-Nya dalam Surah al-Tur (52): 21, terjemahannya,"*Tiap-tiap manusia terikat dengan apa yang dikerjakannya."*

8. Firman-Nya dalam Surah al-Nisa' (4): 123, terjemahannya, "*Barangsiapa yang mengerjakan kejahatan, nescaya akan diberi pembalasan kejahatan itu."*

9. Firman-Nya dalam Surah Ibrahim (14): 22, terjemahannya,"*Sekali-kali tidak ada kekuasaan bagiku terhadapmu, melainkan (sekadar) aku menyeru kamu lalu kamu mematuhi seruanku."*

10. Firman-Nya dalam Surah al-Kahf (18): 7, terjemahannya, "*Agar Kami menguji mereka siapakah di antara mereka yang terbaik perbuatannya."*

11. Firman-Nya dalam Surah al-Jathiah (45); 21, terjemahannya, "*Apakah orang-orang yang membuat kejahatan itu menyangka bahawa kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal* yang saleh?"

12. Firman-Nya dalam Surah al-Sad (38): 28, terjemahannya,"*Patutkah kami menganggap orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang saleh sama dengan orang-orang yang berbuat kerosakan di muka bumi? Patutkah (pula) kami menganggap orang-orang yang bertaqwa sama dengan orang-orang yang berbuat baik?"*

13. Firman-Nya dalam Surah al-Najm (53): 31, terjemahannya,"*Dia memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat jahat terhadap apa yang mereka telah kerjakan dan memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik dengan pahala yang lebih baik (syurga)."*

14. Firman-Nya dalam Surah Fussilat (41): 46, terjemahannya, *"Barangsiapa mengerjakan amal saleh, maka (pahalanya) untuk dirinya sendiri dan barangsiapa yang berbuat jahat maka (dosanya) atas dirinya sendiri."*

15. Firman-Nya dalam Surah Taha (20): 82, terjemahannya,"*Dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat beriman, beramal saleh kemudian tetap dijalan yang benar."*

Bagaimana Dia menyuruh dan melarang tanpa orang melakukannya? Jikalaulah begitu keadaannya, maka ianya sepertilah menyuruh dan melarang *al-Jamad* (benda yang tidak bergerak)! Nabi Saw. bersabda:"Niat seorang mukmin adalah lebih baik daripada amalannya (al-Muttaqi al-Hindi, *Kunz al-Ummal*, III, hlm. 242).

Keenam: Ayat-ayat yang menunjukkan pengakuan para nabi ke atas amalan-amalan mereka:

1. Firman-Nya (Surah *al-A'raf 7:23)* terjemahannya:' Ya *Tuhan kami,kami telah men ganaya dir kami sendiri'*
2. Firman-Nya (Surah*al-Anbiya'*21:87) terjemahannya: 'Maha *Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah termasuk orang- orang zalim'.*
3. Firman-Nya (Surah *al-Qasas* 28:16) terjemahannya:
sesungguhnya aku telah menganiaya diriku sendiri'

4. Firman-Nya (Surah *Yusuf* 12:18) terjemahannya: 'Sebenarnya *dirimu sendirilah yang memandang baik perbuatan (yang buruk) itu"*
5. Firman-Nya (Surah *Yusuf* 12:100) terjemahannya:'Setelah *syaitan merosakkan (hubungan) antaraku dan saudara-saudaraku'.*
6. Firman-Nya (Surah *Hud* 11:47) terjemahannya: *'Nuh berkata: 'Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dan memohon kepada Engkau seperti yang aku tiada mengetahui (hakikat)nya'.*

Ayat-ayat di atas menunjukkan pengakuan para nabi A.S.di atas perbuatan-perbuatan mereka dan merekalah yang melakukannya,

tidak Sebagaimana pendapat al-Asya’irah atau AhIu s-Sunnah Wa I-Jama’ah yang menyatakan Allah telah menjadi perbuatan-perbuatan mereka sehingga mereka tidak mempunyai pilihan. Pengakuan kesalahan tersebut adalah dari bab *“Hasanat al-A brar Sayyi ‘at al-Mu qarrabin*

Ketujuh: Ayat-ayat yang menunjukkan pengakuan orang-orang kafir dan penderhaka di atas perbuatan mereka

1. Firman-Nya dalam Surah Saba' (34): 31-32, terjemahannya,*"kalau kamu lihat ketika orang-orang yang zalim itu dihadapkan kepada Tuhan mereka...."Kamikah yang telah menghalangi kamu dari petunjuk sesudah petunjuk itu datang kepadamu? Sebenarnya kamu sendirilah orang-orang yang berdosa.*"

2. Firman-Nya dalam Surah al-Muddathir (74): 43- 46, terjemahannya, "*Apakah yang memasukkan kamu ke dalam neraka Saqar?" Mereka menjawab:"Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan sembahyang."*

3. Firman-Nya dalam Surah al-Mulk (67): 8-9, terjemahannya, "*Setiap kali dilemparkan ke dalamnya sekumpulan (orang-orang kafir), penjaga-penjaga (neraka itu) bertanya kepada mereka :"Apakah belum pernah datang kepada kamu (di dunia) seorang pemberi peringatan?" Mereka menjawab:"benar ada", sesungguhnya telah datang kepada kami seorang pemberi peringatan, maka kamu mendustakannya.*"

4. Firman-Nya dalam Surah al-A'raf (7): 37, terjemahannya, "*Maka siapakah yang lebih zalim daripada orang yang membuat-buat dusta terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayatNya? Orang-orang itu akan memperolehi bahagian mereka di dalam al-kitab.*"

5. Firman-Nya dalam Surah al-A'raf (7): 39, terjemahannya,"*Maka rasakanlah* siksaan kerana perbuatan yang telah kamu lakukan."

Kelapan: Penyesalan orang-orang kafir di akhirat di atas kekufuran mereka dan menuntut supaya dikembalikan di dunia

1. Firman-Nya dalam Surah Fatir (35): 37, terjemahannya,"*Dan mereka berteriak di dalam neraka itu:"Ya Tuhan kami, keluarkanlah kami nescaya kami akan mengerjakan amal yang saleh berlainan dengan apa yang telah kami kerjakan."*

2. Firman-Nya dalam Surah al-Mukminun (23): 99, terjemahannya,"*Ya*

Tuhanku kembalikanlah aku (ke dunia) agar aku berbuat amal yang saleh terhadap yang aku tinggalkan."

3. Firman-Nya dalam Surah al-Sajdah (32): 12, terjemahannya,"*Dan jika sekiranya kamu melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhannya, (mereka berkata):"Ya Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar, maka kembalikanlah kami (ke dunia), kami akan mengerjakan amal saleh, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang yakin."*

4. Firman-Nya dalam Surah al-Zumar (39): 58, terjemahannya,"*Atau supaya jangan ada yang berkata ketika ia melihat azab kalau sekiranya aku dapat kembali (ke dunia) nescaya aku akan termasuk orang-orang yang berbuat baik."*

Kesembilan: Ayat-ayat yang menunjukkan perbuatan Allah SWT tidak menyerupai perbuatan makhluk, tidak seimbang tanpa perselisihan dan kezaliman

1. Firman-Nya dalam Surah al-Mulk (67): 3, terjemahannya,"*Kami sekali-kali tidak melihat pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang."*

2. Firman-Nya dalam Surah al-Sajdah (32): 7, terjemahannya,"*Yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya."* Oleh itu kekufuran dan kezaliman bukanlah suatu yang baik.

3. Firman-Nya dalam Surah al-Hijr (15): 85, terjemahannya,*"Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan apa-apa yang ada di antara kedua-duanya, melainkan dengan benar.*" Oleh itu kekufuran bukanlah suatu kebenaran."

4. Firman-Nya dalam Surah al-Nisa' (4);40, terjemahannya, "*Sesungguhnya Allah tidak menganiaya seseorang walaupun sebesar zarrah."*

5. Firman-Nya dalam Surah Fussilat (4): 46, terjemahannya,"*Dan sekali-kali tidaklah Tuhanmu menganiaya hamba-hamba (Nya)."*

6. Firman-Nya dalam Surah Hud (11): 101, terjemahannya,"*Dan Kami tidak menganiaya mereka."*

7. Firman-Nya dalam Surah al-Isra' (17): 7, terjemahannya,"*Dan mereka tidak dianiaya sedikitpun."*

Kesepuluh: Ayat-ayat yang memuji Mukmin kerana imannya dan mencela Kafir kerana kekafirannya

1. Firman-Nya dalam Surah al-Tur (52): 16, terjemahannya,"*Kamu diberi balasan terhadap apa yang telah kamu kerjakan.*"

2. Firman-Nya dalam Surah al-Mu'min (40): 17, terjemahannya,"*Pada hari ini tiap-tiap jiwa diberi balasan dengan apa yang diusahakannya."*

3. Firman-Nya dalam Surah al-Najm (53): 37, terjemahannya,"*dan lembaran-lembaran Ibrahim yang selalu menyempurnakan janji."*

4. Firman-Nya dalam Surah al-Najm (53): 38, terjemahannya,"*Bahawa seorang yang berdosa itu tidak akan memikul dosa orang lain."*

5. Firman-Nya dalam Surah Taha (20): 15, terjemahannya,"*tiap-tiap diri itu dibalas dengan apa yang ia usahakan."*

6. Firman-Nya dalam Surah al-Rahman (27): 60, terjemahannya,"*Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (pula)."*

7. Firman-Nya dalam Surah al-Naml (27): 90, terjemahannya,"*Tiada lah kamu dibalasi, melainkan (setimpal) dengan apa yang dahulu kamu kerjakan."*

8. Firman-Nya dalam Surah al-An'am (6): 160, terjemahannya, "*Barangsiapa yang membawa amal baik maka baginya (pahala) sepuluh kali ganda."*

9. Firman-Nya dalam Surah Taha (20): 124, terjemahannya,"*Dan barangsiapa yang berpaling dari peringatanku."*

10. Firman-Nya dalam Surah al-Baqarah (2): 86, terjemahannya,"*Itulah orang-orang yang membeli kehidupan dunia."*

11. Firman-Nya dalam Surah Ali Imran (3):86, terjemahannya, *"Sesungguhnya orang-orang kafir sesudah beriman."*

Demikianlah dikemukankan ayat-ayat al-Qur'an yang bertentangan dengan akidah al-Asya'irah atau akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah. Kesemua ayat-ayat di atas "*adalah yang tidak datang kepadanya kebatilan baik depan mahupun dari belakangnya, yang diturunkan dari Tuhan yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji* [Surah al-Fussilat (41): 42]

Justeru apakah keuzuran untuk tidak berpandukan kepada fahaman yang selaras dengan akidah al-Qur'an? Kenapa mereka meninggalkan ayat-ayat tersebut wal hal ianya jelas dan nyata? Atau hanya bertaqlid kepada orang-orang yang terdahulu tanpa kajian dan renungan?

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf (7): 28, terjemahannya, "*Dan apabila mereka melakukan perbuatan keji, mereka berkata:"Kami mendapati nenek moyang kami mengerjakan yang demikian itu, dan Allah menyuruh kami mengerjakannya, katakanlah: Sesungguhnya Allah tidak menyuruh (mengerjakan) perbuatan yang keji.*" *Mengapa kamu mengada-adakan terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui.*"

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am (6): 70, terjemahannya, "*Dan tinggalkanlah orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai main-main dan senda gurau, dan mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia.*"

Firman-Nya dalam Surah al-Zumar (39): 56, terjemahannya, "*Supaya jangan ada orang yang mengatakan:"Amat besar penyesalanku atau kesalahanku terhadap Allah sedang aku sesungguhnya termasuk orang-orang yang memperolok-olokkan (agama Allah)."*

Dan firman-Nya dalam Surah al-An'am (6): 91, terjemahannya, "*Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang semestinya."*

Kesimpulan

Ajaran Ahlu s-Sunnah wa l-Jama’ah yang bertentangan dengan al-Qur’an dan ketaatan mereka kepada sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu‘awiyah melebihi (*yaghlun*) hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya menjadikannya satu ajaran yang menyeleweng dan sesat menurut definisi al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah (Saw.).

Walaubagaimana pun penguasa Ahlus Sunnah wa l-Jama‘ah mempunyai definisi mereka sendiri di dalam sesuatu perkara sekalipun menyalahi al-Qur’an dan Sunnah Rasul-Nya. Dan sebaliknya mereka mengatakan orang yang menolak sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman, dan Mu‘awiyah dikira sesat dan menyeleweng, sekalipun sunnah mereka menyalahi al-Qur’an dan Sunnah Rasul-Nya. Justeru itu, mereka adalah pelampau agama (*al-Ghulat fi d-Din*). Penggunaan istilah seperti *Maslahah, Maqasidu sy-Syari‘ah, Istihsan, Ijtihad*, *Ijmak, Qiyas* dan sebagainya bukanlah bagi melaksanakan hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya, malah bagi

menangguh atau memansukh atau menukar atau menyalahi hukum-Nya dan Sunnah Rasul-Nya. Firman-Nya "*Fir‘aun telah menyesatkan kaumnya dan tidak menunjukinya*" (Taha (20): 79).

Banyak lagi penyelewengan ajaran Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah dari segi akidah, Syari‘at Allah yang belum dikemukakan. Justeru itu, jika mereka yang mengikut 100% hukum al-Qur'an dan Sunnah Rasulullh (Saw.) itu dikira sesat atau menyeleweng dan perlu dipulih atau dimurnikan akidah mereka oleh Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah, maka Ahlu s-Sunnah wa l-Jama‘ah yang mengikut sunnah Abu Bakr, Umar, Uthman dan Mu‘awiyah yang bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah Rasul-Nya adalah lebih sesat dan menyeleweng serta lebih perlu dipulih atau dimurnikan akidah mereka oleh Syi‘ah Imam Dua Belas atau Syi‘ah Ja‘fariyyah atau mazhab Ahlu l-Bait (a.s).

LAMPIRAN A

KATA –KATA HIKMAT

Cinta dan Kebencian tidak bersatu

1. Allah swt berfirman " *Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya*" (al-Ahzab33:4)

Amir al-Mukminin Ali bin Abi Talib as berkata: Tidak akan berhimpun cinta kami (*hubbu-na*) dan cinta musuh kami(*hubbu ‘aduwwi-na*) di dalam rongga seseorang. Sesungguhnya Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya"

Justeru itu cinta dan kebencian tidak akan bertemu. Adapun pencinta kami (*muhibbu-na*), maka cintanya bersih sepertilah emas yang dibersihkan dengan api, tanpa sebarang kekotoran padanya. Lantaran itu

sesiapa yang ingin mengetahui cinta kami, maka hendaklah dia memeriksa hatinya. Jika cintanya kepada kami dikongsi bersama oleh cintanya kepada musuh kami, maka dia bukanlah dari kami, dan kami bukanlah daripadanya. Allah adalah musuh mereka, Jibrail , Mika'il dan Allah adalah musuh bagi mereka yang ingkar"
(Bihar al-Anwar, 27, hlm. 51, hadis no.1)

Definisi Nasibi

2. Daripada Abi Abdillah as berkata*: Nasibi* bukanlah orang yang menentang kami Ahlu l- Bait, kerana anda tidak dapati seorang lelaki yang berkata:Aku membenci Muhammad dan keluarga Muhammad (ali Muhammad), tetapi *nasibi* adalah orang yang menentang kalian di dalam keadaan dia mengetahui sesungguhnya kalian mewalikan kami *(tatawallu-na*) dan sesungguhnya kalian adalah daripada Syi'ah kami"
(*Bihar al-Anwar* 27, hlm.232-233, hadis no.42)

Melaknati Nasibi mendapat pahala

3. Imam Ja'far al-Sadiq as di dalam satu riwayat…seorang lelaki berkata kepadanya: Wahai anak lelaki Rasulullah! Sesungguhnya badanku lemah untuk membantu kalian. Aku tidak memiliki sesuatu selain dari membersihkan diriku dari musuh-musuh kalian dan melaknati mereka, maka bagaimana keadaanku?
Imam Ja'far al-Sadiq as berkata: Bapaku telah meriwayatkan kepadaku (*haddathani*) daripada bapanya daripada datuknya daripada Rasulullah saw bahawa beliau bersabda: Siapa yang tidak mampu membantu kami Ahlu l-Bait, tetapi dia melaknati musuh-musuh kami, maka Allah menyampaikan suaranya kepada seluruh para Malaikat dari bintang ke 'Arasy.

Setiap kali lelaki ini melaknati musuh-musuh kami dengan satu laknat, mereka akan menolongnya, dan melaknati orang yang dilaknati lelaki itu serta memujinya pula. Mereka berkata: Wahai Tuhanku! Berkatilah ke atas hamba Enkau ini yang telah melakukan sesuatu kadar kemampuannya. Sekiranya dia mampu, nescaya dia akan melakukan lebih daripada itu. Sesungguhnya suara daripada pihak Allah Swt menjawab: Sesungguhnya aku telah menyahuti doa kalian dan aku telah mendengar seruan kalian. Aku telah memberkati rohnya di kalangan arwah. Dan aku menjadikannya di sisiku di kalangan mereka yang terpilih."
*(Bihar al-Anwar,*27, hlm.222-223, hadis no.11)

Ibadah Nasibi

4. Imam Ja'far al-Sadiq as berkata: Barangsiapa yang menentang kalian, sekalipun dia kuat beribadat, maka dia tidak dapat terlepas daripada ayat " *Muka-muka pada hari itu tunduk terhina, bekerja keras lagi kepayahan ('aamilatun nasibah), memasuki api neraka yang amat panas*" (al-Ghasyiah (88): 2-4)
(*Bihar al-Anwar*, 8, hlm. 356)

LAMPIRAN B

SALASILAH UMAR BIN Al-KHATTAB

Nama penuhnya adalah Umar bin al-Khattab bin Nufail bin Abdu l 'Uzza bin Abdullah bin Abdullah bin al-Qart bin Zarah bin 'Adiy bin Ka'b al-Qurasyiy.
Nama ibunya adalah Hantamah binti Hisyam bin al-Mughirah bin Abdullah bin Umar bin al-Makhzum.

"Sebahagian para sahabat kami telah menceritakan daripada Muhammad bin Syahrasyub dan lain-lainnya bahawa sesungguhnya Sahhak adalah seorang hamba perempuan Habsyiyyah kepada Abdu l-Muttalib. Dia adalah penternak untanya.Pada suatu hari Nufail telah melakukan hubungan seks (berzina) dengan Sahhak. Kemudian melahirkan al-Khattab. Apabila al-Khattab mencapai usia baligh, dia telah jatuh cinta kepada

Sahhak (ibu kandungnya). Lalu dia mengadakan hubungan seks dengan Sahhak. Akibatnya, dia telah melahirkan seorang anak perempuan.Lantaran itu, dia telah membalutnya di dalam kain buruk dengan sekuat-kuatnya, dan membuangkannya di jalan, kerana takutkan tuannya. Kemudian Hisyam bin al-Mughirah melihat bungkusan tersebut, lalu mengambilnya, memeliharanya dan menamakanya Hantamah.

Manakala Hantamah telah mencapai usia baligh, al-Khattab telah melihatnya, lalu dia jatuh cinta kepadanaya. Kemudian dia meminangnya daripada Hisyam, lalu berkahwin dengannya.Kemudian dia (Hantamah) telah melahirkan Umar bin al-Khattab.Justeru itu.al-Khattab adalah bapa (*aban*), datuk (*jaddan*), dan bapa saudara sebelah ibu (*khaalan*) kepada Umar. Begitu juga dengan Hantamah merupakan ibunya (*Umman*), saudara perempuannya (*ukhtan*), dan ibu saudara sebelah bapanya (*‘ammatan*)” (al-Allamah al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jilid 31, hal. 99, Beirut, Lubnan,1995)

Diriwayatkan daripada Imam Ja‘far al-Sadiq as, beliau berkata:Sahhak adalah hamba perempuan kepada Abdu l-Muttalib. Dia adalah seorang yang cantik, penternak unta kepada Abdul Muttalib, berasal dari Habsyah. Dia telah cenderung untuk berkahwin. Maka Nufail melihatnya di tempat ternakan unta, telah jatuh cinta kepadanya, lalu melakukan hubungan seks (zina) dengannya. Kemudian dia melahirkan al-Khattab. Apabila al-Khattab mencapai usia baligh, dia melihat kepada ibunya Sahhak, lalu dia terposona dengan kecantikannya, kemudian melakukan hubungan seks dengannya. Akhirnya dia telah melahirkan Hantamah, ibu Umar.

Apabila Sahhak melahirkanya, dia membalutnya di dalam kain bulu dan membuangnya di jalan Makkah. Kemudian Hisyam bin al-Mughirah mengambilnya dan membawanya ke rumah. Maka dia telah memeliharanya, dan menamakannya Hantamah.

Adalah menjadi kebiasaan Arab apabila mengambil anak yatim, mereka memeliharanya sebagai anak sendiri. Apabila Hantamah mencapai usia baligh, al-Khattab melihatnya, lalu jatuh cinta kepadanya. Dan dia meminangnya dari Hisyam. Kemudian mereka berdua berkahwin dan melahirkan Umar. Lantaran itu, al-Khattab merupakan bapanya (*aba-hu*), datuknya (*jaddu-hu*), dan bapa saudara sebelah ibunya (*khalu-hu*). Sementara Hantamah pula merupakan ibunya (*ummu-hu*), saudara perempuannya (*ukhtu-hu*), dan ibu saudaranya sebelah bapa *(‘ammatu-hu).* Justeru itu sebuah syair yang mempunyai makna yang sama telah dikaitkan dengan Imam Ja‘far al-Sadiq sebagai berkata:

Dia di mana datuknya (jaddu-hu) merupakan bapa saudara sebelah ibunya (khaalu-hu), dan bapanya sendiri (walidu-hu),
Ibunya merupakan saudara perempuannya (ukhtu-hu), dan ibu saudara sebelah bapanya (‘ammatu-hu),
Lebih layak menentang wasi (Imam Ali),

Mengingkari baiahnya di Hari al-Ghadir (Ibid, hal.100)

LAMPIRAN C

SURAT KHALIFAH UMAR KEPADA MU‘AWIYAH

Pengenalan

Surat khalifah Umar kepada Mu‘awiyah di Syam telah terbongkar selepas pembunuhan al-Husain bin Ali a.s di Karbala’. Pembunuhan al-Husain bin Ali a.s pada 10 Muharram tahun 61 Hijrah, bukan sahaja menyedihkan keluarga Rasulullah s.a.w, malah seluruh umat Islam yang Mukminin (Ibn al-Athir , *al-Kamil fi al-Tarikh* , Cairo 1976, iii, hlm. 19).

Perlantikan Mu‘awiyah sebagai gabenor di Syam telah berlaku selepas kematian abangnya Yazid bin Abu Sufyan di dalam pemerintahan Khalifah Abu Bakr di atas cadangan Umar bin al-Khattab. Malah Khalifah Abu Bakr terpaksa akur kepada cadangannya. Tetapi surat Khalifah Umar kepada Mu‘awiyah di dalam kajian sekarang adalah surat yang ditulis oleh beliau sendiri semasa

pemerintahannya kepada Mu‘awiyah bin Abu Sufyan sebagai gabenornya di Syam.

Pada mulanya Abdullah bin Umar bin al-Khattab telah menyeru orang ramai supaya menentang Yazid bin Mu‘awiyah di atas tindakannya membunuh al-Husain bin Ali di Karbala’. Tetapi sikapnya telah berubah selepas beliau dipanggil oleh Yazid bin Mu‘awiyah ke Istananya di Syam dan membaca surat bapanya yang ditulis kepada bapa Yazid; Mu‘awiyah bin Abu Sufyan. Surat Khalifah Umar kepada Mu‘awiyah adalah terjemahan dari buku *Bihar al-Anwar*, Beirut, 1995, oleh al- ‘Allamah al-Majlisi r.h.xxx, hlm. 287-299).

Sanad Surat Khalifah Umar

Abu l-Husain Muhammad bin Harun bin Musa al-Tala‘kabari telah memberitahu kami, beliau berkata: Bapaku r.a telah memberitahuku, beliau berkata: Abu Ali Muhammad bin Hammam berkata: Ja‘far Ibn Muhammad bin Malik al-Fazari al-Kufi telah memberitahuku, beliau berkata: Abdu r Rahman bin Sinan al-Sairafi telah memberitahuku daripada Ja‘far bin Ali al-Hiwar daripada al-Hasan bin al-Miskan, daripada al-Mufadhdhal bin Umar al-Ja‘fi daripada Jabir al-Ja‘fi, daripada Sa‘id bin al-Musayyab, beliau berkata:

Teks Terjemahan Peristiwa Karbala’, Dan Sikap Abullah Bin Umar

“Manakala al-Husain bin Ali a.s dibunuh, dan berita kematiannya tersibar di Madinah; tersibar berita pemotongan kepalanya dan dibawanya kepada Yazid bin Mu‘awiyah, pembunuhan lapan belas orang daripada keluarganya, pembunuhan lima puluh tiga lelaki daripada Syi‘ahnya, pembunuhan Ali, anak lelakinya yang masih kecil di hadapan beliau dan keluarganya dijadikan tawanan, lalu diadakan majlis pengkebumian (*Ma’tam*) di sisi isteri Nabi s.a.w di rumah Umm Salmah r.a, di rumah-rumah Muhajirin dan Ansar.

Beliau berkata: Abdullah bin Umar bin al-Khattab keluar dari rumahnya di dalam keadaan melaung-laungkan kepada orang ramai, menampar-nampar mukanya, mengonyak-ngoyak poket bajunya dan berkata: Wahai kumpulan Bani Hasyim, Quraisy, Muhajirin dan Ansar! Adakah dihalalkan oleh Rasulullah (s.a.w) pada keluarganya dan zuriatnya sedangkan kamu masih hidup diberi rezeki?

Tidak ada keputusan tanpa Yazid. Beliau telah keluar dari Madinah di malam harinya melaung kepada orang ramai dan menggalakkan mereka menentang Yazid. Khabarnya beliau juga telah menulis kepada Yazid. Apabila melalui di hadapan orang ramai, beliau melaknati Yazid. Mereka berkata: Ini adalah Abdullah bin Umar, Ibn khalifah Rasulullah (s.a.w) di mana beliau mengingkari perbuatan Yazid terhadap keluarga Rasulullah s.a.w,dan

menggalakkan orang ramai menentang Yazid, dan sesungguhnya mereka yang tidak menyahuti seruan ini tidak ada baginya agama dan Islam".

Penduduk Syam telah menjadi gelisah. Yazid telah mendatangi Bab al-La‘in bersama-sama orang ramai, mereka membacakannya.Kemudian Yazid telah keluar kepadanya, lalu memberitahu kepadanya tentang kasih-sayangnya kepada Abdullah bin Umar. Beliau berkata: Ledakan kemarahan Abi Muhammad, sedikit masa lagi, akan meredakannya.Lalu beliau telah mengizinkanya datang seorang diri. Lantas beliau telah memasukinya di dalam keadaan melaung seraya berkata: Aku tidak akan masuk wahai Amir al-Mukminin! Sesungguhnya anda telah melakukan (kekejaman) terhadap Ahlu l-Bait Muhammad s.a.w, sekiranya Turkey dan Rome mampu untuk melakukannya, nescaya mereka tidak akan menghalalkan apa yang anda telah menghalalkannya. Mereka tidak akan melakukan apa yang anda telah melakukannya.

Berdirilah anda dari permaidani ini sehingga Muslimun memilih orang yang lebih berhak.Yazid telah mengalu-ngalukannya dan memeluknya ke sisinya seraya berkata kepadanya: Wahai Abu Muhammad! Bawa bertenang dari ledakan kemarahan anda, dan berfikirlah.Lihatlah dengan mata anda dan dengarlah dengan telinga anda.

Apa pendapat anda tentang bapa anda Umar bin al-Khattab.Adakah beliau penunjuk (*hadian*) khalifah Rasulullah (s.a.w), pembantunya, dan mertuanya melalui saudara perempuan anda Hafsah, dan beliau telah berkata: Beliau tidak menyembah Allah secara rahsia? Abdullah berkata: Beliau adalah sebagaimana anda telah perkatakannya. Apa pendapat anda mengenainya? Yazid berkata: Bapa anda telah melantik bapaku menjadi gabenor Syam atau bapaku telah melantik bapa anda menjadi khalifah Rasulullah (s.a.w)? Abdullah berkata: Bapaku telah melantik bapa anda gabenor Syam.

Yazid berkata: Wahai Abu Muhammad! Adakah anda meredhainya dan meredhai janjinya kepada bapaku atau anda tidak meridhainya? Abdullah berkata: Malah aku meredhainya. Yazid berkata: Adakah anda meredhai bapa anda? Abdullah berkata: Ya, maka Yazid telah memegang tangan Abdullah bin Umar dan berkata kepadanya: Berdirilah-Wahai Abu Muhammad-sehingga anda membacanya, lalu beliau telah berdiri bersamanya dan memasuki bilik khazanahnya, lalu beliau meminta satu peti.

Kemudian beliau membukanya dan mengeluarkan darinya satu peti besi yang dikunci dan dicopkan. Lantas beliau mengeluarkan darinya *scroll* yang lembut diperbuat dari sutera. Beliau telah mengambil *scroll* dengan tangannya dan membukakannya. Kemudian beliau berkata: Wahai Abu

Muhammad! Adakah ini tulisan bapa anda? Beliau menjawab: Ya, demi Tuhan.Maka beliau telah mengambilnya dengan tangannya dan mengucupnya. Beliau berkata kepadanya: bacalah.Maka Abdullah bin Umar telah membacanya, maka ini adalah kandungan suratnya:

Teks Terjemahan Surat Khalifah Umar Kepada Mu'awiyah

" Bismi l-Lahi r-Rahmani r-Rahim. Sesungguhnya beliaulah (nabi saw) yang telah memaksa kami dengan pedang (nya) supaya melakukan ikrar terhadapnya, maka kamipun melakukan ikrar tersebut. Sedangkan dada (kami) berdebar, jiwa (kami) bergelora.Niat dan bisikan hati (kami) meragui dakwahnya kepada kami (al-Bukhari, *Sahih,* II, hlm. 111; Muslim*, Sahih*, IV, hlm.12,14), tetapi kami telah mentaatinya mengenainya, kerana mengilakkan pedangnya ke atas kami (*Ata'naa-hu raf'an li-suyufi-hi 'alai-na*). Apatah lagi semakin bertambahnya bilangan kabilah dari Yaman yang akan menentang kami. Dan sokongan daripada mereka yang telah meninggalkan agama mereka di kalangan Quraisy. Maka aku bersumpah dengan Hubal, semua berhala, al-Laata dan al-'Uzza bahawa Umar tidak pernah mengingkarinya semenjak beliau menyembahnya! (*Fa-bi-Hubalin uqsimu wa l-Asnaam,wa l-Authaan wa l-Laata wa l-'Uzza ma jahada-ha .... muz 'abada-ha)* , tidak pernah menyembah Ka'bah sebagai Tuhan, tidak pernah membenarkan perkataan Muhammad dan keluarganya (*wa la 'abada li l-Ka'bah rabban wa la Saddaqa li-Muhammadin wa Ali-hi qaulan).* Aku tidak memberi salam kepadanya melainkan untuk mengilakkan diri dari kebengisannya. Sesungguhnya beliau (Muhammad s.a.w) telah mengkemukakan kepada kami sihir yang besar. Sihirnya telah melebihi sihir Bani Israil bersama Musa dan Harun, Daud dan Sulaiman dan anak lelaki ibunya Isa.

Sesungguhnya beliau telah mengkemukakan kepada kami segala sihir yang telah dikemukakan kepada Bani Israil, bahkan melebihi sihir-sihir mereka. Sekiranya mereka menyaksikannya, nescaya mereka mengakuinya bahawa beliau adalah ketua tukang-tukang sihir (*la-Aqarru la-hu bi-anna-hu sayyidu al-Saharah*), maka berpeganglah-Wahai Ibn Abi Sufyan-kepada sunnah kaum anda dan pengikut agama anda serta setia kepada mereka yang terdahulu yang menentang binaan ini (Ka'bah) di mana mereka berkata bahawa ia mempunyai Tuhan yang memerintahkan mereka supaya melakukan *Sa'yu* di sekelilingnya dan Dia menjadikannya Kiblat untuk mereka. Justeru itu, mereka mengperakui solat dan Haji di mana mereka telah menjadikannya sebagai rukun. Mereka telah menyangka bahawa mereka dijadikan untuk Allah. Di kalangan mereka yang telah membantu Muhammad adalah lelaki Farsi ini (Salman). Mereka juga berkata bahawa sesungguhnya diwahyukan kepadanyanya Muhammad): *"Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangunkan untuk manusia (beribadat) ialah di makkah yang diberi berkat dan petunjuk untuk semesta alam"* Surah Ali Imran 3:96.Dan kata-kata

mereka "*Sesungguhnya kami lihat berulan-ulang muka engkau (ya Muhammad) ke langit. Maka sesungguhnya kami palingkan engkau ke kiblat yang engkau sukai. Maka hadaplah muka kamu ke arah masjid haram (ka'bah) di mana kamu berada, maka hadaplah mukamu ke arahnya"* Surah al-Baqarah 2:144.

Mereka telah menjadikan solat mereka ke arah batu (*al-Hijarah*). Apakah yang membuat beliau mengingkari kami- jika tidak kerana sihirnya- menyembah berhala-berhala; al-Laata wa l-'Uzza yang terdiri dari batu, kayu, tembaga, dan emas, tidak-al-Laata wa l- 'Uzza-kami tidak dapati sebab untuk keluar dari apa yang ada di sisi kami sekalipun mereka disihir dan ditipu. Lihatlah dengan mata yang terang dan dengarlah dengan telinga yang jaga. Perhatikanlah dengan hati dan akal anda tentang kepercayaan mereka. Bersyukurlah kepada al-Laata wa l- 'Uzza (*wa sykuri l-Laata wa l- 'Uzza)* serta perlantikan Atiq bin 'Abdu l- 'Azza ke atas umat Muhammad, penguasaannya ke atas harta mereka, darah mereka, syari'at mereka, diri mereka, halal mereka, haram mereka.

Cukai hak yang mereka sangka bahawa mereka memungutnya untuk Tuhan mereka bagi menguatkan pembantu-pembantu mereka. Justeru itu, beliau (Umar) hidup dengan mematuhinya secara terang-terangan, dan menghadapi kesulitan secara tersembunyi. Beliau tidak ada jalan lain melainkan bergaul dengan mereka

Sesungguhnya aku telah melakukan tindakkan yang berani ke atas pemuda Bani Hasyim yang masyhur, benderanya yang menang dan pembantunya yang bernama Haidarah; menantu kepada Muhammad ke atas perempuan yang mereka telah menjadikannya Penghulu Wanita Sejagat (al-Bukhari, *Sahih,* II, hlm. 111; Muslim*, Sahih*, IV, hlm.12,14) di mana mereka menamakannya: Fatimah sehingga aku telah mendatangi rumah Ali, Fatimah, dua anak lelakinya al-Hasan dan al-Husain, dua anak perempuan mereka berdua; Zainab dan Ummi Kalthum serta hamba perempuannya yang dipanggil al-Fidhdhah.

Bersama-samaku adalah Khalid bin al-Walid, Qunfudh bekas hamba Abu Bakr dan beberapa sahabat kami yang khusus.Maka akupun telah mengetuk pintu mereka dengan kuat. Lantas hamba perempuan tersebut telah menjawabku. Aku berkata kepadanya: Katakan kepada Ali: Tinggalkanlah segala kebatilan dan jangan biarkan diri anda menjadi tamak kepada jawatan khalifah, kerana ianya bukanlah untuk anda, tetapi ia adalah bagi orang yang dipilih oleh Muslimun dan mereka bersetuju kepadanya.

Demi tuhan al-Laata wa l-'Uzza, jika perkara ini hanya menurut pendapat Abu Bakr, nescaya ia pasti gagal mengganti khilafah Ibn Abi

Kabsyah (Rasulullah s.a.w). Tetapi aku telah melakukan sesuatu untuknya; aku telah menumpukan pemerhatianku kepadanya dan aku telah berkata kepada dua kabilah Nazar dan Qahtan selepas aku berkata kepada mereka bahawa *khilafah* hanya untuk Quraisy. Justeru itu, taatilah mereka selama mereka mentaati Allah (Ibn Qutaibah , *al-Imamah wa al-Siasah* , I , hlm. 15-16)

Sesungguhnya aku berkata sedemikian adalah kerana ketangkasan Ali bin Abi Talib yang terdahulu dan dan cintanya kepada darah yang ditumpahkannya di dalam peperangan-peperangan Muhammad dan pelaksanaan hutang-hutangnya iaitu sebanyak 80 ribu Dirham (Al-Qunduzi l-Hanafi , *Yanabi ' al-Mawaddah* , hlm.89) Melakukan persedian peperangan, pengumpulan al-Qur'an dengan ushanya sendiri. Kata-kata Muhajirin dan Ansar manakala aku berkata bahawa *Imamah* adalah daripada Quraisy- Mereka berkata: Si botak; Amir al-Mukminin Ali bin Abi Talib yang telah diambil baiah untuknya oleh Rasulullah s.a.w bagi semua penganut agamanya. Dan kami telah menerimanya memimpin Mukminin pada empat tempat.Jika kamu melupainya , maka kami tidak melupai Baiah, *Imamah* dan *khilafah* serta wasiat adalah hak yang benar difardhukan, bukanlah dengan sukarela (*Tabarru'an*) dan dakwaan falsu (*Iddi'aan*), lalu kami telah membohongi mereka (*fa-Kadhdhibna-hum*). Aku telah mengambil empat puluh orang lelaki menjadi saksi ke atas Muhammad bahawa *Imamah* adalah dengan pilihan (*Ikhtiar)*.

Ketika itu Ansar berkata: Kami lebih berhak daripada Quraisy, kerana kami telah melindungi, membantu mereka sedangkan orang ramai berhijrah kepada kami. Jika urusan ini diberikan kepadanya, maka urusan ini juga bukan untuk kamu, tanpa kami. Dan dia berkata: Bagi kami seorang Amir dan bagi kamu seorang Amir. Kami berkata kepada mereka: Sesungguhnya 40 orang lelaki telah menyaksikan bahawa para Imam adalah daripada Quraisy (Muslim, *Sahih,* Cairo,1976, ii, hlm.213) Sebahagian mereka telah menerimanya dan sebahagian yang lain telah menolaknya. Lalu mereka bertengkar. Maka akupun berkata: Kenapa tidak memilih orang yang paling tua umurnya dan yang paling lembut di kalangan kita? Mereka berkata: Siapakah anda maksudkan?

Aku berkata: Abu Bakr yang telah dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w di dalam solat, dia telah duduk bersamanya di al-'Arisy di Hari Badr bermesyuarat dengannya dan mengambil pendapatnya.Dia adalah sahabatnya di Gua (*al-Ghar*), suami anak perempuannya 'Aisyah yang di namakanya Umm al-Mukminin. Bani Hasyim datang di dalam keadaan marah disokong oleh al-Zubair dengan pedangnya yang masyhur dan berkata: Hanya Ali sahaja yang akan dibaiah atau aku akan memotong kepala dengan pedangku ini. Aku berkata: Wahai Zubair! Laungan anda adalah api kepada Bani Hasyim.Ibu anda adalah Safiyyah binti Abdul

Muttalib. Beliau berkata: Demikian itu adalah satu kehormatan.Wahai Ibn Hantamah, wahai Ibn Sahhak! Diam. Beliau telah berkata sesuatu.Kemudian empat puluh orang lelaki daripada mereka yang telah menghadiri Saqifah Bani Sa‘idah telah melompat ke atas al-Zubair.

Demi Tuhan! Kami tidak mampu mengambil pedangnya di tangannya sehingga kami menjatuhkannya ke tanah.Kami tidak dapati pembantunya menentang kami. Maka aku telah melompat ke arah Abu Bakr, lalu aku memegang tangannya dan memberi baiah. Kemudian diikuti oleh Uthman bin Affan dan semua mereka yang hadir selain daripada al-Zubair. Kami telah berkata kepadanya: Baiahlah, jika tidak, kami akan membunuh anda (*Baayi‘ au naqtulu-ka*). Kemudian aku telah menghalang orang ramai daripadanya. Aku berkata: Kamu tegahlah beliau, Bani Hasyim memarahi tindakkanku. Aku telah memegang tangan Abu Bakr dan membuatnya berdiri.

Beliau di dalam keadaan gementar. Fikirannya berbelah-bagi, lalu aku telah mendesaknya ke Minbar Muhammad. Beliau berkata kepadaku: Wahai Abu Hafs! Aku takut tindakkan Ali ke atasku. Aku berkata kepadanya: Sesungguhnya Ali sibuk untuk mengganggu anda. Abu Ubaidah bin al-Jarrah telah membantuku di dalam perkara tersebut. Beliaulah yang telah menghulur tangannya membantu Abu Bakr ke Minbar .

Aku mendesaknya dari belakangnya seperti kambing kepada pisau yang tajam. Beliau telah berdiri di atasnya dengan kebingungan. Aku berkata kepadanya: Berucaplah! Beliau menjadi bingung dan kelu. Aku merapatkan tapak tanganku kerana memarahinya. Aku berkata kepadanya: Katakanlah apa saja. Tetapi beliau tidak memberi apa-apa kebaikan. Aku mahu menurunkannya dari Mimbar dan aku akan mengambil tempatnya (*fa-arad-tu an ahutta-hu ‘ani l-minbar wa aquma maqama-hu)* .

Tetapi aku benci orang ramai akan membohongiku pula tentang kata-kataku mengenainya. Orang ramai telah bertanyaku: Bagaimana pendapat anda tentang kelebihannya? Apakah yang anda telah mendengar daripada Rasulullah s.a.w tentang Abu Bakr? Aku telah berkata kepada mereka: Aku telah mendengar tentang kelebihannya daripada Rasulullah s.a.w bahawa jika aku menjadi satu bulu di dadanya …dan bagiku ceritanya. Aku berkata: Katakanlah sesuatu, jika tidak, maka turunlah (*Qul wa illa fa-anzil*). Maka telah terserlah, demi Tuhan, pada mukaku dan beliau telah mengetahui jika beliau turun, nescaya aku akan menaikinya.

Aku telah berkata kepadanya perkataan yang tidak mencerahkan kata-katanya. Beliau telah berkata dengan suara yang lemah: “Aku telah dilantik kepada kamu tetapi aku bukanlah orang yang paling baik daripada kamu sedangkan Ali pada kamu. Ketahuilah kamu bahawa bagiku Syaitan

sedang menggodaku (Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siasah*, I, hlm.9-10). Beliau tidak maksudkannya selain daripadaku- Apabila aku tergelincir, maka kamu perbetulkan aku. Perlakuan sedemikian tidak menjatuhkan aku di hadapan kamu. Aku pohon *istighfar* kepada Allah untukku dan kamu". Kemudian beliau turun dan aku memegang tangannya. Orang ramai sedang memerhatikannya. Akupun memegang tangannya dengan kuat dan aku mendudukkannya. Aku mengkemukakan orang ramai supaya memberi baiah kepadanya. Aku telah mengiringinya untuk memeriahkannya, dan berkatalah orang yang mengingkari baiahnya: Apakah Ali bin Abi Talib telah lakukan?

Maka aku berkata: Beliau telah mencabutnya dari tengkuknya dan kurang penentangan orang ramai di dalam pemilihan mereka. Beliau hanya tinggal di rumah sahaja. Mereka telah memberi baiah kepada Abu Bakr di dalam keadaan benci. Manakala tersibar baiahnya, maka kami dapat tahu bahawa Ali membawa Fatimah, al-Hasan dan al-Husain ke rumah Muhajirin dan Ansar memperingatkan mereka tentang baiahnya ke atas kami pada empat tempat. Beliau telah menggesa mereka, lalu mereka menyediakan bantuan kepadanya di waktu malam dan menjauhinya di waktu siang.Maka aku telah mendatangi rumahnya berbincang bagi mengeluarkannya dari *khilafah.*

Hambanya bernama Fidhdhah berkata-aku telah berkata kepadanya: Katakan kepada Ali: Supaya beliau keluar memberi baiah kepada Abu Bakr di mana Muslimun telah bersepakat mengenainya. Beliau menjawab: Sesungguhnya Amir al-Mukminin a.s sibuk. Aku berkata kepadanya: Tinggalkan perkara ini dan katakan kepadanya supaya beliau keluar.

Jika tidak kami akan memasukinya dan mengeluarkannya secara paksaan *(wa illa dakhal-na 'alai-hi wa akhrajna-hu karhan)*. Lantas Fatimah keluar dan berdiri di balik pintu seraya berkata: Wahai orang yang sesat dan pembohong! (*Ayyuha dh-Dhaalluun wa l-Mukazzibuun*) Apakah yang kamu katakan? Apa yang kamu mahu? Maka aku berkata: Wahai Fatimah! Fatimah berkata: Apakah yang anda mahu wahai Umar? Maka aku berkata: Apakah gerangan sepupu anda di mana anda sendiri perlu menjawabnya dan beliau telah duduk di balik dinding?

Beliau berkata kepadaku: Celaka anda. Beliau telah mengeluarkan aku, lantaran itu, beliau mesti mengukuhkannya dengan hujah.Setiap yang sesat pasti menipu. Aku berkata: Tinggalkanlah segala kebatilan anda dan cerita-cerita dongeng perempuan (seluruh semesta). Katakan kepada Ali supaya beliau keluar. Fatimah berkata; Tidak ada kasih dan kehormatan. Adakah dengan parti Syaitan anda menakut-nakutkan aku wahai Umar?

Parti Syaitan adalah lemah.Maka aku berkata: Jika beliau tidak keluar, aku akan membawa kayu api dan aku akan menyalakan api ke atas keluarga rumah ini dan membakar mereka yang ada di dalamnya *(In lam yakhruj ji'tu bi l-hatabi l-jazal wa adhramtu-ha naran 'ala ahli hadha l-Bait wa ahriqu man fi-hi)* atau Ali dibawa untuk melakukan baiah[1].Aku telah mengambil cemeti Qunfudh, maka akupun memukul (nya). Aku berkata kepada Khalid: Anda dan orang-orang kita hendaklah beramai-ramai mengumpulkan kayu api. Aku berkata: Sesungguhnya aku akan menyalakannya *(Inni mudhrimu-ha)* .

Fatimah berkata: Wahai musuh Allah, musuh Rasul-Nya, dan musuh Amir al-Mukminin! Maka aku telah memukul tangan Fatimah dari pintu, kerana beliau telah menegahku dari membukanya. Aku telah menolaknya, kerana ia menyusahkan aku. Lantaran itu aku telah memukul dua tangannya dengan cemeti, lalu ia menyakitkannya. Aku telah mendengar laungan dan tangisan daripadanya. Aku hampir-hampir berlembut dengannya dan berpaling dari pintu, tetapi aku teringat dendam kesumat Ali, keterlibatannya di dalam pembunuhan ketua-ketua Arab, tipu daya Muhammad dan sihirnya (*wa kaida Muhammad wa sihri-hi),* maka akupun telah menendang pintu itu. Perutnya telah melekat di pintu. Aku telah mendengar jeritannya dan aku kira ia telah meliputi seluruh Madinah (*Ibid*).

Beliau berkata: Wahai bapaku, wahai Rasulullah! Begitukah beliau (Umar) memperlakukan kepada kekasihmu dan anak perempuanmu. Wahai Fidhdhah! Peganglah aku, demi Allah, sesungguhnya kandunganku telah dibunuh (*Fa-qad wa Llahi, Qutila ma fi-Ihsya'i min hamlin*). Aku telah mendengarnya merintih di dalam keadaan beliau tersandar di dinding. Aku telah menolak pintu dan memasukinya. Maka beliau telah berhadapan denganku dengan muka yang telah menutup penglihatanku.

Fatimah telah menepuk tudung dua pipinya, lalu terputuslah anting-antingnya dan jatuh bertaburan di tanah. Ali pun keluar.Manakala aku dapat merasai kedatangannya, aku pun segera keluar rumah dan aku berkata kepada Khalid dan Qunfudh serta mereka yang bersama mereka berdua: Aku telah terselamat dari perkara yang besar (*Najautu min amrin 'Azim*).

Di dalam riwayat yang lain: Aku telah melakukan jenayah yang besar di mana diriku tidak terasa selamat dengannya. Ini Ali telah keluar dari rumah di mana aku dan kamu tidak ada daya melawannya. Maka Ali pun keluar sedangkan dua tangan Fatimah diangkat bagi mendedahkan pukulan terhadapnya; memohon kepada Allah Yang Maha Besar di atas apa yang telah berlaku. Ali meletakkan kain lembut ke atasnya dan berkata kepadanya: Wahai

anak perempuan Rasulullah! Sesungguhnya Allah telah mengutus bapa anda sebagai rahmat kepada seluruh alam.
Demi Allah sekiranya anda membuka kepala anda memohon kepada Allah a.j untuk membinasakan makhluk ini, nescaya Dia menyahuti permohonan anda sehingga tidak tinggal lagi manusia di muka bumi ini.Kerana anda dan bapa anda adalah lebih besar di sisi Allah daripada Nuh(a.s) di mana telah tenggelam kerananya semua orang di muka bumi dan di bawah langit selain daripada mereka yang berada di dalam bahteranya.Dan Dia telah membinasakan kaum Hud, kerana mereka telah membohonginya.

Dia telah membinasakan kaum ‘Aad dengan angin yang kencang. Anda dan bapa anda lebih besar kemampuan daripada Hud. Dia telah menyiksa kaum Thamud seramai dua belas ribu orang, kerana mereka telah membunuh unta betina. Justeru itu, Jadilah anda-wahai penghulu wanita -sebagai rahmat ke atas makhluk ini, dan janganlah anda menjadi sebagai azab. Perutnya bertambah sakit, lalu beliau memasuki rumah dan melahirkan janin. Kemudian Ali menamakannya: Muhsin.

Aku telah mengumpulkan orang ramai, bukan kerana membanyakkan bilangan mereka bagi menentang Ali, tetapi bagi menguatkan mereka dan aku telah datang-ketika beliau dikepung- maka aku telah mengeluarkannya dari rumahnya dengan paksaan dan ditawan, kemudian aku telah mengheretkannya supaya memberi baiah. Sesungguhnya aku mengetahui dengan yakin, tanpa syak padanya bahawa jika aku dan kesemua mereka di muka bumi ini berusaha sekeras-kerasnya bagi memaksanya, nescaya kami tidak mampu memaksanya. Tetapi beliau lebih mengetahui tentang dirinya. Apabila aku tiba di Saqifah Bani Sa‘idah, Abu Bakr berdiri, dan mereka yang hadir bersamanya mempersendakan Ali (Ibn Qutaibah , *al-Imamah wa al-Siasah,* I, hlm.14-16)

Lantas Ali berkata: Wahai Umar! Adakah kamu suka aku mempercepatkan bagi kamu apa yang aku telah menangguhkan bagi kamu? Aku berkata: Tidak, wahai Amir al-Mukminin! Khalid bin al-Walid telah mendengarku, demi Tuhan, lalu beliau bersegera pergi kepada Abu Bakr. Abu Bakr telah berkata kepadanya: Apakah kaitanku dengan Umar…sebanyak tiga kali, orang ramai sedang mendengar.

Manakala beliau memasuki al-Saqifah, Abu Bakr telah berlembut kepadanya.Maka aku telah berkata kepadanya: Anda telah memberi baiah wahai Abu l-Hasan! Beliau pun berpaling, dan memberi penyaksian bahawa beliau tidak memberi baiah kepadanya, dan tidak pula menghulurkan tangannya kepadanya. Aku benci menuntutnya supaya melakukan baiah, nanti beliau akan mempercepatkan bagiku apa yang beliau telah menangguhkannya. Abu Bakr mahu jika beliau tidak melihat Ali di tempat itu, kerana takut dan gerun kepadanya. Ali telah kembali dari al-Saqifah dan kami

telah bertanya tentangnya. Mereka berkata: Beliau telah pergi ke kubur Muhammad lalu duduk di sampingnya. Aku dan Abu Bakr berdiri di sampingnya. Kami datang berjalan dan Abu Bakr barkata: Celaka anda wahai Umar! Apakah yang anda lakukan kepada Fatimah? Ini, demi Tuhan, adalah kerugian yang jelas. Aku berkata: Sesungguhnya perkara yang paling besar di atas kamu bahawa beliau tidak memberi baiah kepada kita dan aku tidak percaya bahawa orang ramai menolaknya. Beliau berkata: Apakah anda akan lakukan?

Aku berkata: Anda berpura-pura bahawa beliau telah memberi baiah kepada anda di sisi kubur Muhammad.Maka kami telah mendatanginya dan beliau telah menjadikan kubur sebagai kiblat di dalam keadaan menyandarkan tapak tangannya di atas tanahnya. Dan di sampingnya Salmam, Abu Dhar, al-Miqdad, Ammar, dan Huzaifah bin al-Yaman. Maka kami pun duduk di sampingnya. Aku telah mencadangkan kepada Abu Bakr supaya meletakkan tangannya sebagaimana Ali meletakkannya dan mengakui *khilafah* dari tangannya.

Maka beliau telah melakukannya. Aku telah mengambil tangan Abu Bakr untuk menyapukan tangannya ke atas tangannya (Ali a.s) Dan aku berkata: Sesungguhnya beliau telah memberi baiah. Ali telah memegang tangannya, maka aku dan Abu Bakr berdiri dan aku akan berkata: Allah akan membalas kebaikan kepada Ali, kerana beliau tidak menegah dirinya dari memberi baiah kepada anda. Manakala aku menghadiri kubur Rasulullah s.a.w, tiba-tiba Abu Dhar Jundab bin Junadah al-Ghifari telah melompat dan melaung serta berkata: Demi Tuhan! Wahai musuh Allah! Ali tidak akan memberi baiah kepada Atiq. Begitulah seterusnya setiap kali kami bertemu dengan orang ramai, kami telah memberitahukan mereka tentang baiah Ali kepada Abu Bakr, tetapi Abu Dhar telah membohonginya (Ibn Qutaibah , *al-Imamah wa al-Siasah* ,I , hlm.14-16)

Demi Tuhan, beliau tidak pernah memberi baiah kepada kami pada masa pemerintahan Abu Bakr, pada masa pemerintahanku dan pada masa khalifah selepasku. Seramai dua belas orang lelaki tidak pernah memberi baiah kepada Abu Bakr dan kepadaku. Siapakah yang telah melakukan-Wahai Mu‘awiyah-perbuatanku dan siapakah yang telah bermesyuarat dengan musuh-musuhnya selain daripadaku?! Adapun anda, bapa anda Abu Sufyan dan saudara anda Utbah, maka aku mengetahui pembohongan kamu kepada Muhammad (s.a.w), tipu dayanya, kelakuannya dan tuntutannya di gua Hira’ untuk membunuhnya.

Beliaulah yang telah mengumpulkan al-Ahzab bagi memeranginya dan penunggangan unta oleh bapa anda memimpin al-Ahzab serta kata-kata Muhammad: Allah melaknati si penunggang, pemandu dan penarik. Bapa anda

adalah penunggang, saudara anda adalah pemandu, dan anda adalah penarik. Aku tidak melupai ibu anda Hindun. Beliau telah berusha dengan seorang lelaki yang kejam sehingga beliau membunuh Hamzah yang mereka telah menamakannya *Asadu r-Rahman* (Singa Yang Maha Pemurah) di bumi-Nya

Beliau telah menikamnya dengan lembing. Beliau telah membelah hatinya dan mengambil hatinya serta membawanya kepada ibu anda.Maka Muhammad dengan sihirnya telah menyangka bahawa apabila beliau memasukkannya ke mulutnya untuk memakannya, maka ianya menjadi batu. Lantaran itu, Muhammad dan para sahabatnya menamakannya: *Akilatu l-Akbad* (Pemakan hati). Kata-katanya di dalam bentuk syair bagi memusuhi Muhammad dan memeranginya:

Kami adalah anak-anak perempuan Tariq
kami berjalan di atas banta
Seperti mutiara di leher
Seperti Miski di tengah kepala
Jika diterima kami peluk
Jika ditolak kami berpisah dengan permusuhan.
Kelihatan perempuannya dengan pakain kemerahan,
muka dan kepala mereka terserlah
bersedia memerangi Muhammad.

Sesungguhnya kamu tidak menyerah dengan suka rela (*Tau‘an*). Sesungguhnya kamu telah menyerah secara terpaksa *(Karhan*) di hari Pembukaan Makkah, maka beliau (Muhammad s.a.w) telah menjadikan kamu, saudaraku Zaid, Aqil saudara Ali bin Abi Talib dan al-Abbas bapa saudara mereka *Tulaqa’* (Ibn al-Athir , *al-Kamil fi al-Tarikh* ,iii, hlm.46-8)

Bapa anda berkata: Demi Tuhan, Wahai Ibn Abi Kabsyah! Aku akan memenuhi kuda-kuda dan bala tentera menentang anda. Muhammad berkata: Diberitahu kepada orang ramai bahawa sesungguhnya beliau telah mengetahui apa yang ada pada dirinya atau Allah mencukupi syirik Abu Sufyan! Beliau memperlihatkan kepada orang ramai bahawa tidak ada seorang pun yang tinggi selain daripadaku, Ali dan orang yang selepasnya daripada Ahlu l-Baitnya. Maka sihirnya terbatal dan sia-sialah ushanya.

Abu Bakr telah mendapatkannya dan aku selepasnya. Aku berharap, wahai Bani Umayyah, supaya kamu menjadikannya sebagai perayaan. Justeru itu, aku telah melantik anda dan aku menyalahi kata-katanya (Muhammad s.a.w). Aku tidak pedulikan karangan syairnya bahawa beliau berkata: Diwahyukan kepadaku wahyu daripada Tuhanku di dalam firmanNya: “ *Dan pokok kayu yang dilaknati di dalam al-Qur’an”* Maka beliau

telah menyangka bahawa "pokok yang dilaknati itu" adalah kamu Bani Umayyah.

Beliau telah menerangkan permusuhannya terhadap kamu sebagaimana Hasyim dan anak-anaknya adalah musuh Bani Abd Syamsin. Aku- berserta peringatanku kepada anda-Wahai Mu'wiyah!-menesihati anda, kerana kasihan belasku kepada anda, dan keresahan jiwa anda supaya anda mempercepatkan apa yang aku telah wasiatkan kepada anda tentang pelaksanaan syariat Muhammad (s.a.w) dan umatnya supaya anda menjelaskan kepada mereka tuntutannya dengan cacian atau bergembira kerana kematian atau menolak apa yang dibawanya. Atau memperkecilkan apa yang dibawanya, nescaya kamu akan termasuk orang yang binasa.

Anda merendahkan apa yang anda angkat, anda meruntuhkan apa yang anda telah membinanya. Berhati-hatilah anda jika anda memasuki Masjid Muhammad, dan mimbarnya. Benarkan Muhammad apa yang beliau bawa. Terimalah ia pada zahir. Zahirkanlah keperihatinan anda terhadap rakyat anda. Perlakulah dengan baik terhadap mereka. Berikan kepada mereka hadiah. Laksanalah hukum hudud pada mereka dan gandakanlah jenayah mereka di sebabkan Muhammad. Janganlah anda memperlihatkan mereka bahawa anda meninggalkan hukum Allah. Janganlah anda menentang fardhu. Janganlah anda mengubah Sunnah Muhammad, nescaya umat akan merusakkan kita. Bahkan lakukan kepada mereka menurut keadaan masa. Bunuhlah mereka dengan tangan mereka. Perkuatkan mereka dengan pedang-pedang mereka. Berlembutlah terhadap mereka.

Layanilah mereka dengan baik di majlis anda. Mulialah mereka di rumah anda. Bunuhlah mereka melalui ketua mereka. Zahirkan muka manis, malah tahankan kemarahan anda. Maafkan mereka, nescaya mereka akan mengasihi anda dan mentaati anda. Pemberontakan Ali dan kedua anaknya al-Hasan dan al-Husain tidak akan aman ke atas kami dan anda (Lihat, umpamanya, al-Qunduzi l-Hanafi , *Yanabi' al-Mawaddah* , hlm. 148-9)

Jika anda boleh menyediakan kelengkapan, maka bersegeralah dan janganlah berpuas hati dengan perkara yang kecil.Tumpulah kepada perkara yang besar. Jagalah wasiatku dan janjiku kepada anda. Sembunyikannya dan jangan sekali-kali menzahirkannya (*wa khfi-hi wa la tubdi-hi*).Contohilah urusanku dan laranganku. Dan bangkitlah dengan ketaatan kepadaku. Jauhilah anda dari perselisihan denganku. Ikutlah jalan orang yang terdahulu anda. Tuntutlah dendam anda. Hapuskanlah kesan-kesan mereka. Sesungguhnya aku telah mengeluarkan kepada anda rahsi hatiku secara terang-terangan dan aku telah mengiringinya dengan kata-kataku:

Mu'awi sesungguhnya orang ramai telah besar urusan mereka

Dengan dakwah mereka meliputi muka bumi ini
Aku cenderung kepada agama mereka,tetapi ia tidak menyakinkanku
Aku menjauhi agama yang telah memecahkan belakangku
Jika aku terlupa,aku tidak akan terlupa al-Walid,Syaibah
Utbah,dan al-As di Badr
Di bawah kecintaan hati telah menggigit kerana ketiadaan mereka
Oleh Abu l-Hakam; aku maksudkan yang hina dari kemiskinan
Mereka itu,maka tuntutlah-Wahai Mu‘awi-dendam mereka
Dengan menghunuskan pedang Hind
Hubungilah lelaki Syam secara keseluruhan
Mereka adalah singa sementara yang lain senang dimusnahkan
Bertawassullah secara mencapur-adukkan agama
Yang telah mendatangi kita waktu silam mereka namakan sihir
Menuntut dendam yang berlalu kepada anda secara terang-terangan
Kerana agama meliputi Bani Nadhir
Anda tidak dapat membalas dendam melainkan dengan agama mereka
Anda dibunuh dengan pedang mereka adalah yang baik dari Bani Nadhir
Lantaran itu aku melantik kamu menjadi wali Syam dengan harapan
Anda layak kembali kepada Sakhar.

Beliau berkata: Manakala Abdullah bin Umar selesai membaca perjanjian Surat tersebut, beliau berdiri di sisi Yazid, lalu beliau mengucup kepalanya. Dan beliau berkata: Segala puji bagi Allah-wahai Amir al-Mukminin!-kerana anda telah membunuh al-Syari Ibn al-Syari (Husain bin Ali a.s). Demi Allah! Bapaku tidak mengeluarkan (isihatinya) kepadaku sagaimana beliau telah menegeluarkannya kepada bapa anda.

Demi Allah, tidak seorangpun daripada kumpulan Muhammad yang telah melihatku, akan suka dan meredhaiku. Maka Yazid telah memberi hadiah yang berharga kepadanya dan mengiringinya dengan penuh hormat. Maka Abdullah bin Umar telah keluar di sisinya di dalam keadaan riang-gembira. Orang ramai berkata kepadanya: Apakah beliau telah berkata kepada anda? Abdullah bin Umar berkata: Perkataan yang benar (*Qaulan sadiqan lau wadad-tu inni kuntu musyarika-hu fi-hi*). Aku mahu jika aku telah bersyarikat dengannya (Yazid) mengenainya (Pembunuhan al-Husain bin Ali a.s). Beliau telah berjalan pulang ke Madinah, dan jawapan yang diberikan kepada mereka yang bertemu dengannya adalah sama".

Kesimpulan

Surat Khalifah Umar bin al-Khattab kepada Mu‘awiyah bin Abu Sufyan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dari berbagai-bagai sudut di mana pembaca dapat menilainya sendiri. Tidak dapat dinafikan

bahawa peristiwa Karbala’ telah menjadi penyabab kepada pendedahan Surat tersebut, kerana Yazid bin Mu‘awiyah ingin membenteraskan sokongan Abdullah bin Umar terhadap kesyahidan al-Husain bin Ali a.s yang akan menyumbang kepada kejatuhan kerajaannya dengan mengkemukakan surat rahsi yang ditulis oleh bapanya Khalifah Umar kepada bapa Yazid; Mu‘awiyah.

Nampaknya pendedahan surat tersebut telah berjaya mengubah pendirian Abdullah bin Umar terhadap peristiwa Karbala’. Justeru itu, kandungan surat tersebut hendaklah dilihat dari aspek ketuhanan, kerasulan, kecintaan kepada Ahlu l-Bait a.s dan lain-lain, kerana ia menjadi penilai hakiki kepada seorang Muslim. Allah lebih mengetahui segala-galanya.

LAMPIRAN D

MUTIARA KATA

MUTIARA KATA PARA IMAM AHLU L-BAIT A.S

TENTANG ABU BAKR DAN UMAR

Pengenalan.

Musuh-musuh mazhab Ahlu l-Bait a.s terutamanya kaum Wahabi mempamirkan bahawa para Imam Ahlu l-Bait a.s bersikap lunak terhadap Abu Bakr dan Umar; kerana mereka menerima pemerintahan mereka berdua dengan ikhlas tanpa *taqiyyah*. Justeru itu, mereka meletakkan segala kebencian dan permusuhan mereka secara lahir ke atas Syiah atau pengikut-

pengikut para Imam a.s; kerana menentang mereka berdua. Dan bukan terhadap para Imam mereka secara keseluruhannya.

Lantaran itu, Syiah dihukum sesat, dikafir, dihina, dicurigai, disisih, diusir, dipenjara, tanpa hak kemanusian lagi, malah ada yang dibunuh sepanjang abad. Sepatutnya mereka juga menghukum para Imam Ahlu l-Bait a.s ; Ali, al-Hasan, al-Husain, Ali Zainal Abidin, Muhammad al-Baqir, Ja'far al-Sadiq, Musa al-Kazim, Ali al-Ridha, Muhammad al-Jawad, Ali al-Hadi, al-Hasan al-Askari, dan Muhammad al-Mahdi a.s sebagai sesat,dan kafir sebagaimana dilakukan oleh Khawarij, tetapi mereka tidak berani melakukan sedemikian, kerana orang ramai akan mengetahui permusuhan dan kebatilan hukum mereka tentang para Imam Ahlu l-Bait Rasulullah saw yang mentaati Allah dan Rasulullah-Nya saw sepenuhnya.

Mereka berkata: Syiah mencaci dan mengkafir Abu Bakr dan Umar. Sementara para Imam Ahlu l-Bait a.s tidak mengkafirkan mereka berdua. Lantaran itu, terjemahan ini mendedahkan mutiara kata atau pendapat para Imam Ahlu l-Bait a.s tentang Abu Bakr dan Umar secara khusus tanpa *taqiyyah*. Ia adalah terjemahan dari beberapa bahagian daripada Bab (20) "*Kufr al-Thalaathah wa Nifaqu-hum wa Fadhaa'ih A'maali-him wa Qabaa'ih Aathari-him wa Fadhl al-Tabbarri min-hum wa la'anu-hum"* (Kekafiran bertiga, nifaq mereka, kejahatan amalan mereka,keburukan perjalanan mereka, kelebihan membebaskan diri daripada mereka, dan kelebihan melaknati mereka) di dalam buku *Bihar al-Anwar*, karangan al-'Allamah al-Majlisi, jilid, 30, Beirut, 1995.

Terjemahan teks.

Ahmad b.Muhammad daripada Umar b.Abdu l-Aziz daripada Ahmad b.Fudhail daripada al-Thumaali daripada Ali b.al-Husain a.s, dia berkata kepadanya: Aku ingin bertanya kepada anda mengenai fulan dan fulan? Beliau menjawab: Segala laknat Allah ke atas mereka berdua.Mereka berdua mati-Demi Allah-dalam keadaan kafir-musyrik (*kaafiraini musyrikaini*) dengan Allah yang Maha Besar (*Bihar al-Anwar*, 30, hlm. 145)

Tafsir Ali bin Ibrahim al-Qummi,1,hlm.383: Ali bin Ibrahim berkata tentang firman-Nya Surah al-Nahl 16: 25 "*Supaya mereka memikul dosa mereka secukupnya pada hari Kiamat dan sebahagian dosa orang yang mereka sesatkan tanpa ilmu pengetahuan*" Beliau berkata: Mereka memikul dosa-dosa mereka-iaitu mereka yang telah merampas hak Amir al-Mukminin a.s dan dosa setiap orang yang telah mengikut mereka,iaitu kata-kata Imam Ja'far al-Sadiq a.s: Demi Tuhan! Tidak ada darah yang mengalir, tidak ada pertengkaran yang berlaku, tidak dirampas kemaluan haram (*Farjun*

haraamun), tidak diambil harta tanpa halalnya, melainkan dosa sedemikian itu pada tengkuk mereka berdua, tanpa mengurangkan sedikitpun dosa-dosa orang lain. (*Bihar al-Anwar,* 30, hlm. 149)

Tafsir Ali bin Ibrahim al-Qummi, ii, hlm.197: Ali bin Ibrahim berkata tentang firman-Nya di dalam Surah al-Ahzab (33):66-68 " *Pada hari muka-muka mereka dibalik-balikkan dalam neraka"* adalah kinayah kepada mereka yang telah merampas hak Ali muhammad(keluarga Muhammad): *" Mereka berkata: Aduhai kiranya! Kami telah mentaati Allah dan Rasul-Nya"* iaitu tentang Amir al-Mukminin a.s.*Mereka berkata: Ya Tuhan kami,sesungguhnya kami telah mentaati orang-orang yang mulia kami dan pembesar-pembesar kami,maka mereka telah menyesatkan kami dari jalan (Engkau)(al-Sabil)*"' mereka adalah dua lelaki (*Humaa rajulaani*), "*Orang-orang yang mulia kami dan pembesar-pembesar kami*" adalah mereka berdua yang telah memulakan kezaliman terhadap mereka dan merampas hak mereka. Dan firman-Nya " *Maka mereka telah menyesatkan kami dari jalan*" iaitu jalan syurga. *Al-sabil* adalah Amir al-Mukminin a.s.Kemudian mereka berkata: "*Ya Tuhan kami, gandalah azab terhadap mereka dua kali lipat dan laknatilah mereka dengan laknat yang besar"* Sesungguhnya *al-Insan* "manusia" di dalam firman-Nya Surah al-Ahzab33: 72 "*Kemudian amanah itu dipikul oleh manusia (al-Insan). Sesungguhnya manusia adalah zalim dan jahil*" adalah Abu Bakr.(*Bihar al-Anwar*, 30, hlm. 152-3)

Tafsir Ali bin Ibrahim al-Qummi,ii,hlm.207: Ahmad bin Idris, daripada Ahmad bin Ahmad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Hassan, daripada Hasyim bin 'Ammar tentang firman-Nya di dalam Surah Fatir (35): 8 "*Adakah mereka yang dihiaskan kepadanya kejahatan amalannya,maka dia melihatnya baik,sesungguhnya Allah menyesatkan mereka yang Dia kehendaki, dan Dia memberi hidayat kepada siapa yang Dia kehendaki, maka janganlah kamu berdukacita ke atas mereka.Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang mereka lakukan*" Beliau berkata: Ayat ini diturunkan kepada Zuraiq (Abu Bakr) dan Habtar (Umar) (*Bihar al-Anwar*, 30, hlm. 153)

Daripada Sa'dan daripada seorang lelaki, daripada Abu Abdillah a.s mengenai firman Allah swt Surah al-Baqarah: 284 "*Sekiranya kamu menzahirkan apa yang ada pada diri kamu atau menyembunyikannya, maka Allah menghitungnya. Maka dia mengampuni siapa yang Dia kehendaki dan menyiksa siapa ynag Dia kehendaki*" Dia (Abu Abdullah) berkata: Adalah menjadi hak Allah tidak memasukkan ke dalam Syurga mereka yang mempunyai kecintaan kepada mereka berdua meskipun sebesar biji sawi (*Ibid*, hlm. 215).

Ali, daripada bapanya, daripada Hannan, daripada bapanya, daripada Abu Ja‘far a.s, dia berkata: Sesungguhnya Dua Syaikh telah meninggal dunia dalam keadaan tidak bertaubat (*Inna syaikhaini faaraqaa al-Dunya wa lam yatubaa*), dan mereka berdua tidak mengingati apa yang mereka telah lakukan terhadap Amir al-Mukminin a.s (*wa lam yazkuraa ma sana'aa bi- Amir al-Mu'minin a.s, fa-‘alai-hi-maa la'natullah wa l-Malaa'katu wa al-Naasu ajma'iin*). Maka laknat Allah, laknat para Malaikat dan seluruh manusia ke atas mereka berdua. (*Ibid*, hlm. 269.

Dengan isnad ini, dia berkata: Aku telah bertanya Abu Ja‘far a.s, maka beliau menjawab: Wahai Abu al-Fadhl? !Demi Allah, tidak seorang daripada kami meninggal Dunia melainkan dia memarahi mereka berdua. Tidak seorang daripada kami pada hari ini melainkan memarahi mereka berdua;yang tua kami memberi wasiyat kepada yang muda kami bahawa sesungguhnya mereka berdua telah menzalimi hak kami,menghalang kami daripada *Fai'* kami. Mereka berdua adalah orang pertama yang menghina kami. Mereka berdua telah memalukan kami dalam Islam di mana ia tidak dapat ditutupi selama-lamanya sehingga datangnya *Qaim* kami atau seorang yang bercakap di pihak kami.

Kemudian dia berkata: Demi Allah! Sekiranya datang *Qaim* kami atau seorang yang bercakap di pihak kami, nescaya dia akan mendedahkan tentang mereka berdua dari apa yang dirahsiakannya, dan akan menyembunyikan tentang mereka berdua dari apa yang telah zahir. Demi Allah! Tidak berlaku sesuatu bala' atau bencana ke atas kami Ahlu l-Bait melainkan mereka berdua telah mengasaskannya pada mulanya *(Wa Llahi,ma ussisat min baliyyatin wala qadhiyyatin tajri ‘alai-na ahlu l-bait illa hummaa assasaa awwala-ha, fa-'alaihi-maa la'natullahi wa l-Malaikati wa al-Nasi ajma'ain*). Maka di atas kedua-duanya laknat Allah,Para Malaikat,dan seluruh manusia. (*Ibid,* hlm. 269.

Diriwayatkan daripada al-Asbagh b.Nubatah, Rusyaid al-Hajari, Abu Kudaibah al-Asadi, dan para sahabat Ali a.s yang lain dengan sanad yang bermacam-macam. Mereka berkata: Kami duduk di Masjid, tiba-tiba keluar Amir al-Mukminin daripada pintu kecil memberi isyarat dengan tangannya di sebelah kirinya sambil berkata: Tidakkah kamu melihat apa yang aku lihat? Kami berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Apakah yang anda sedang melihatnya? Dia menjawab: Aku sedang melihat Abu Bakr ‘Atiq di Neraka (*sadf al-Naar*) sedang memberi isyarat dengan tangannya kepadaku dan berkata: Pohonlah keampunan untukku (*astaghfir-li*), Allah tidak akan mengampuninya. Abu Kudaibah menambah: Sesungguhnya Allah tidak meredhai mereka berdua sehingga mereka berdua meredhaiku (Ali a.s). Demi Allah, mereka berdua tidak akan meredhaiku selama-lamanya.Kemudian

ditanya tentang "*al-sadf*", beliau menjawab: Azab yang besar (*al-Wahdah al-'Azimah*). *(Ibid*, hlm. 378.

Daripada al-Harith al-A'war, dia berkata: Aku masuk berjumpa Ali a.s pada suatu malam, maka beliau berkata kepadaku: Apakah yang membuat kamu datang pada masa ini? Aku menjawab: Kerana cintakan anda, wahai Amir al-Mukminin! Beliau berkata: Allah. Aku berkata: Allah. Beliau berkata: Bolehkah aku memberitahu anda orang yang paling bermusuhan dengan kami, dan orang yang paling bermusuhan dengan orang yang mencintai kami? Aku menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin. Demi Allah, aku telah menyangkakannya. Beliau berkata: Jelaskan sangkaan anda itu. Aku berkata: Abu Bakr dan Umar. Beliau berkata: datang berhampiranku, wahai A'war, maka aku menghampirinya. Kemudian beliau berkata: Bebaskan diri anda daripada mereka berdua (*ibra' min-humaa*), nescaya Allah dan Rasul-Nya bebas daripada mereka berdua *(bari'a Llahu min-humaa*). Di dalam riwayat yang lain beliau berkata: Demi Yang memecahkan biji dan yang menghidupkan jiwa. Sesungguhnya mereka berdua telah menzalimiku tentang hakku, mengeruhkan kehidupanku,irihati terhadapku, dan menyakitiku. Sesungguhnya ahli Neraka akan terseksa dengan laungan mereka berdua, dan penghinaan Rasulullah dan keluarganya terhadap mereka berdua. *(Ibid*, hlm.379).

Dia berkata: Mereka meriwayatkan daripada 'Ammarah,dia berkata:Aku telah duduk di sisi Amir al-Mukminin a.s di mana beliau berada di sebelah kanan Masjid Kufah di sisinya orang ramai. Tiba-tiba seorang lelaki memberi salam kepadanya, kemudian dia berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Demi Allah, sesungguhnya aku mencintai anda. Maka beliau menjawab: Sesungguhnya aku, Demi Allah,tidak mencintai anda, bagaimana cinta anda kepada Abu Bakr dan Umar? Maka dia menjawab: Aku mencintai kedua-duanya sepenuh cinta. Beliau berkata lagi:Bagaimana cinta anda kepada Uthman? Dia menjawab: Cinta kepadanya telah menunjang di lubuk hatiku. Maka Ali a.s berkata: Aku adalah Abu l-Hasan. (*Ibid*,hlm.379).

Dia berkata: Mereka meriwayatkan daripada Sufyan daripada Fudhail b. al-Zubair daripada Nuqai', daripada Abu Kudaibah al-Azadi, dia berkata: Seorang lelaki telah berdiri di sisi Amir al-Mukminin a.s, lalu dia bertanya kepadanya tentang firman-Nya Surah al-Hujarat(49):1 " *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya…*" kepada siapakah ia diturunkan? Beliau menjawab: Apakah anda mahu? Adakah anda mahu mempersendakanku kepada orang ramai? Dia menjawab: Tidak, wahai Amir al-Mukminin, tetapi aku mahu mengetahuinya. Beliau berkata: Persilakan duduk, persilakan duduk, maka beliau berkata: Tuliskan sahaja 'Amiran, tuliskan Mu'ammaran, tuliskan 'Umar, tuliskan 'Ammaran, tuliskan Mu'tamaran… salah satu daripada yang

lima nama ia diturunkan. Sufyan berkata: Aku berkata kepada Fudhail: Apakah anda fikir ianya Umar? Dia menjawab: Siapa lagi selain daripadanya.

Dia berkata: Mereka meriwayatkannya daripada al-Munzir al-Thauri, dia berkata: Aku telah mendengar al-Husain b.Ali a.s berkata: Sesungguhnya Abu Bakr dan Umar telah bersandar kepada khilafah-sepatutnya hak kami-maka mereka berdua telah menjadikannya untuk kami satu saham seperti saham nenek (*Jiddah).* Demi Allah, mereka berdua berhasrat memohon syafaat kami di hari orang ramai memohon syafaat kami.

Dia berkata: Mereka meriwayatkan daripadanya(al-Husain) a.s-seorang lelaki telah bertanya kepadanya mengenai Abu Bakr dan Umar, maka beliau menjawab: Demi Allah, mereka berdua telah menghilang dan menghapuskan hak kami, menduduki kedudukan di mana kami lebih berhak daripada mereka berdua, memijak kepala kami, dan membawa orang ramai menentang kami (*dhayya'aa-naa wa dhahabaa bi-haqqi-naa,wa jalasaa majlisan kunnaa ahaqqu bi-hi min-humaa,wa wati'aa 'alaa a'naaqi-na,wa hamilaa-al-Naasa 'alaa riqaabi-na).*

Dia berkata: Mereka meriwayatkan daripada Abu al-Jaruud Ziyad b.al-Munzir, dia berkata: Ditanya Ali b.al-Husain a.s tentang Abu Bakr dan Umar? Maka beliau menjawab: Mereka berdua telah melakukan kezaliman terhadap bapa-bapa kami, mereka berdua telah menduduki jalan kami (*idhtaja'aa bi-sabili-naa*), dan mereka berdua telah membuat orang ramai menentang kami.

Daripada Abu Ishaq, sesungguhnya dia berkata:Aku telah mengiringi (*sahabtu)* Ali b. al-Husain di antara Makkah dan Madinah, maka aku bertanya kepadanya mengenai Abu Bakr dan Umar apakah pendapat anda tentang mereka berdua? Beliau menjawab:Mudah-mudahan aku akan memberi pendapatku mengenai mereka berdua; Allah tidak merahmati mereka berdua (*La rahimahumaa-Llahu*) dan tidak mengampuni mereka berdua(*wa la ghafira-lahumaa).*

Daripada al-Qasim b.Muslim,dia berkata:Aku telah berada bersama Ali b.al-Husain a.s, aku memasukkan tanganku ke tangannya, maka aku berkata: Apa pendapat anda tentang dua lelaki ini? Adakah aku membebaskan diriku daripada musuh mereka berdua? Maka beliau lantas memarahiku dan mencabut tangannya dari tanganku, kemudian beliau a.s berkata: Waihak! Aduhai anda! Wahai Qasim! Mereka berdua adalah orang yang pertama menzalimi bapa-bapa kami, menduduki jalan kami, membawa orang ramai menentang kami, dan menduduki kedudukan di mana kami lebih berhak daripada mereka berdua (*wa jalasaa majlisan kunna ahaqqu bi-hi min-humaa).*

Daripada Hakim b. Jubair, dia berkata:Ali b.al-Husain a.s berkata: Kamu memerangi kerana Uthman semenjak enam puluh tahun, maka bagaimana jika kamu membebaskan diri kamu kalian daripada Dua Berhala Quraisy? Dia berkata: Mereka meriwayatkan daripada Surah b.Kulaib, dia berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang Abu Bakr dan Umar? Beliau menjawab: Mereka berdua adalah orang yang telah menzalimi hak kami, dan membuat orang ramai menentang kami. Maka aku telah mengulangi perkara yang sama sebanyak tiga kali, maka beliau menjawab pertanyaanku sebanyak tiga kali. Kemudian aku mengulanginya pada kali keempat, maka beliau berkata:

Bagi mereka yang mempunyai sifat yang lembut
sebelum hari ini,tidak mengguna kekerasan (ma tuqra'u l- 'Asaa)
Dan tugas ilmu manusia hanya untuk mengetahui

Dan mereka meriwayatkan daripada Busyir b. Arakah al-Nabbal, dia berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang Abu Bakr dan Umar, maka beliau berkata di dalam keadaan marah. Apakah yang anda mahu daripada Dua Berhala Arab? Kamu diperangi di atas darah Uthman b. 'Affan, bagaimana jika kamu menzahirkan pembebasan *(al-Baraa'ah*) daripada mereka berdua.Lantaran itu mereka itu tidak akan berbincang dengan kamu meskipun sekejap?! (*Ibid,*hlm.383)

Daripada Hajr b. al-Bajali, dia berkata:Aku telah menjadi syak tentang kedudukan dua lelaki ini (*syakaktu fi amri al-Rajulaini),* maka aku datang ke Madinah. Maka aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya orang pertama yang telah menzalimi kami, merampas hak kami, dan membuat orang ramai menentang kami adalah Abu Bakr dan Umar. Dan beliau a.s berkata: Jika Ali mendapati pembantu-pembantu, nescaya beliau telah memenggal kepala mereka berdua (*Lau wajada 'aliyyun a'waanan la-dharaba a'naaqa-humaa).*

Daripada salam b.Sa'id al-Makhzumi, daripada Abu Ja'far a.s, beliau berkata: Tiga orang di mana amalan mereka tidak naik ke langit, dan tidak diterima amalan mereka: S iapa yang mati di dalam keadaan memarahi kami Ahlu l-Bait di hatinya (*man maata wa lana ahlu l-Bait fi qalbi-hi baghdhun*), mereka yang mewalikan musuh kami(*wa man tawalla 'aduwwa-na*), dan mereka yang mewalikan Abu Bakr dan Umar *(man tawalla Abu Bakr wa Umar).*

Daripada Ward b.Yazid-Saudara lelaki al-Kumait-berkata: Kami telah bertanya Muhammad b.Ali a.s tentang Abu Bakr dan Umar?Maka beliau berkata: Siapa yang telah mengetahui bahawa sesungguhnya Allah menghukum dengan penuh keadilan, dia akan membebaskan diri daripada

mereka berdua. Tidak ada titisan darah yang mengalir melainkan ditanggung oleh mereka berdua (*ma min mahjamati dammin yuhraaqu illa wa hiya fi riqabi-himaa)* (*Ibid,*hlm. 383)

Daripada Muhammad b. Ali a.s,beliau ditanya tentang Abu Bakr dan Umar, maka beliau a.s menjawab: Mereka berdua adalah orang pertama yang telah menzalimi kami, merampas hak kami, menentang kami, dan membuka ke atas kami satu pintu*(baban*) di mana ia tidak dapat ditutupi lagi sehingga Hari Kiamat (*wa fataha 'alaina baban la yasuddu-hu syai'un ilaa yaumi l-Qiyamah, falaa ghafira Llahu la-humaa zalma-humaa iyyaanaa).* Justeru itu, Allah tidak mengampuni mereka berdua di atas kezaliman mereka berdua ke atas kami.

Daripada Salim b. Abu Hafsah,dia berkata: Aku berjumpa Abu Ja'far a.s, maka aku berkata: Para Imam kami, dan pembesar-pembesar kami,kami mewalikan orang yang kamu mewalikan mereka (*nuwalli man waalai-tum)*, kami memusuhi mereka yang kamu memusuhi(*wa nu'adi man'aadaitum),* dan kami membebaskan diri kami daripada musuh kamu. Maka beliau berkata: Alangkah bahagianya wahai Syaikh! Adakah kata-kata anda itu benar,wahai Syaikh!Aku menjawab: Aku jadikan diriku sebagai tebusan anda; ia adalah benar. Beliau a.s berkata: Apa pendapat anda tentang Abu Bakr dan Umar? Dia berkata: Dua Imam yang adil *rahimahuma-Llahu*? Beliau a.s berkata: Demi Allah! Anda telah berkongsi di dalam perkara ini dengan orang di mana Allah tidak menjadikan habuan (*nasiiban*) untuknya padanya *(khilafah*). (*Ibid,* hlm. 383)

Daripada Fudhail b.al-Rassan, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Abu Bakr dan Syiahnya bagaikan Fir'aun dan Syiahnya. Ali dan Syiahnya bagaikan Musa dan Syiahnya (*mathalu Abi Bakr wa syi'atu-hu mathalu Fir'aun wa syi'atu-hu, wa mathalu Ali wa syi'atu-hu mathalu Musa wa syi'atu-hu).*

Diriwayatkan daripada Abu Ja'far a.s tentang firman-Nya Surah al-Tahrim (66):3 "*Apabila Nabi saw merahsiakan kepada sebahagian isterinya satu percakapan...*", beliau berkata: Beliau saw telah merahsiakan kepada kedua-dua isterinya tentang Maryam al-Qibtiyyah, dan beliau juga merahsiakan kepada mereka berdua bahawa sesungguhnya Abu Bakr dan Umar akan mengambil jawatan *khilafah* selepasnya secara zalim, jahat dan penipuan (*zaalimaini faajiraini ghaadiraini) .(Ibid*, hlm. 384)

Mereka meriwayatkan daripada 'Ubaid b.Sulaiman al-Nakha'i daripada Muhammad b.al-Husain b.Ali b.al-Husain a.s daripada anak saudara lelakinya al-Arqat, dia berkata: Aku berkata kepada Ja'far b.Muhammad: Wahai bapa saudaraku!(*yaa 'Ammah!)* Aku khuatir kematian ke atas diriku dan di atas anda berlaku tanpa penerangan tentang

kedudukan dua lelaki ini. Maka Ja‘far a.s berkata kepadaku: Bebaskan diri anda daripada mereka berdua (*Ibra’ min-humaa),* nescaya Allah dan Rasul-Nya membebaskan anda daripada mereka berdua (*baria Llahu wa Rasulu-hu min-humaa). (Ibid*, hlm. 384).

Daripada Abdullah b.Sinan, daripada Ja‘far b.Muhammad a.s, dia berkata: Beliau a.s berkata kepadaku: Abu Bakr dan Umar adalah dua berhala Quraisy di mana mereka menyembah mereka berdua (*sanamai Quraisy alladhaani ya‘buduna-humaa)*

Daripada Ismail b.Yasar, dan orang lain, daripada Ja‘far b.Muhammad a.s dia berkata: Apabila beliau menyebut Umar, beliau mengatakan bahawa Umar adalah anak zina (*zannaa-hu).* Dan apabila beliau menyebut Abu Ja‘far al-Dawaaniq, beliau mengatakan bahawa Abu Ja‘far al-Dawaaniq, adalah anak zina (*zannaa-hu*). (*Ibid*, hlm. 384)

Dia berkata: Banyak riwayat daripada Ali b. al-Husain, Muhammad b. Ali, dan Ja‘far b.Muhammad a.s menurut saluran yang bermacam-macam, sesungguhnya mereka berkata: Tiga jenis orang di mana Allah tidak akan melihat kepada mereka pada Hari Kiamat, dan tidak akan membersihkan mereka serta bagi mereka azab yang pedih. Siapa yang yang menyangka bahawa dia adalah seorang imam, tetapi dia bukanlah imam. Siapa yang mengingkari *Imamah* imam daripada Allah, dan siapa yang menyangka bahawa mereka berdua mendapat *imamah* sebagai nasib mereka berdua di dalam Islam. Dan riwayat-riwayat lain selain dari apa yang kami telah menyebutkannya,dan daripada Anak-anak lelaki mereka a.s bahawa ianya menjadi perkara umum di dalam agama mereka bahawa mereka berpendapat bahawa orang yang mendahulu Amir al-Mukminin a.s dan siapa yang beragama dengan agama mereka adalah kafir(*kuffar*). Lantaran itu riwayat-riwayat yang kami kemukakan adalah mencukupi bagi tujuan tersebut sebagai bukti(*istizharaan)*. Sesungguhnya riwayat-riwayat sama ada dilakukan secara khusus (*al-Khaassah*) atau umum (*al-‘Aammah*) daripada jema‘ah pemuka-pemuka agama adalah diambil daripada para Imam a.s:

Mereka meriwayatkan daripada Mu‘ammar b. Khaitham, dia berkata: Zaid b. Ali telah mengutusku sebagai pendakwah, maka aku berkata: Aku jadikan diriku sebagai tebusan anda. Syi’ah tidak akan menyahut seruan kita. Sesungguhnya Syi’ah tidak akan menyahut seruan kita kepada wilayah Abu Bakr dan Umar. Beliau berkata kepadaku: Aduhai anda! Seorang itu lebih mengetahui tentang kezalimannya daripada kami. Demi Allah, sekiranya anda berkata bahawa sesungguhnya mereka berdua telah melakukan kezaliman dalam hukum, nescaya anda berbohong. Sekiranya anda berkata bahawa mereka berdua telah mengambil *al-Fai’* untuk menjadi kaya, nescaya anda berbohong, tetapi mereka berdua adalah orang pertama

yang telah menzalimi hak kami, dan membawa orang ramai menentang kami. Demi Allah, aku memarahi anak-anak mereka berdua kerana kemarahanku terhadap bapa-bapa mereka berdua,tetapi jika anda menyeru orang ramai kepada apa yang kamu katakan, nescaya mereka membunuh kita sekaligus.*(Ibid*, hlm. 384)

Mereka meriwayatkan daripada Muhammad b.Furat al-Jurmi, dia berkata: Aku telah mendengar Zaid b.Ali berkata: Sesungguhnya kami terserempak keluarga Umar di tempat mandi (*hammaam*), maka mereka mengetahui bahawa kami tidak sukakan mereka, dan mereka pula tidak sukakan kami. Demi Allah! Sesungguhnya kami memarahi anak-anak mereka, kerana memarahi bapa-bapa mereka. (*Ibid*, hlm. 385)

Mereka meriwayatkan daripada Fudhail b.al-Zubair, dia berkata: Aku telah bertanya Zaid b. Ali a.s: Apa pendapat anda tentang Abu Bakr dan Umar? Beliau menjawab: Katakan mengenai mereka berdua sebagaimana kata Ali: Tahankan lidah anda sebagaimana beliau menahan lidahnya, janganlah anda melebihi kata-katanya. Aku berkata: Beritahuku tentang hatiku adakah aku telah menjadikannya? Beliau menjawab: Tidak.Aku berkata: Sesungguhnya aku naik saksi ke atas Yang telah menjadikannya. Sesungguhnya Dia telah meletak di hatiku memarahi mereka berdua *Innahu wadha'a fi qalbii baghdha-humaa*). Bagaimana aku mengeluarkannya dari hatiku? Maka beliau pun duduk seketika dan berkata: Aku, demi Allah, tiada tuhan melainkan Dia, sesungguhnya aku memarahi anak-anak mereka berdua kerana kemarahanku terhadap mereka berdua.Kerana mereka apabila mendengar cacian (*sabb*) terhadap Ali a.s, mereka bergembira.

Mereka meriwayatkan daripada al-Abbas b.al-Walid al-Aghdari, dia berkata: Ditanya Zaid b.Ali tentang Abu Bakr dan Umar, maka beliau tidak menjawab tentang mereka berdua. Manakala beliau terkena lontaran panah (*asaabat-hu al-Ramiyyah*), maka beliau mencabut panah dari mukanya. Kemudian tangannya berlumuran darah seperti hati. Maka beliau berkata: Di manakah orang yang bertanya tentang Abu Bakr dan Umar? Mereka berdua adalah bersekutu di dalam darah ini (*humaa syurakaa' fi hadha al-damm).*Kemudian beliau mencampakkannya ke arah belakangnya.(*Ibid.)*

Daripada Nafi‘ al-Thaqafiyyi-Dia sempat berjumpa zaid b. Ali-, dia berkata: Seorang lelaki telah bertanya kepadanya tentang Abu Bakr dan Umar, beliau berdiam, tanpa memberi jawapan kepadanya.Tetapi apabila ditikam, beliau bertanya: Di manakah orang yang bertanya tentang Abu Bakr dan Umar tadi? Mereka berdualah yang membuatku berada di tempat ini.(*Ibid*, hlm. 385).

Mereka meriwayatkan daripada Ya‘qub ‘Adi, dia berkata: Ditanya Yahya b. Zaid tentang mereka berdua-pada masa itu kami berada di

Kharasan dan telah bertembung dua kumpulan-, maka beliau berkata:mereka berdualah yang telah membuat kita berada di tempat ini. Demi Allah, mereka berdua adalah tercela dan sesungguhnya mereka berdua telah berhasrat untuk membunuh Amir al-Mukminin a.s.

Mereka meriwayatkan daripada Qulaib b.Hammad, daripada Musa b. Abdullah b. al-Hasan, dia berkata:Aku berada bersama bapaku di Makkah, maka aku telah bertemu seorang lelaki dari Taif, Maula Thaqif. Dia sempat berjumpa Abu Bakr dan Umar.Maka bapaku telah menasihatinya supaya bertakwa kepada Allah, maka lelaki itu berkata: Wahai Abu Muhammad!Aku bertanya anda dengan nama Tuhan Bait al-Haram! Adakah mereka berdua telah melakukan solat ke atas Fatimah? Beliau menjawab: Wahai Tuhanku! Tidak.Dia berkata: Manakala lelaki itu pergi, Musa pun berkata:Aku mencacinya dan mengkafirkannya. Kemudian dia berkata: Wahai anakku! Janganlah anda mencacinya dan janganlah anda mengkafirkannya.Demi Allah! Mereka berdua telah melakukan perbuatan yang besar (*La-qad fa'alaa fi'lan 'aziiman).* (*Ibid,* hlm. 386).

Di dalam riwayat yang lain, wahai anakku! Janganlah anda mengkafirkannya. Demi Allah! Mereka berdua tidak melakukan solat ke atas Rasulullah s.a.w, selama tiga malam mereka tidak mengkafankannya. Mereka berdua sibuk dengan perjanjian yang mereka memeteraikannya (*khilafah).* Mereka meriwayatkan bahawa Yazid b.Ali al-Thaqafi mendatangi Abdullah b.al-Hasan di makkah, maka dia berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah!Adakah anda ketahui bahawa mereka telah menghalang Fatimah a.s binti Rasulullah saw dari pusakanya? Beliau menjawab: Ya.

Dia berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah! adakah anda mengetahui bahawa Fatimah a.s telah mati di dalam keadaan beliau tidak bercakap kepada mereka berdua-iaitu Abu Bakr dan Umar-Dan beliau telah berwasiat supaya mereka berdua tidak melakukan solat ke atas nya? Beliau menjawab: Ya. Dia berkata: Aku bertanya anda dengan nama Allah! Adakah anda mengetahui bahawa Ali tidak memberi baiah kepada mereka berdua sehingga beliau dipaksa? Beliau menjawab: Ya. (*Ibid ,*hlm. 386)

Dia berkata: Aku naik saksi di hadapan anda bahawa sesungguhnya aku membebaskan diriku daripada mereka berdua. Dan aku adalah di atas pendapat Ali dan Fatimah a.s. Musa berkata: Ketika aku berhadapan dengannya, maka bapaku berkata: Wahai anakku! Demi Allah bahawa sesungguhnya mereka berdua telah melakukan perkara yang besar(*atayaa amran 'aziiman).*

Mereka meriwayatkan daripada makhul b.Ibrahim, dia berkata: Musa b. Abdullah b. al-Hasan telah memberitahuku dan menyebut mereka

berdua, maka beliau berkata: Katakan kepada mereka bahawa kami bersedih *(ma'tam*) di atas kematian Fatimah a.s. Beliau mati di dalam keadaan marah terhadap mereka berdua. Maka kami memarahi kerana kemarahannya dan kami redha dengan keredhaannya. Apabila datang keredhaannya, kami redha. (*Ibid,* hlm. 387)

Makhul berkata: Aku telah bertanya Musa b.Abdullah tentang Abu Bakr dan Umar, maka beliau berkata kepadaku: Perkara yang aku benci menyebutkannya. Aku berkata kepada Makhul:Beliau berkata tentang mereka berdua lebih berat daripada *al-Zulm* (kezaliman), *al-Fujuur* (kejahatan), dan *al-Ghadar* (penipuan)?! Dia menjawab: Ya.

Makhul berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang mereka berdua satu kali, maka beliau berkata: Adakah anda mengiraku *tabarriyan* (pembebasan diri)? Kemudian beliau berkata mengenai mereka berdua perkataan yang buruk (*qaulan sayyian*).

Daripada Ibn mas'ud, dia berkata: Aku telah mendengar Musa b. Abdullah berkata: Mereka berdua adalah orang pertama yang menzalimi kami tentang hak kami, pusaka kami (*miirath)* daripada Rasulullah saw, menentang kami, lalu orang ramai menentang kami.
Mereka meriwayatkan daripada Yahya b.Musawir , dia berkata:Aku telah bertanya Yahya b. Abdullah b.al-Hasan tentang Abu Bakr dan Umar? Beliau berkata kepadaku: Bebaskan diri anda daripada mereka berdua (*ibra' min-humaa*).

Mereka meriwayatkan daripada Abdullah b. Muhammad b. Umar b.Ali b.Abi Talib a.s, beliau berkata: Aku telah menyaksi bapaku Muhammad b. Umar b. al-Hasan-beliau telah berada bersama al-Husain di Karbala'. Syiah menganggap kedudukannya seperti kedudukan Abu Ja'far a.s; mereka mengetahui haknya dan kelebihannya. Dia berkata: Maka beliau bercakap tentang Abu Bakr, maka Muhammad b. Umar b. al-Hasan b.Ali b. Abi Talib kepada bapaku: Diam! Sesungguhnya anda adalah lemah *('aajizun)* . Demi Allah, sesungguhnya mereka berdua adalah bersekutu dalam darah al-Husain a.s (*inna-humaa la-syurakaa'u fi dammi al-Husain).*(*Ibid,* hlm. 388)

Di dalam riwayat yang lain, beliau berkata: Demi Allah, mereka berdua telah dikeluarkan oleh Rasulullah saw dari Masjidnya ketika itu mereka masih hidup. Kemudian mereka berdua dimasukkan ke dalam rumahnya dalam keadaan bangkai (*jiifah)* .

Mereka meriwayatkan daripada Abu Huzaifah-dari penduduk Yaman,seorang yang mulia dan zuhud-dia berkata: Aku telah mendengar Abdullah b. al-Hasan b. Ali b. al-Husain a.s beliau pada masa itu sedang melakukan tawaf di Ka'bah, maka beliau berkata: Demi Tuhan Ka'bah, Tuhan

al-Rukn, dan Tuhan Hajr al-Aswad,tidak terpancar setitik darah daripada kami dan daripada Muslimin melainkan ia di atas tengkuk mereka berdua (*maa qatarat minnaa qatratu dammin walaa qatarat min dimaa' al-muslimin qitratun illa wa-huwa fi a'naqi-himaa)*-iaitu Abu Bakr dan Umar.

Mereka meriwayatkan daripada Ishaq b. Ahmar, dia berkata:Aku telah bertanya Muhammad b. al-Hasan b. Ali b. al-Husain a.s,aku berkata: Adakah boleh aku melakukan solat di belakang orang yang mewalikan Abu Bakr dan Umar? Beliau menjawab: Tidak, dan tidak ada *karaamah* (kemuliaan).

Mereka meriwayatkan daripada Abu al-Jarud, dia berkata: Ditanya Muhammad b. Umar b. al-Hasan b. Ali b. Abi Talib a.s tentang Abu Bakr dan Umar? Beliau menjawab: Kamu diperangi selama enam puluh tahun kerana kamu menyebut Uthman. Demi Allah jika kamu menyebut Abu Bakr dan Umar, nescaya darah kamu lebih halal di sisi mereka daripada darah kucing.(*Ibid* ,hlm. 388)

Mereka meriwayatkan daripada Urtat b.Habib al-Asadi, dia berkata: Aku telah mendengar al-Hasan b. Ali b. al-Husain al-syahid a.s dengan berkata: Mereka berdualah yang telah membuatkan kita jadi begini.Mereka berdualah yang menyangka bahawa Rasulullah saw tidak meninggalkan pusakanya kepada pewarisnya (*laa yuurith)*. Mereka meriwayatkan daripada Ibrahim b. Maimun daripada al-Hasan b. Muhammad b. Abdullah b. al-Hasan b.Ali a.s beliau berkata: Tidak seorangpun wanita daripada kami mengangkat pandangannya ke langit, lalu mengalir setitik air matanya melainkan ia terkena di atas tengkuk mereka berdua. (*Ibid,*hlm388.

Mereka meriwayatkan daripada Qulaib b.Hammad, dia berkata: Aku telah bertanya al-Hasan b.Ibrahim b.Abdullah b.Zaid b. al-Hasan dan al-Husain b. Zaid b. Ali a.s dan beberapa orang Ahl al-bait daripada seorang lelaki daripada para sahabat kami di mana dia tidak menyalahi kami melainkan apabila berakhir kepada Abu Bakr dan Umar, dia memilih *tawaqquf* dan syak kepada mereka berdua(*auqafa-humaa wa syakka fi amri-humma)*? Maka semua mereka berkata: Siapa yang mengambil sikap tunggu dan lihat(*tawaqquf)* tentang mereka berdua, maka dia adalah seorang yang sesat dan kafir (*man auqafa-humaa syakkan fi amri-humaa fa-huwa dhaallun kaafir)*.(*Ibid*, hlm. 389).

Mereka meriwayatkan daripada Muhammad b. al-Furat, dia berkata: Fatimah al-Hanafiyyah telah memberitahuku daripada Fatimah binti al-Husain bahawa sesungguhnya beliau memarahi Abu Bakr dan Umar serta mencaci mereka berdua (*Inna-haa kaanat tabghudgu Aba Bakr wa Umar wa tasubbu-humaa)*. Mereka meriwayatkan daripada Umar b. Thabit, dia berkata:

Abdullah b. Muhammad b. Aqil b. Abi Talib, beliau berkata: Sesungguhnya Abu Bakr dan Umar telah berlaku adil kepada orang ramai tetapi mereka berdua telah menzalimi kami (*‘adalaa fi al-Naas wa zalamaa-naa),* maka orang ramai tidak memarahi kami. Sesungguhnya Uthman telah menzalimi kami, dan menzalimi orang ramai (*inna Uthman zalama-naa wa zalama al-Naas*)*,* lalu mereka memarahinya, kemudian membunuhnya.

Mereka meriwayatkan daripada al-Qasim b.al-Jundab daripada Anas b. Malik, dia berkata: Ali a.s telah jatuh sakit tenat, aku telah duduk di sisi kepalanya. Maka Rasulullah saw duduk disampingnya bersama orang ramai yang memenuhi rumah. Maka aku pun bangun dari tempat dudukku, maka Rasulullah saw menduduki tempatku. Maka Abu Bakr memberi isyarat mata kepada Umar, maka dia pun berdiri dan berkata: Wahai Rasulullah saw! Sesungguhnya anda telah menjanjikan kepada kami satu janji, tetapi kami tidak fikir ia akan berlaku. Jika berlaku kepadanya sesuatu, maka kepada siapa? Maka Rasulullah saw berdiam tanpa memberi jawapan kepadanya. Kemudian dia memberi isyarat matanya kepadanya kali kedua, kemudian kali ketiga. Maka Rasulullah s.a.w mengangkat kepalanya, kemudian berkata: Sesungguhnya ini (Ali) tidak mati dari kesakitannya ini, beliau tidak mati sehingga kamu berdua akan membuatnya marah, kamu berdua akan melakukan penipuan, dan kamu berdua akan mendapatimya bersabar. (*Ibid,* hlm. 389)

Mereka meriwayatkan daripada Yazid b. Mu‘awiyah al-Bukali berkata: Aku telah mendengar Huzaifah b. al-Yaman berkata: Abu Bakr dilantik, maka dia menikam Islam dengan tikaman yang melemahkannya. Kemudian Umar pula dilantik, maka dia menikam Islam dengan tikaman yang menyelewengkannya (*wulliya Abu Bakr fa-ta’ana fi l-Islam ta’natan auhana-hu, thumma wulliya Umar fa-ta’ana fi l-Islam ta’natan maraqa min-hu).*

Di dalam riwayat yang lain, beliau r.a berkata: Abu Bakr memerintah kami, maka dia telah menikam Islam dengan satu tikaman. Kemudian Umar memerintah kami, maka dia meleraikan ikatannya. Kemudian Uthman memerintah kami, maka ia keluar daripadanya di dalam keadaan telanjang.*(‘uryaanan*)

Mereka meriwayatkan daripada Abban b.Taghlab daripada Hakam b.Uyainah, dia berkata: Apabila disebut Umar, maka dia melahirkan dukacitanya.Kemudian dia berkata: Dia memanggil Ibn abbas, maka dia meminta pendapatnya bagi memarahi Ali a.s. Mereka meriwayatkan daripada al-A’masy, dia berkata: Apabila wafatnya Nabi saw, tidak ada bagi mereka perkara lain selain dari berkata: Bagi kami seorang Amir dan bagi kamu seorang Amir. Aku tidak fikir bahawa mereka akan bahagia.

Mereka meriwayatkan daripada Mu'ammar b.Zaidah al-Wasya', ia berkata: Aku naik saksi kepada al-A'masy sesungguhnya aku telah mendengarnya berkata: Apabila tiba hari kiamat, Abu Bakr dan Umar akan dibawa ke Neraka seperti dua ekor sapi jantan yang menjerit.

Mereka meriwayatkan daripada sulaiman b. Abi al-Ward, dia berkata: Al-A'masy berkata ketika sakitnya yang membawa kepada kematiannya bahawa beliau bebas daripada mereka berdua dan menamakan mereka berdua. Aku berkata kepada al-Mas'udi: Namakan mereka berdua? Dia menjawab: Ya, Abu Bakr dan Umar. (*Ibid,*hlm.390).

Mereka meriwayatkan daripada Umar b.Zaidah,dia berkata: Kami berada di sisi Habib b.Abi Thabit, sebahagian orang ramai berkata: Abu Bakr adalah lebih baik daripada Ali, lantas Habib menjadi marah,kemudian dia berdiri dan berkata: Demi Allah, tiada tuhan melainkan Dia. Dan ayat ini diturunkan untuk mereka berdua, Surah al-fath(48): 6 "*Mereka berprasangka buruk terhadap Allah.Mereka akan mendapat giliran(kebinasaan)yang amat buruk,lalu Allah memarahi mereka dan melaknati mereka"*

Mereka meriwayatkan daripada Yahya b. al-Musawar daripada Abu al-Jarud,dia berkata: Sesungguhnya bagi Allah A.W dua bandar *(madiinataini*); bandar di Timur dan bandar di Barat yang sentiasa melaknati Abu Bakr dan Umar.

Mereka meriwayatkan daripada Ibn Abd al-Rahman, dia berkata: Aku telah mendengar Syarik berkata: Apakah pertalian mereka dengan Fatimah a.s? Demi Allah, mereka berdua telah menyakiti Rasulullah s.a.w di dalam makamnya.

Mereka meriwayatkan daripada Ibrahim b.Yahya al-Thauri, dia berkata: Aku telah mendengar Syarik pada ketika itu dia sedang ditanya oleh seorang lelaki: Wahai Abu Abdillah! Cinta kepada Abu Bakr dan Umar sunnat? Maka dia berkata kepada seorang lelaki: Pegang kainnya dan keluarkan dia dari sini, kenalilah mukanya dan jangan benarkan dia datang kepadaku lagi, wahai si bodoh! Sekiranya mencintai mereka berdua adalah sunnat, nescaya wajib di atas anda menyebut mereka berdua di dalam solat anda sebagaimana anda berselawat ke atas Muhammad dan aali Muhammad.(*Ibid*, hlm.391).

Kesimpulan

Tidak siapapun yang lebih tinggi dan mulia daripada Allah swt. Semua makhluk-Nya sama ada bergelar khalifah, sahabat, tabi'i, orang biasa seperti kita, dan lain-lain adalah wajib mentaati perintah-Nya. Ketaatan

kepada Rasul-Nya adalah ketaatan kepada Allah. Dan ketaatan kepada para Imam a.s adalah ketaatan kepada Rasulullah s.a.w. Sebarang keingkaran kepada perintah-Nya, perintah Rasulullah s.a.w, dan perintah para imam a.s, akan membawa seorang itu kepada kefasikan dan kekufuran.Saya berdoa agar semua muslimin di semua peringkat pada akhirnya akan dimasukkan ke syurga-Nya. Amin.

LAMPIRAN E

DOA AMIR A L-MUKMININ

Doa ini dikenali sebagai doa *Sanamai Quraysy* (Dua Berhala Quraysy). Doa ini dikaitkan dengan Amiru l-Mukminin Ali bin Abi Talib a.s dengan lafaz yang sedikit berbeza di mana beliau membacanya di dalam qunut Subuh. Kemudian dikuti pula oleh para Imam ahlu l-Bait a.s seperti Imam Ja‘far al-Sadiq, Imam Ali al-Ridha a.s dan lain-lain dengan penambahan “ Wahai Tuhanku! Laknatilah pembunuh Amiru l-Mukminin (*Allahumma! Il‘an qatalata Amiru l-Mukminin*), pembunuh al-Husain bin Ali anak lelaki kepada anak perempuan Rasulullah ”. (al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, Dar al-Ridha Bairut, 1995, 30 hlm.394-5) Perkataan “*Sanamai Quraysy*” adalah sindiran kepada dua lelaki yang “disembah” di mana kata-kata mereka ditaati sehingga mengatasi hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Mereka menjadikan kata-kata mereka berdua lebih tinggi dari firman Allah dan Sunnah Rasul-Nya di dalam pelaksanaan hukum. Para Imam Ahlu l-Bait

a.s khususnya Imam Ali a.s menentang perbuatan mereka berdua sebagaimana terserlah di dalam doa tersebut.

"Wahai Tuhanku! Laknatilah mereka berdua yang telah menukar agama-Mu (*alladhaini baddalaa dina-ka*), Mengubah *(ghayyaraa*) ni'mat-Mu *khilafah*), menuduh (*ittahamaa bi-rasuli-ka*) Rasul-Mu (Saw.) perkara yang bukan-bukan, menyalahi agama-Mu (*khaalafaa millata-ka*), menghalang dari jalan-Mu *(saddaa 'an sabili-ka*), mengingkari nikmat-Mu (*kafaraa aalaa-ka*), menentang *kalam*-Mu (*raddaa 'alai-ka kalama-ka*), mempersenda-sendakan Rasul-Mu (*istahza'aa bi rasuli-ka*), membunuh anak lelaki Nabi-Mu (*qatalaa ibna nabiyyi-ka*), mentahrifkan kitab-Mu (*harrafaa kitab-ka*).

Menentang ayat-ayat-Mu (*jahadaa ayati-ka*), angkuh dari beribadat kepada-Mu (*istakbaraa 'an 'ibadati-ka*), membunuh para wali-Mu (*qatalaa auliyaa-ka*), menduduki tempat di mana mereka berdua tidak berhak (*jalasaa fi majlisin lam yakun llahuma bi-haqqin*), membuatkan orang ramai memandang rendah terhadap keluarga Muhammad (*hamalaa n-Nasa 'ala aktafi ali Muhammadin a.s*), wahai Tuhanku! Laknatilah mereka berdua laknat yang berterusan (*Allahumma il'an huma la'nan yatlu ba'dhu-hu ba 'dhan*). Kumpullah mereka berdua dan pengikut-pengikut mereka berdua ke neraka Jahannam yang membakar (*uhsyur-huma wa atba'a-huma ila Jahannama zurqa*). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kami beraqarrub kepada-Mu dengan melaknati mereka berdua (*Allahumma inna nataqarrabu ilai-ka bi-lla'nati lahuma)*, dan membersihkan diri daripada mereka berdua di Dunia dan Akhirat*(wa l-baraatu lahuma fi d-Dunya wa l-Akhirah*). Wahai Tuhanku! Laknatilah pembunuh Amiru l-Mukminin (*Allahumma! Il'an qatalata Amiru l-Mukminin*), pembunuh al-Husain bin Ali anak lelaki kepada anak perempuan Rasulullah(*wa qatalata l-Husain bin Ali bin binti rasulillah Saw.*). Wahai Tuhanku! Tambahlah kepada mereka berdua azab yang berlipat ganda (*Allahumma! Zid-huma 'azaban fauqa l-'azab*), kehinaan demi kehinaan (*hawanan fauqa hawan*), kekejian demi kekejian(*dhullan fauqa dhullin*), keburukan demi keburukan(*khizyan fauqa khizyin*).

Wahai Tuhanku! Tolakkanlah mereka berdua ke neraka dengan sekuat-kuatnya (*Allahumma! Da'-huma ila n-Narri da''an*). Tolakkanlah mereka berdua kepada penderitaan azab-Mu sepenuhnya (*wa r-kus-huma ila n-Nari raksan*). Wahai Tuhanku! Kumpullah mereka berdua dan pengikut mereka berdua ke neraka secara berkelompok (*Allahumma! Uhsyur-huma wa ataba'a-huma ila Jahannama zumaran*).

Wahai Tuhanku! Pecahkanlah kesatuan mereka (*Allahumma! Farriq jam'a-hum*), hancurkanlah urusan mereka (*syattit amra-hum*), halangilah

penyatuan mereka *(khalif baina kalimati-him*), pecahlah kumpulan mereka (*baddid jama'ata-hum*), laknatilah para imam mereka (*Il'an a'immata-hum*), bunuhlah ketua-ketua dan orang yang mulia mereka (*uqtul qadata-hum wa sadaata-hum*). Laknatilah pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar mereka (*Il'an ruasa'a-hum wa kubaraa-hum*). Hancurlah bendera (kuasa)mereka (*iksir rayata-hum*), dan campakkanlah kecelakaan di kalangan mereka (*alqi l-ba'sa baina-hum*). Janganlah Engkau meninggalkan seorangpun daripada mereka *(la tabqi min-hum dayyaran*).

Wahai Tuhanku! Laknatilah "Aba Jahlin" dan "al-Walid" dengan laknat yang berterusan (*Allahumma! Il'an Aba Jahlin wa l-Walid la'nan yatlu ba'adhu-hu ba'dhan*). Wahai Tuhanku! Laknatilah mereka berdua dengan laknat yang dilaknati oleh setiap Malaikat yang *Muqarrab* (*Allahumma!Il'an huma la'nan yal'anu-huma bi-hi kullu malakin muqarrab*), setiap nabi yang diutuskan *(kullu nabiyyin mursal*), setiap mukmin yang Engkau telah menguji keimanannya (*kullu mu'min amtahanta qalba-hu li l-iman*).

Wahai Tuhanku! Laknatilah mereka berdua dengan laknat di mana ahli neraka memohon perlindungan diri mereka darinya , dan dari azab mereka berdua *(Allahumma! Il'an-huma la'nan yata'awwazu min-hu ahlu n-Nari wa min 'zabi-hima)*. Wahai Tuhanku! Laknatilah mereka berdua dengan laknat yang tidak terlintas di hati seseorang (*Allahumma! ll'an-huma la'nan la yakhturu li ahadin bi-balin*). Wahai Tuhanku! Engkau laknatilah mereka berdua secara rahsia dan secara terang-terangan *(Allahumma! Il'an-huma fi mustasirri sirri-ka wa zahiri 'alaniyyati-ka*). Azablah mereka berdua dengan sekuat-kuatnya ('*azzib-huma 'azaban fi t-Taqdir wa fauqa t-Taqdir*). Dan azablah bersama mereka berdua, dua anak perempuan mereka berdua *(syaarik ma'a-huma ibnatai-hima*), penyokong-penyokong mereka berdua (*asyya'a-huma*), pencinta-pencinta mereka berdua (*muhibbi-hima*), dan mereka yang telah mengikuti mereka berdua *(wa man syaya'a-huma*)" (*Ibid*, 30, hlm. 393-394)

LAMPIRAN F

DOA IMAM JA‘FAR AL-SADIQ A.S

“Wahai Tuhanku! Gandakanlah laknat-Mu, kebengisan-Mu, keseksaan-Mu, dan azab-Mu ke atas mereka berdua yang telah mengingkari ni‘mat (*khilafah*)-Mu (*Allahumma! Dha‘if la‘nata-ka, wa ba’sa-ka wa nikala-ka wa ‘azaba-ka ‘ala lladhaini kaffaraa ni‘mata-ka*), mengkhianati Rasul-Mu (*khaana rasula-ka*), membuat tuduhan terhadap Nabi-Mu dan menentangnya *(ittahamaa rasula-ka wa baayanaa-hu*). Merombak ikatannya pada wasiatnya *(hallaa ‘aqda-hu fi wasiyyati-hi*), meninggalkan janjinya pada khalifahnya selepasnya (*nabadhaa ‘ahda-hu fi khalifati-hi min ba‘di-hi*), mengubah hukum-hukumnya (*ghayyaraa ahkama-hu*).

Menukarkan Sunnahnya (*baddalaa sunana-hu*), memperkecilkan kemampuan hujah-hujah-Mu (*saghgharaa qadara hujaji-ka*), mulai melakukan kezaliman terhadap mereka (*bada'aa bi-zulmi-him*), menjalani jalan penipuan ke atas mereka (*tharaqaa thariqa l-ghadari ‘alai-him*), menyalahi urusan mereka (*al-khilafa ‘an amri-him*), melakukan pembunuhan terhadap mereka (*al-qatla la-hum*), menggalakkan peperangan ke atas mereka (*irhaja l-hurubi ‘alai-him*), menghalang khalifah-Mu dari menutupi kekurangan (*man‘a khalifata-ka min saddi th-thulami*), membetulkan yang belot(*taqwima l-‘iwaji*), membudayakan ilmu (*tathqifa l-awadi*), menjalankan hukum (*imdha'i l-ahkam*), menzahirkan agama Islam (*izhara d-Dini l-Islam*), dan mendirikan hudud al-Qur'an (*iqamata l-hududi l-Qur'an*).

Wahai Tuhanku! Laknatilah mereka berdua, anak perempuan mereka berdua (*Allahumma ! Il‘an-huma wa ibnatai-hima*), setiap mereka yang cenderung kepada mereka (*kulla man mala maila-hum*), mengikuti jejak mereka (*hadha hazwa-hum*), menjalani jalan mereka (*salaka thariqata-hum*), dan mengeluarkan bid‘ah mereka, laknat yang tidak pernah terlintas di hati di mana ahli neraka memohon perlindongan daripadanya (*tasaddara bi-bid‘ati-him la‘nan la yakhturu ‘ala balin*). Wahai Tuhanku! Laknatilah mereka yang menjadikan pendapat mereka sebagai agama *(Il‘ani Llahi man daana bi-qauli-him*), mematuhi perintah mereka (*ittaba‘a amra-hum*), menyeru(orang ramai) kepada *wilayah* mereka *(da‘a ila wilayati-him*), dan mengsyaki-Mu tentang kekafiran mereka daripada mereka yang terdahulu dan terkemudian (*wa syakka-ka fi kufri-him mina awwalin wa l-akhirin*)" (*Ibid*, 30, hlm.395-396)

INDEKS

S

Z